


Jilid II
Bil. 3



Hari Khamis
20hb Mac, 1980

PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KELIMA
Fifth Parliament

PENGGAL KEDUA
Second Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 409]

USUL:

Ucapan Terima Kasih kepada D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang
di-Pertuan Agong [Ruangan 461]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KELIMA

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' (DR) SYED NASIR BIN ISMAIL,
P.M.N., S.P.M.J., S.S.I.J., D.P.M.P., P.I.S., B.S.I.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Wilayah Persekutuan, DATO. HUSSEIN ONN,
D.K. (Johor) (Sri Gading).

” Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Perdagangan dan Perindustrian,
DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.P.M.S., S.S.A.P.
(Kubang Pasu).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan DATO' LEE SAN CHOON, S.P.M.J., S.S.I.J., K.M.N. (Segamat).

” Menteri Undang-undang, DATO' SERI HAJI HAMZAH BIN HAJI ABU SAMAH,
S.S.A.P., S.I.M.P., S.M.K., S.P.D.K. (Temerloh).

” Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TAN SRI ONG KEE HUI, P.M.N.,
P.N.B.S., P.G.D.K. (Bandar Kuching).

” Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN
SHAFIE, P.M.N., S.S.A.P., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).

” Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TAN SRI DATO' HAJI
ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., S.P.M.J., S.P.D.K., S.S.I.J. (Tenggaroh).

” Menteri Kebajikan Am, DATIN PADUKA HAJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL
GHANI, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).

” Menteri Pertahanan, DATUK AMAR HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.A.,
S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).

” Menteri Luar Negeri, Y. M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEEN
AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., P.M.K. (Kota Bharu).

” Menteri Pelajaran, DATO' MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J. (Labis).

” Menteri Kewangan, Y. M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K.,
P.S.M. S.P.M.K. (Ulu Kelantan).

” Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS,
J.M.N., P.J.K. (Jelebu).

” Menteri Kesihatan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N., (Batu
Berendam).

” Menteri Pertanian, DATO' SHARIFF AHMAD, D.S.A.P., D.I.M.P., J.M.N.
(Jerantut).

” Menteri Penerangan, DATO MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., D.P.M.J.,
K.M.N. (Pulai).

” Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATO' RICHARD HO UNG HUN, D.P.M.P.
(Lumut).

- Yang Berhormat Menteri Perusahaan Utama, DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).
- „ Menteri Perusahaan Awam, DATO' ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Trengganu).
- „ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN LEO MOGGIE ANAK IROK (Kanowit).
- „ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' DR NEO YEE PAN, D.P.M.J. (Muar).
- „ Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATO S. SAMY VELLU, D.P.M.S., A.M.N., S.M.S., P.C.M. (Sungai Siput).
- „ TUAN (Timbalan) Yang di-Pertua, DATO' MANSOR BIN OTHMAN, K.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN BIN MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO' MOKHTAR BIN HAJI HASHIM, D.S.L.D. (Tampin).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, J.B.S. (Santubong).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' HAJI RAMLI BIN OMAR, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIFF (Kuantan).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATUK K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N., K.M.N. (Shah Alam).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DR LING LIONG SIK (Mata Kuching).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DATUK HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., S.M.T., P.B. (Besut).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI DATO' SYED AHMAD SHAHABUDDIN AL-HAJ, P.S.M., S.P.M.K., S.S.D.K., P.N.B.S., P.G.D.K., J.M.N., J.P. (Padang Terap).
- „ Timbalan Menteri Undang-undang, DATO' ABDULLAH BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N. (Ulu Nerus).
- „ Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN SANUSI BIN JUNID (Jerlun-Langkawi).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN MAK HON KAM, J.M.N., A.M.P. (Tanjong Malim).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' MOHAMED NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK, O.K.I.S., D.S.A.P. (Pekan).
- ” Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DR NIK HUSSEIN BIN ABDUL RAHMAN, K.M.N. (Kuala Krai).
- ” Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, TUAN CLARENCE E. MANSUL (Penampang).
- ” Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK CHIN HON NGIAN (Renggam).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN JAWAN ANAK EMPALING, K.M.N. (Rajang).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Pertahanan, DATO ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Batu Pahat).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO. HAJI EMBONG BIN YAHYA, D.P.M.J., A.M.N., P.I.S. (Ledang).
- ” Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD (Johor Bahru).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Wilayah Persekutuan, TUAN ABDULLAH BIN HAJI AHMAD, K.M.N. (Kepala Batas).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.M.T., S.M.S., P.I.S. (Kuala Selangor).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN IDRIS BIN ABDUL RAUF, A.M.P., A.M.N. (Parit Buntar).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Utama, TUAN ABDUL RAHIM BIN DATUK THAMBY CHIK, P.J.K. (Alor Gajah).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, TUAN WILLIAM LYE CHEE HIEN (Gaya).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, TUAN MOHD. KASSIM *alias* YAHYA BIN AHMAD (Machang).
- ” TUAN ABBAH BIN MENGIMBAL *alias* GEORGE ABBAH (Bandau).
- ” TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- ” TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH, P.P.N., B.S.K. (Kinabatangan).
- ” TUAN ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR (Kulim-Bandar Bahru).
- ” TUAN ABDUL RAHMAN BIN DAUD (Pasir Mas).
- ” DATUK PATINGGI TAN SRI (DR) HAJI ABDUL RAHMAN BIN YA'KUB, D.P., P.M.N., S.P.M.J., S.I.M.P., S.P.M.K., S.P.D.K., P.N.B.S. (Paloh).
- ” TUAN ABDUL SHUKUR BIN HAJI SIRAJ (Tanjung Karang).
- ” DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota Setar).
- ” TUAN ALIAS BIN MD. ALI, P.J.K. (Ulu Trengganu).
- ” TUAN A. K. ALIUDIN BIN PENGIRAN HAJI MOHD. TAHIR (Kimanis).
- ” TUAN HAJI AMPONG BIN PUYON, A.S.D.K., A.D.K., J.P.U., J.P., (Labuk Sugut).
- ” DATUK HAJI ASHKAR HASBOLLAH, P.G.D.K. (Marudu).

- Yang Berhormat TUAN AU HOW CHEONG (Telok Anson).
- „ TUAN AWANG BIN JABAR, P.J.K. (Dungun).
- „ TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P. (Batang Padang).
- „ TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ TUAN CHAN TECK CHAN (KOTA MELAKA).
- „ TUAN CHAN KOK KIT *alias* CHAN KIT (Sungai Besi).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ DATO MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Ulu Selangor).
- „ TUAN CHIEN HENG KAI (Batu Gajah).
- „ TUAN CHIENG TIONG KAI (Sarikei).
- „ PUAN CHOW POH KHENG, S.M.S. (Ulu Langat).
- „ TUAN RICHARD DAMPING ANAK LAKI (Serian).
- „ TUAN PETER PAUL DASON (Bukit Bendera).
- „ TUAN V. DAVID (Damansara).
- „ TUAN EDWARD ESEN UNANG (Mukah).
- „ DATUK EDWIN ANAK TANGKUN, P.N.B.S., P.B.S., A.B.S. (Batang Lupar).
- „ DATUK STEPHEN ROBERT EVANS, P.G.D.K., J.P. (Keningau).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ TUAN V. GOVINDARAJ (Pelabuhan Kelang).
- „ DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K. (Ulu Padas).
- „ TUAN HASHIM BIN ENDUT (Ulu Muda).
- „ TUAN HASHIM BIN GHAZALI, A.M.N. (Matang).
- „ TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD, J.S.M. (Bagan Datok).
- „ DR HEE TIEN LAI, A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Ayer Hitam).
- „ TUAN HIEW NYUK YING (Tawau).
- „ TUAN HISHAMUDDIN BIN HAJI YAHAYA (Maran).
- „ TUAN HUSSEIN BIN MAHMOOD (Tanah Merah).
- „ TUAN IBRAHIM BIN MUHAMMAD, P.B., P.P.M., P.P.N. (Rantau Panjang).
- „ TUAN HAJI IKHWAN BIN NASIR (Pontian).
- „ TUAN ISMAIL BIN ARSHAD, A.M.K. (Jerai).
- „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- „ TUAN JAMALUDDIN BIN HAJI SUHAIMI, A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN KAMALUDDIN BIN MAAMOR (Hilir Perak).
- „ TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN MARK KODING (Kinabalu).
- „ DATUK LEE BOON PENG, D.S.N.S., A.M.N., P.J.K., J.P. (Mantin).

Yang Berhormat TUAN LEE KAW (Kluang).

- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ TUAN LIBEN ANAK KATO (Betong).
- „ TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).
- „ TUAN LIM KIAM HOON *alias* LIM AH YING, A.M.K., (Padang Serai).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Petaling).
- „ TUAN LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, J.B.S. (Kapit).
- „ TUAN MOHAMAD TAJOL ROSLI BIN MOHAMED GHAZALI (Gerik).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).
- „ TAN SRI DATUK HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K., (Kota Belud).
- „ TUAN HAJI MOHAMMAD TAUFEK BIN O. K. .K. HAJI ASNEH, D.S.K., B.K., P.P.M. (Hilir Perak).
- „ TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS, A.M.P. (Parit).
- „ TUAN HAJI MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM, J.S.M. (Setapak).
- „ TUAN MOHD. NAKHAIE BIN HAJI AHMAD (Baling).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
- „ TUAN MUHIYUDDIN BIN HAJI MOHAMED YASSIN, P.I.S. (Pagoh).
- „ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ DATUK NIK HASSAN BIN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.N.B.D., P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).
- „ DATUK JAMES PETER ONGKILI, D.I.M.P. (Tuaran).
- „ TUAN OO GIN SUN, A.M.K., S.D.K. (Alor Setar).
- „ TUAN PATRICK ANEK UREN (Mas Gading).
- „ TUAN P. PATTO (Menglembu).
- „ TUAN RACHA UMONG, P.B.S. (Bukit Mas).
- „ DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, S.P.D.K., J.P. (Silam).
- „ DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kuala Kedah).
- „ TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).
- „ TUAN SHAARI BIN JUSOH, J.M.N., A.M.P., P.P.N., P.P.M. (Kangar).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALLEH, A.M.N., P.K.T., J.P. (Balik Pulau).
- „ PUAN SHARIFFAH DORAH BINTI MOHAMMED (Semerah).

Yang Berhormat TUAN SIBAT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).

- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN HAJI SUHAIMI BIN DATO' HAJI KAMARUDDIN, A.M.N., S.M.S. (Sepang).
- „ TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED, A.M.P., P.J.K. (Arau).
- „ TUAN RAYMOND SZETU MEI THONG (Lampir).
- „ TUAN TAN KOON SWAN, A.M.P., J.P. (Raub).
- „ DR TAN TIONG HONG (Kepong).
- „ TENGGU NOOR AISHAH BINTI TENGGU AHMAD, A.M.N., P.B. (Tumpat).
- „ TUAN TING CHEK MING (Bruas).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ TUAN UMAR BIN HAJI ISMAIL, A.M.N., P.P.T. (Padang Rengas).
- „ Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed (Pasir Puteh).
- „ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN WONG HOONG KEAT (Tanjong).
- „ DR WONG SOON KAI, P.B.S. (Sibu).
- „ TUAN YANG CHOONG FU (Kinta).
- „ PUAN YONG FATIMAH BINTI MOHD. RAZALI, A.M.N., P.J.K. (Kuala Kangsar).
- „ DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- „ TUAN YUSOF BIN MALIM KUNING *alias* ABDUL RAHMAN BIN MOHD. JANI P.I.S., B.S.I. (Panti).
- „ TUAN HAJI ZABIDI BIN HAJI ALI, P.J.K. (Permatang Pauh).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P.B. Menon.

Penolong Penyunting: Haji Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Ng Chong Kin.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Kalsom binti Ghazali.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Khamis, 20hb Mac, 1980

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan*
Mesyuarat)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT
BAGI PERTANYAAN-
PERTANYAAN

PEJABAT MARA DI KAPIT

1. Tuan Sibat Miyut anak Tagong minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan sama ada kemungkinan sebuah pejabat MARA boleh ditubuhkan di Kapit juga sepertimana di lain-lain ibu pejabat-ibu pejabat bahagian di Sarawak bagi membolehkan lebih ramai rakyat dari kesemua pelusuk negeri tersebut mendapat faedah dari berbagai aktiviti dan kemudahan yang disediakan oleh MARA.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam (Tuan Idris bin Abdul Rauf): Tuan Yang di-Pertua, di Sarawak telah ada beberapa buah Pejabat MARA yang ditempatkan di Bahagian-bahagian seperti berikut:

- (i) Kuching
- (ii) Simanggang
- (iii) Sarikei
- (iv) Serian
- (v) Miri
- (vi) Limbang
- (vii) Sibu
- (viii) Bintulu
- (ix) Dua (2) buah pejabat lagi dalam proses penubuhan di:
 - (a) Lundu/Bau
 - (b) Mukah/Dalat

Pada masa ini adalah memadai untuk Pejabat MARA Sibu menjalankan tugas yang meliputi Kapit dan Belaga. Dengan itu tidak ada rancangan untuk menubuhkan sebuah Pejabat MARA di Kapit buat masa sekarang.

Tuan Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyoal Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sama ada selain daripada tempat-tempat yang diberitahu tadi adakah rancangan-rancangan lain iaitu selain daripada Kapit tempat-tempat lain di mana pejabat-pejabat MARA akan ditubuhkan di Sarawak.

Tuan Idris bin Abdul Rauf: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang saya katakan tadi ada dua buah pejabat baru yang dalam proses penubuhan iaitu di Lundu/Bau dan Mukah/Dalat. Selain daripada itu tidak ada rancangan buat masa ini.

IJAZAH ASING—KRITERIA
PENGIKTIRAFAN

2. Tuan Au How Cheong minta Menteri Pelajaran menyatakan:

- (a) apakah kriteria bagi Kerajaan kita untuk mengiktirafkan ijazah-ijazah asing dan negara-negara manakah ijazah-ijazahnya diiktirafkan oleh Malaysia sekarang; dan
- (b) negara-negara manakah yang mengiktirafkan Sijil Pelajaran Malaysia, Sijil Tinggi Pelajaran serta diploma-diploma dan ijazah-ijazahnya kita bagi tujuan memenuhi keperluan kemasukan kepada institusi-institusi pelajaran tinggi mereka.

Timbalan Menteri Pelajaran (Dato' Chan Siang Sun): Tuan Yang di-Pertua,

(a) Kriteria-kriteria yang digunakan oleh Kerajaan dalam menilai dan mengiktiraf sesuatu kelayakan adalah seperti berikut:

- (i) Keterangan mengenai institusi (kolej atau universiti) yang berkenaan;
- (ii) Kelayakan masuk;
- (iii) Jangka masa kursus;
- (iv) Kandungan Kursus;
- (v) Kelayakan tenaga pengajar;
- (vi) Nisbah tenaga pengajar dengan bilangan pelajar;
- (vii) Kemudahan-kemudahan di Institusi seperti perpustakaan, makmal dan lain-lain;
- (viii) Bahasa pengantar yang digunakan;
- (ix) Sistem peperiksaan;
- (x) Hubungan Institusi dengan institusi-institusi yang lain;
- (xi) Prestasi siswazah-siswazah daripada institusi yang berkenaan;
- (xii) Penilaian/pengiktirafan yang diberikan oleh negeri-negeri yang berkenaan di mana sesuatu kelayakan itu dikeluarkan;
- (xiii) Jawatan yang bersesuaian dalam Perkhidmatan Kerajaan bagi memegang kelayakan yang berkenaan.

Pengiktirafan yang diberikan oleh Kerajaan bukanlah mengikut negara-negara yang tertentu, sebaliknya pengiktirafan yang diberi adalah khusus kepada kelayakan-kelayakan. Ini bermakna dalam sesebuah negara tidak semua kelayakan-kelayakan yang dikeluarkan oleh negara yang berkenaan itu diiktiraf oleh Kerajaan.

(b) Pada masa yang lampau, negara-negara yang mengiktiraf Sijil Pelajaran Malaysia, Sijil Tinggi Pelajaran, Diploma-diploma dan Ijazah-ijazah daripada institusi-institusi Kerajaan adalah

pada umumnya negara-negara Commonwealth sahaja. Pengiktirafan kelulusan-kelulusan tersebut di Amerika Syarikat adalah terpulang kepada institusi-institusi yang berkenaan untuk membuat penilaian dan keputusannya sendiri. Bagi negara-negara di Eropah dan Asia (selain daripada negara-negara Commonwealth) pengiktirafan tidak diberikan secara rasmi kepada kelulusan-kelulusan tersebut keseluruhannya oleh Kerajaan atau institusi-institusi masing-masing, tetapi adalah juga tergantung kepada keputusan penilaian yang dibuat oleh mereka terhadap kelulusan-kelulusan tersebut dari masa ke semasa.

Tuan Hussein bin Mahmood: Tuan Yang di-Pertua, sekejap tadi dalam menjawab kepada soalan (a) Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan mengatakan sebanyak 13 kriteria dipertimbangkan sebelum sesuatu ijazah itu diiktirafkan. Soalan saya adakah tiga belas ini perlu dipenuhi dahulu sebelum sesuatu ijazah itu diiktirafkan ataupun memadai dengan sebahagian besar ataupun sekurang-kurangnya berapa daripada syarat ini perlu dipenuhi sebelum ijazah-ijazah tersebut diiktirafkan.

Dato' Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, ke semua 13 syarat-syarat yang telah saya sebutkan tadi dapat dipertimbangkan sebelum memberi pengiktirafan.

Tuan Chan Teck Chan: Selain daripada 13 kriteria atau syarat-syarat yang diamalkan oleh Kerajaan untuk mengiktirafkan ijazah-ijazah asing maka adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa Kerajaan juga berasaskan pada kriteria politik untuk menentukan pengiktirafan ijazah-ijazah dari sesebuah negara asing. Jika sekiranya Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar maka bolehkah Kementerian Pelajaran akan memberikan satu jaminan kepada Dewan yang mulia ini bahawa kriteria politik itu haruslah dihapuskan untuk dijadikan satu pertimbangan mengiktiraf ijazah-ijazah dari negara-negara asing.

Tuan Yang di-Pertua: Ini satu soalan tambahan kecil kepada satu soalan tambahan yang dimisal-misalkan, ini membuang masa Dewan sahaja.

Tuan Chan Teck Chan: Saya ada bukti memberikan

Tuan Yang di-Pertua: Bukan bukti tetapi tanya dahulu. Kalau sudah dijawab, baharulah boleh, kalau tidak menghabiskan masa sahaja. Tak apalah, jawab bahagian pertama sahaja.

Dato' Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, jawapannya tidak.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, apakah sebabnya setengah-setengah ijazah asing, misalnya, daripada Universiti Gajah Mada telah diiktiraf lebih rendah daripada ijazah yang diterimanya. Misalnya yang diterima ijazah tetapi diiktiraf sebagai diploma sahaja.

Dato' Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya katakan dalam jawapan saya tadi iaitu sebelum satu-satu ijazah dapat diiktiraf, tentulah kita akan membuat penilaian. Jikalau ijazah atau diploma daripada negara itu tidak dapat menyesuaikan dengan ukuran kita, tentulah kita tidak dapat memberikan setaraf dengan apa yang kita kehendaki.

Tuan P. Patto: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada benar bahawa pihak Kerajaan mengiktirafkan ijazah-ijazah yang diperolehi oleh graduan-graduan yang telah mengambil sebahagian besar kursus di sebuah universiti di mana ijazahnya tidak diiktiraf tetapi mereka mengambil peperiksaan akhir (final examination) dalam satu universiti lain di mana ijazahnya diiktiraf. Dalam keadaan itu benarkah bahawa pihak Kerajaan mengiktiraf ijazah itu walaupun sebahagian besar daripada kursus itu dijalankan dalam universiti di mana ijazah itu tidak diiktiraf.

Dato' Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, ini memang tidak benar.

Tuan P. Patto: (*Bangun*).

Tuan Yang di-Pertua: Jawapannya tidak tepatkah?

Tuan P. Patto: Saya ada bukti.

Tuan Yang di-Pertua: Bukti tidak payah. Soalan tambahannya apa?

Tuan P. Patto: Saya ingin tahu sama ada beliau sedar bahawa ijazah BDS (Bachelor of Dental Surgery) yang dikeluarkan di universiti India yang tidak diiktiraf di sini tetapi apabila seseorang pelajar menghabiskan tiga tahun dalam sebuah universiti itu dan pada tahun akhir beliau pergi ke universiti di Bangladesh dan kembali dengan ijazah dari universiti Bangladesh, ijazah itu diiktiraf oleh pihak Kerajaan.

Dato' Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, kalau universiti yang akhir dia ambil ijazah ini boleh diiktiraf oleh kita, kita tentu mengiktirafkan.

“JUICE” BUAH-BUAHAN

3. Tuan Alias bin Md. Ali bertanya Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar sama ada beliau sedar “juice” buah-buahan yang diproses di dalam tin atau dikotakkan sedang dijual di pasaran tanpa kawalan mutu yang memuaskan, iaitu mengandungi “flavour” dan “colouring” dan sedikit sekali air perahan dari buah-buahan yang tulen. Kiranya sedar apakah langkah-langkah yang diambil oleh Instituit Penyelidikan Sains dan Perusahaan Negara serta Pusat Piawai (SIRIM) untuk menjelaskan kepada pengguna secara periodical mengenai kandungan sebenar minuman tersebut.

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Tan Sri Ong Kee Hui): Tuan Yang di-Pertua, tidak benar dakwaan bahawa “juice” buah-buahan yang diproses di dalam tin atau dikotakkan dijual di pasaran tanpa kawalan mutu yang memuaskan. Pihak Kerajaan ada mengadakan pengawalan terhadap makanan tersebut melalui penguatkuasaan seperti berikut:

- (a) Kementerian Kesihatan dan Kerajaan-kerajaan Tempatan ada menjalankan pemeriksaan dari segi kebersihan terhadap kilang-kilang memproses makanan tersebut dan juga premis-premis di mana makanan tersebut dijual kepada orang ramai untuk memastikan makanan tersebut diproses dan dijual dalam keadaan yang bersih.

- (b) Kementerian Kesihatan dan Kerajaan-kerajaan Tempatan juga ada menjalankan kawalan mutu makanan tersebut dengan mengambil contoh-contoh untuk dianalisa oleh Jabatan Kimia bagi memastikan makanan tersebut mematuhi peraturan-peraturan yang ditetapkan.

Kedua-dua aktiviti-aktiviti tersebut telah dijalankan di bawah peruntukkan yang ditetapkan dalam Ordinan Jualan Makanan dan Dadah 1952. Peraturan Jualan Makanan dan Dadah 1952 tidak melarang kegunaan "flavour" dan bahan berwarna tertentu dalam makanan yang diproses seperti "juice" buah-buahan tetapi jika "flavour" dan berwarna tersebut digunakan ia mestilah dari bahan yang dibenarkan di bawah peraturan tersebut. Makanan yang telah diproses hendaklah dilebel dengan sempurna mengikut keperluan peruntukan mengenai label dalam peraturan tersebut supaya tidak boleh mengelirukan orang yang membeli, dan

- (c) Kementerian Perdagangan dan Perindustrian pula mengambil tindakan ke atas pihak-pihak yang didapati menjalan perniagaan yang bertentangan dengan perihal perdagangan bagaimana yang termaktub di dalam Akta Perihal Perdagangan 1972 (Trade Description Act 1972). Tindakan ini akan diikuti dengan tindakan mahkamah bagaimana telah dilakukan ke atas barangan-barangan yang lain.
- (d) Pihak SIRIM tidak menjalankan urusan penguatkuasaan tetapi hanya memberi galakan kepada perusahaan-perusahaan seperti perusahaan mengetin buah-buahan dan minuman ini untuk meninggikan taraf dan kualiti bahan-bahan pengeluaran mereka melalui rancangan piawaiannya.

Walau bagaimanapun, Kerajaan serkarang bercadang untuk meminda Ordinan Jualan Makanan dan Dadah 1952 supaya peruntukan mengenai pengawalan mutu makanan diadakan sebagai salah satu peruntukan di dalam Akta yang baru berkenaan dengan makanan dikemaskan. Rang Undang-undang ini akan dikemukakan ke Dewan yang mulia ini apabila siap ianya digubal.

Tuan Haji Mohd. Idris bin Haji Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Menteri ada menerangkan bahawa tugas SIRIM adalah bertanggungjawab bagi menjaga mutu segala jenis pengeluaran, terutamanya sekali bahan-bahan makanan yang dikeluarkan dalam negara kita. Soalan saya ialah sama ada SIRIM mempunyai alat-alat kemudahan dan machinery yang lengkap bagi mengetahui kedudukan mutu segala pengeluaran bahan-bahan makanan ini. Adakah SIRIM tidak ada alat kemudahan bagi menentukan nilai mutu pengeluaran barang-barang makanan ini.

Tan Sri Ong Kee Hui: Tuan Yang di-Pertua, dalam jawapan saya tadi, saya telah menerangkan berkenaan dengan perkara ini dianalisa oleh Jabatan Kimia, jadi bukan SIRIM yang menjaga hal ini.

Dr Hee Tien Lai: Tuan Speaker, saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Menteri adakah di antara syarat-syarat untuk menjaga mutu makanan itu pihak Kementerian hendak pengeluar mencatatkan pada tin atau kotak itu masa panjang yang boleh menjamin mutu yang selamat (shelf life) untuk penggunaan orang ramai?

Tan Sri Ong Kee Hui: Kawalan ini, Tuan Yang di-Pertua, seperti saya terangkan tadi, dijalankan oleh Kementerian Perdagangan dan Perindustrian.

SIMPANAN PERTUKARAN NEGARA (NATIONAL EXCHANGE RESERVES)

4. Tuan Wong Hoong Keat (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada simpanan-simpanan pertukaran negara (national exchange reserves) kita disokong dengan liberalnya oleh emas sebagai satu langkah untuk menghindarkan demam inflasi sedunia.

Menteri Kewangan (Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah): Tuan Yang di-Pertua, tujuan utama dasar simpanan pertukaran negara kita ialah untuk melindungi dan mengekalkan kestabilan nilai ringgit. Dalam mencapai tujuan ini, Kerajaan memastikan bahawa paras simpanan pertukaran asing adalah mencukupi untuk menampung jumlah matawang Malaysia dalam pengedaran dan bentuk simpanan ini dipelbagaikan untuk

mengekalkan nilainya setiap masa. Pada pertengahan bulan Februari, 1980, penengangan simpanan pertukaran asing berjumlah sebanyak \$9,200 juta iaitu 1.8 kali ganda daripada nilai matawang dalam pengedaran dan bersamaan dengan 7 bulan import yang dikekalkan mengikut paras semasa. Kedua-dua nisbah ini adalah tinggi mengikut amalan antarabangsa. Simpanan pertukaran asing kita adalah dalam bentuk emas, pertukaran wang asing (termasuk Dollar Amerika Syarikat, Yen Jepun, Deutsche-mark dan Swiss Franc), Hak Pengeluaran Khas (Special Drawings Rights) dan simpanan dalam Tabung Wang Antarabangsa (IMF). Adalah menjadi dasar Kerajaan untuk mengekalkan beberapa campuran aset dalam simpanan pertukaran asing supaya ianya terjamin daripada kerugian modal akibat daripada turun naik nilai matawang dan perubahan dalam harga emas. Ahli-ahli Yang Berhormat sudah tentu bersetuju iaitu dalam menguruskan simpanan ini, kepentingan negara mungkin terjejas sekiranya aset ini dilonggokkan semata-mata dalam bentuk emas atau Dollar Amerika Syarikat atau mana-mana satu matawang asing. Nilai simpanan ini perlu dilindungi daripada apa-apa risiko kerugian modal. Dasar simpanan pertukaran negara adalah cermat (conservative) kerana bentuk aset dipelbagaikan di samping memperolehi kadar pulangan yang memuaskan. Emas sememangnya adalah salah satu daripada komponen simpanan pertukaran negara. Kedudukan simpanan pertukaran negara sentiasa dikaji dari masa ke semasa dengan mengambil pertimbangan kemajuan semasa dan prospek pasaran kewangan antarabangsa dan pasaran modal.

Tuan Lee Kaw: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Menteri Kewangan memberitahu di Dewan ini apakah kadar peratus emas dalam reserve ini?

Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, ini adalah perkara rahsia dan untuk menjaga kepentingan negara dukacita saya tidak dapat memaklulkannya.

UNIT PENGADUAN KHAS PERUMAHAN

5. Tuan Lee Lam Thye minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan berapakah jumlah pengaduan yang telah

diterima oleh Yunit Khas Pengaduan Perumahan sejak penubuhannya hinggalah ke hari ini; berapakah kes yang telah dirujuk kepada BSN; apakah bentuk pengaduan tersebut dan bagaimanakah kesan Yunit Khas ini dalam mengatasi berbagai pengaduan.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato' Haji Ramli bin Omar): Tuan Yang di-Pertua, sebanyak 88 aduan telah diterima oleh Yunit Pengaduan Khas sejak penubuhannya pada awal bulan Oktober tahun lalu. Seperti biasa aduan-aduan tersebut adalah mengenai kerosakan dan kecacatan, kelewatan menyiapkan rumah, kelewatan mendapatkan surat hakmilik, kenaikan harga, urusan jual-beli tanah, bayaran "under-the-counter", pembatalan perjanjian jualbeli dan aduan-aduan terhadap syarikat-syarikat koperasi dan agensi-agensi Kerajaan yang menjalankan kemajuan perumahan. Kebanyakan aduan adalah mengenai kerosakan dan kelewatan menyiapkan rumah, iaitu sebanyak 21 aduan bagi tiap-tiap jenis. Daripada aduan-aduan yang diterima telah muncul juga sembilan kes dimana pemaju-pemaju nampaknya telah menjalankan urusan perumahan tanpa lesen atau telah melanggar lain-lain peruntukan dalam Akta Pemaju-pemaju Perumahan Kes-kes ini sedang disiasat oleh Kementerian saya bersama-sama dengan Biro Siasatan Negara dan pihak polis (Cawangan Jenayah Perdagangan).

Semenjak penubuhan Yunit Khas, pihak Pengawasan dan Penguatkuasa yang menjadi urusetia kepada Yunit ini, telah memperkemaskan lagi cara dan pendekatannya dalam usaha-usaha penyelesaian aduan-aduan. Khasnya, pihak pengawasan dan penguatkuasa telah mengadakan lebih banyak lagi perjumpaan atau pertemuan dengan pemaju-pemaju, pembeli-pembeli dan lain-lain pihak yang terlibat secara tidak langsung dalam masalah-masalah yang dibangkitkan. Dengan cara ini, bukan sahaja proses penyelesaian dapat dipercepatkan tetapi pertemuan dan perbincangan yang mendalam yang diadakan itu akan mewujudkan persefahaman dan perspektif tentang pertikaian yang berkenaan dan kerumitan-kerumitan yang dialami oleh semua pihak pada keseluruhannya dalam usaha-usaha untuk melaksanakan sesuatu kemajuan perumahan dengan sempurna dan teratur. Dengan cara

ini, tujuan Kementerian saya untuk menyelesaikan pertikaian di antara pemaju dan pembeli secara tolak ansur dapat dicapai dengan lebih mudah lagi. Juga, dengan bertambahnya pegawai-pegawai penguatkuasa, maka pihak pengawasan dan penguatkuasa, dapat memberi layanan yang lebih sempurna, teratur dan berkesan kepada aduan-aduan yang diterima. Setakat ini hampir setengah daripada aduan-aduan yang diterima telah dapat diselesaikan.

Pada satu masa yang lalu, telah disuarakan dalam surat-surat khabar dan juga oleh Ahli-ahli Yang Berhormat cadangan supaya Yunit Pengaduan Khas ini memainkan peranan yang lebih positif dan berkesan sebagai apa yang dikatakan "a one-stop agency" dalam usahanya untuk menyelesaikan masalah-masalah yang dihadapi dalam pelaksanaan projek-projek perumahan swasta. Cadangan ini, nampaknya, timbul daripada salahfaham tentang tindakan yang telah diambil ke atas beberapa aduan yang di luar bidangkuasa Kementerian saya. Perkara ini telah salah dilaporkan dalam suratkhobar yang menyatakan bahawa Kementerian telah hanya menyampaikan aduan-aduan tersebut kepada pihak berkuasa negeri untuk tindakan mereka. Sebenarnya aduan-aduan itu bukan aduan-aduan terhadap pemaju-pemaju perumahan tetapi rayuan-rayuan mengenai pemberian atau pemilihan calon-calon untuk rumah-rumah murah yang dilaksanakan oleh Kerajaan-kerajaan Negeri atau agensi-agensinya. Kementerian saya tidak seharusnya mencampurtangan dalam perkara-perkara seperti ini dan adalah terpulang kepada pihak berkuasa negeri untuk menentukan calon-calon yang layak mendapat rumah-rumah murah dan juga menimbangkan rayuan-rayuan mereka.

Saya suka menegaskan bahawa Yunit Pengaduan Khas, sejak penubuhannya dan juga pihak pengawasan dan penguatkuasa pada dulunya telah menjalankan tugas-tugasnya sebagai "a one-stop agency". Objektif muk-tamad Kementerian saya dalam bidang pengawasan dan penguatkuasa ialah pembinaan dan penyediaan kawasan-kawasan estet perumahan yang sempurna dan teratur. Saya sedar bahawa pencapaian objektif ini tertakluk juga kepada perhubungan dengan dan penglibatan lain-lain badan Kerajaan seperti penguasa-penguasa tempatan, pejabat-pejabat tanah, pihak-pihak perancangan, Jabatan Kerja

Raya, Jabatan Parit dan Taliair dan sebagainya. Aduan-aduan mengenai, misalnya, kemudahan-kemudahan infrastruktur seperti jalan, parit, banjir, kawasan-kawasan rekreasi, kesihatan, perkhidmatan, ataupun aduan-aduan mengenai kelewatan mendapat surat hak-milik memerlukan penglibatan pihak-pihak berkuasa yang berkenaan sebelum dapat diselesaikan. Kementerian saya tidak sahaja melaporkan masalah-masalah tersebut kepada mereka tetapi mengadakan perjumpaan dan perbincangan dengan semua pihak yang terlibat supaya dapat ditentukan langkah-langkah yang perlu diambil oleh masing-masing untuk mengatasi masalah-masalah itu, pegawai-pegawai penguatkuasa adalah diminta, dalam perjalanan mereka untuk berhubung rapat dengan pegawai-pegawai di penguasa-penguasa tempatan, pejabat-pejabat daerah dan tanah dan sebagainya supaya penyelesaian aduan-aduan dapat dipercepatkan.

Tuan Yang di-Pertua: Panjang sungguh macam rumah deret (*Ketawa*).

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Speaker, tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada menyatakan bahawa Yunit Khas Pengaduan Perumahan telah menerima 88 pengaduan. Di sini suka saya mendapat tahu ada berapa kes khas yang ada berkaitan dengan mendapat rumah melalui bayaran under the counter. Oleh sebab ini adalah satu masalah yang sangat serius dan di sini saya suka mendapat tahu sama ada pihak Kementerian yang berkenaan dapat bekerjasama dengan pihak BSN untuk mencari satu jalan yang efektif untuk mengatasi pengaduan ataupun masalah mengenai mendapat rumah melalui bayaran under the counter.

Dato' Haji Ramli bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya memang mengkaji dengan cukup mendalam dan bersungguh-sungguh dalam masalah ini. Mengenai dengan bayaran under the counter ini sebenarnya pihak Yang Berhormat dan pihak orang ramai hendaklah bekerjasama dengan pihak Kementerian. Dalam perkara ini Kementerian telah bekerjasama dengan pihak BSN dan sebagainya saya telah nyatakan tadi kita telah mengadakan pertemuan dengan BSN dan Polis Cawangan Perdagangan untuk mengatasi masalah seperti Yang Berhormat timbulkan dalam Dewan yang mulia ini.

Dr Hee Tien Lai: Tuan Speaker, di antara aduan-aduan tersebut oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri adalah mengenai kenaikan harga. Atas perkara ini adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa kebanyakan potential pembeli-pembeli yang telah menandatangani kontrak dengan pemaju-pemaju perumahan pada beberapa tahun dahulu adalah dikehendaki membayar harga masa sekarang iaitu dua tiga kali ganda yakni mereka terpaksa membayar harga luar daripada harga yang ada dalam kontrak yang telah ditandatangani beberapa tahun dahulu?

Dato' Haji Ramli bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya memang sedar. Sebelum projek-projek perumahan ini dilaksanakan, Kementerian berkehendakkan kepada pemaju supaya mereka ini menetapkan harga-harga rumah ini dan selepas itu apabila mereka hendak menaikkan harga rumah mestilah mereka memberitahu kepada Kementerian. Pendeknya kalau tidak munasabah maka Kementerian tidak akan memberi persetujuan untuk menaikkan harga rumah itu sewenang-wenangnya. Ini yang sebenarnya kita adalah memerhati dengan begitu bersungguh-sungguh dalam masalah menaikkan harga.

Tuan Au How Cheong: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin hendak bertanya sama ada tugas Yunit Khas ini meliputi siasatan atas pembinaan rumah-rumah yang didirikan atas tanah yang masih berjenis tanaman, misalnya belum dipecah atau dibahagikan sebagai kawasan perumahan. Kalau masalah timbul dalam kawasan seperti itu dapatkah Yunit Khas ini memberi pertolongan yang wajar.

Dato' Haji Ramli bin Omar: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, lazimnya sebelum rancangan perumahan ini dilaksanakan pemaju hendaklah terlebih dahulu memohon kepada Kerajaan yang berkenaan untuk menukar syarat tanah itu. Kalau sekiranya tanah itu tidak ditukar syarat, yakni dikecualikan bagi tanah-tanah yang dibuat rumah sebuah-sebuah yang tidak ada kena mengena dengan soal pemaju perumahan itu memang boleh, tetapi kalau dibuat lebih daripada 5 buah maka tanah itu hendaklah ditukar syarat terlebih dahulu.

Tuan Lee Lam Thye: (*Bangun*).

Tuan Yang di-Pertua: Hendak soal lagi? Baiklah.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Speaker, di antara 88 kes itu, saya mendapat tahu ada berapa kes yang telah disampaikan kepada mahkamah untuk tindakan undang-undang.

Dato' Haji Ramli bin Omar: Lebih kurang 9.

BAHASA INGGERIS—MUTU PENGAJARAN DI SEKOLAH-SEKOLAH

6. Tuan V. Govindaraj minta Menteri Pelajaran menyatakan rancangan-rancangan Kementerian untuk meningkat lagi mutu pengajaran Bahasa Inggeris di Sekolah-sekolah Kebangsaan.

Dato' Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, memandangkan pencapaian murid-murid di dalam mata-pelajaran bahasa Inggeris, kurang memuaskan dari semasa ke semasa, maka Kementerian telah mengambil beberapa langkah bertujuan untuk cuba meningkatkan taraf pencapaian murid-murid dalam matapelajaran tersebut.

Projek-projek yang sedang dijalankan oleh Kementerian Pelajaran adalah seperti berikut:

1. *Projek bacaan tambahan di sekolah-sekolah rendah*

Kementerian saya telah menjalankan satu projek bacaan tambahan bahasa Inggeris dengan menggunakan buku-buku bacaan "New Zealand Readers".

2. *Projek bacaan tambahan di sekolah-sekolah menengah*

Projek ini telah berjalan semenjak tahun 1976 yang melibatkan semua sekolah-sekolah berasrama penuh (SBP) dan sekolah-sekolah menengah sains (SMS). Pada tahun 1979 projek ini telah diluaskan ke sekolah-sekolah harian yang melibatkan 50 buah sekolah, dan pada tahun 1980 ditambah sebanyak 50 buah sekolah lagi. Pada tahun 1981, projek ini akan

diperluaskan lagi ke Malaysia Timur iaitu di Sabah dan Sarawak dan 50 buah lagi di Malaysia Barat.

3. *Kursus-kursus lanjutan*

Kursus-kursus ini diadakan semata-mata untuk mengemaskinikan pelajaran dan pembelajaran Bahasa Inggeris. Kursus-kursus dalam negeri diadakan di Maktab Pengurusan Bahasa dan di Universiti Malaya dan juga kursus-kursus dalam perkhidmatan pada hujung minggu. Kursus di luar negeri diadakan di New Zealand, Australia, USA, United Kingdom dan Singapura dalam bidang Teaching of English as a second language.

4. *Kempen Bahasa Inggeris*

Kementerian saya juga menganjurkan Kempen Bahasa Inggeris di sekolah-sekolah rendah dan menengah. Program-program ialah:

- | | |
|--------------------------------------|--------------------|
| (a) Peraduan nyanyian | } Sekolah Rendah |
| (b) Bercakap beramai
ramai | |
| (c) Lakunan satu
babak | |
| (d) Penulisan berita | |
| (a) Drama pendek | } Sekolah Menengah |
| (b) Peraduan bertutor | |

5. *Guru-guru Bahasa Inggeris dari United Kingdom*

Kementerian saya juga telah mengambil seramai 45 orang guru Bahasa Inggeris dari United Kingdom untuk menambah tenaga pengajar di sekolah-sekolah menengah. Ramai di antara mereka ini ditempatkan di sekolah-sekolah menengah luar bandar dan juga dalam tahun 1981 dan 1982 kita akan menambahkan pengambilan guru-guru ini dari United Kingdom.

6. *Resource Kit*

Kementerian telah berjaya menyediakan satu bahan kurikulum untuk murid-murid tingkatan 4 dan 5. Bahan ini dinamakan "Resource Kit". Bahan ini diolah berpandukan peringkat kemampuan bahasa Inggeris murid dan

sejajar dengan keperluan sukatan pelajaran bahasa Inggeris tingkatan 4 dan 5—Communicative Syllabus.

7. *"Listening Comprehension"*

Kementerian Pelajaran juga sedang menyediakan bahan-bahan untuk memperbaiki kemahiran murid-murid di dalam bidang ini.

8. *Tindak ikut*

Kementerian Pelajaran menghantar pegawai-pegawainya ke sekolah-sekolah untuk memastikan bahawa rancangan-rancangan ini berjalan dengan licin dan teratur.

Tuan Haji Mohd. Idris bin Haji Ibrahim: Soalan tambahan. Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan apakah jaminan Kementerian Pelajaran ambil untuk hendak meninggikan lagi mutu pelajaran bahasa Inggeris seperti yang telah dirancangkan supaya dalam pada itu tidak merendahkan mutu pengajaran Bahasa Kebangsaan?

Dato' Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, perkara ini mesti dapat difahamkan iaitu kita cuma dapat meninggikan pengajaran dan pembelajaran bahasa Inggeris di dalam sekolah-sekolah. Jadi ini satu hal yang kita mesti memahaminya dan tentulah bahasa Inggeris dijadikan bahasa yang kedua dalam negara kita. Ini saya fikir selaras dengan status Bahasa Malaysia.

Tuan P. Patto: Tuan Speaker, tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada berkata tentang beberapa langkah yang telah dilaksanakan oleh pihak Kementerian untuk meningkatkan lagi mutu pengajaran bahasa Inggeris di sekolah-sekolah kebangsaan. Saya ingin tahu sama ada beliau sedar bahawa mutu pengajaran bahasa Inggeris di sekolah-sekolah kebangsaan yang dijalankan oleh guru-guru yang baru sahaja keluar daripada maktab adalah lebih rendah daripada guru-guru berpengalaman dan yang lebih fasih dalam bahasa Inggeris yang dalam masa lampau mengajar bahasa Inggeris.

Yang kedua, sama ada beliau sedar bahawa kelemahan bahasa Inggeris di kalangan guru-guru yang baru keluar daripada maktab-maktab ini sendiri telah menyumbang, dengan izin, satu contributory factor dalam kemerosotan mutu bahasa Inggeris di sekolah-sekolah kebangsaan.

Dato' Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, apa yang telah disampaikan oleh Ahli Yang Berhormat itu, soalan tambahan itu sendiri telah menjawabnya.

Tuan Yang di-Pertua: Ada dua soalan tambahan. Satu, guru yang keluar untuk mengajar Bahasa Malaysia, yang kedua untuk bahasa Inggeris.

Dato' Chan Siang Sun: Yang pertama mengenai guru-guru keluaran daripada maktab lebih fasih dalam bahasa Inggeris . . .

Tuan P. Patto: Benarkan saya ulang, soal tambahan yang pertama Tuan Yang di-Pertua. Yang pertama, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu sama ada beliau sedar bahawa bagi guru-guru yang baru lulus daripada maktab, mereka itu tidak begitu fasih dalam bahasa Inggeris seperti guru-guru yang lulus dan mengajar bahasa Inggeris pada masa-masa yang lampau. Kedua, sama ada benar bahawa kelemahan dalam bahasa Inggeris di kalangan guru-guru yang baru keluar daripada maktab itu menjadi satu contributory factor kepada kelemahan bahasa Inggeris di sekolah-sekolah kebangsaan.

Dato' Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, kedua-dua itu cuma opinion dia sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Puan Wan Zainab binti M. A. Bakar.

Puan Chow Poh Kheng: Tuan Yang di-Pertua, soalan nombor 7.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan ini sekarang adalah atas nama Ahli Yang Berhormat dari Ulu Langat.

DAKWAH—PERSEIMBANGAN

7. Puan Chow Poh Kheng (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau sedar bahawa pertubuhan-pertubuhan yang bercorak agama dan badan-badan dakwah di negara ini yang menghantar kader-kadernya ke seluruh negara untuk menjalankan dakwah yang menekankan akhirat sahaja dan melarang orang-orang Islam dari melibatkan diri mereka dalam bidang ekonomi, sosial dan politik dan jika ya, apakah tindakan yang diambil mengenai perkara ini.

Menteri Tak Berpotfolio (Dato' Haji Mohamed bin Nasir): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan adalah sentiasa mengawasi dan

memerhatikan badan-badan dakwah dan golongan yang keterlaluan yang menyeleweng dari dasar ajaran Islam yang sebenar termasuk orang-orang yang menyampaikan ajaran sesat atau lebih tepat lagi pendakwah-pendakwah yang semata-mata mencari kepentingan diri sendiri. Undang-undang Pentadbiran Agama Islam Negeri ada memperuntukkan hukuman ke atas pendakwah-pendakwah dan penyeleweng-penyeleweng agama Islam, malah ada menjadi kesalahan kepada undang-undang bagi orang-orang yang berdakwah tanpa mendapat tauliah atau keizinan yang bertulis daripada Jabatan Agama Negeri masing-masing.

Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, Islam yang sebenar tidak memisahkan agama daripada politik. Oleh yang demikian, jika sekiranya ada badan-badan dakwah yang tidak daripada parti-parti politik membicarakan tentang soal-soal politik di dalam dakwah mereka itu adakah ini juga sebagai satu yang dikatakan keterlaluan?

Tuan Yang di-Pertua: Soal politik lain, soal politik kepartian lain, yang mana Ahli Yang Berhormat hendak tanya.

Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad: Yang pertama itu saya hendak tanya.

Dato' Haji Mohamed bin Nasir: Tuan Yang di-Pertua, Islam tidak asing daripada politik kerana di dalam agama Islam itu sendiri menyuruh ataupun mewajibkan untuk Islam mengadakan pemerintah dan pemerintahan itu mesti ditaati. Ya-ayyunal-ladzina amanu, ati'ullah wa-ati'ul-rasul wa-ulil-amri minkum. Jelas itu adalah politik di dalam Islam.

DISSEL—KENAIKAN HARGA DI SARAWAK

8. Tuan Chieng Tiong Kai minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan:

- (a) sama ada beliau sedar bahawa kenaikan disel di Sarawak telah membawa kesan yang buruk kepada pengangkutan awam dan perikanan;
- (b) sama ada PETRONAS akan membekal disel secara langsung ke Sarawak supaya kesulitan yang tersebut dapat diatasi;
- (c) sama ada Kerajaan akan menyamakan harga disel di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian (Tuan Abu Hassan bin Haji Omar): Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan (a), untuk makluman Ahli Yang Berhormat itu di Negeri Sarawak sistem 2 tingkat harga disel masih wujud dan Kerajaan hanya mengawal harga jualan minyak disel jenis runcit sahaja, manakala harga disel jenis industri adalah ditetapkan dengan berpandukan kepada perjanjian di antara penjual dan pembeli. Harga terakhir jualan disel industri sebagaimana yang diperolehi pada 16hb Februari, 1980 adalah di antara \$2.70 sehingga \$3 segelen dan harga sebelum tarikh itu adalah \$2.60. Disebabkan kenaikan harga itu, Kerajaan telah banyak menerima rayuan dari syarikat-syarikat pengangkutan dan nelayan-nelayan di Negeri itu dan seterusnya satu pertemuan telah diadakan dengan Yang Berhormat Menteri Kewangan, Sarawak. Syarikat-syarikat ini telah merayu supaya harga disel industri diturunkan ketahap yang lama iaitu \$2.60 segelen. Hasil daripada pertemuan itu, Kerajaan Negeri Sarawak telah mengarahkan syarikat minyak supaya menurunkan harga minyak disel industri kepada \$2.60 segelen dan ini telah pun dipatuhi. Oleh yang demikian, Kerajaan telah dapat mengatasi masalah yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu.

Bagi menjawab soalan (b), selaras dengan dasar Petronas mengambil peranan yang aktif dalam pemasaran dan pembekalan barang-barang petroleum, Petronas sudah pun merancang bagi menyediakan bekalan disel di Sarawak secara jualan terus kepada pengguna melalui stesen akid Petronas dan bekalan secara terus kepada agensi-agensi Kerajaan dan pihak awam. Stesen-stesen skid itu adalah serupa dengan stesen Petronas yang didirikan di Semenanjung Malaysia. Kerajaan yakin bahawa apabila jumlah stesen-stesen Petronas yang cukup diadakan di Sarawak, kekurangan disel tidak akan berlaku di Negeri itu. Buat sementara waktu, kekurangan disel sedang diatasi secara membekalkan disel melalui sistem pemasaran syarikat-syarikat minyak. Dalam bulan September dan Oktober tahun lalu, sebanyak 4,900 tan disel dan 2,000 tan minyak tanah termasuk ke Sarawak.

Bagi menjawab soalan (c), saya ingin memaklumkan bahawa Kerajaan sedang mengkaji permohonan daripada syarikat-syarikat minyak untuk menaikkan harga

barang-barang petroleum di seluruh Negara dan di dalam kajian ini penyamaan harga disel di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak akan dipertimbangkan.

“KEPALA DUA”—WARGANEGARA

9. Datuk Stephen Robert Evans minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan adakah beliau sedar tentang kebenaran yang ada sebilangan warganegara Malaysia yang tinggal di luar negeri atau seberang laut yang telah mempunyai taraf warganegara asing masih lagi mengekalkan Paspot-pasport Malaysia; dan ini menunjukkan dengan jelas iaitu kesetiaan mereka bukan kepada Malaysia atau negara asing, jika sedar, apakah tindakan yang Kementerian beliau akan ambil terhadap warganegara-warganegara berkenaan yang disifatkan sebagai “Kepala Dua”.

Menteri Pertanian (Dato' Shariff Ahmad): Pihak Kerajaan memang sedar bahawa ada kes-kes sebagaimana yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat itu berlaku dan pihak Kerajaan telah mengambil tindakan melucutkan taraf kewarganegaraan mereka dan menarik balik paspot mereka yang berkenaan. Walau bagaimanapun, sekiranya ada lagi kes-kes seperti ini yang ada di dalam pengetahuan Ahli Yang Berhormat itu silalah laporkan kepada pihak berkenaan. Semenjak tahun 1975 sehingga Februari, 1980 sejumlah 220 orang warganegara Malaysia telah dilucutkan kewarganegaraan mereka mengikut Perkara 24 (1) Perlembagaan Malaysia.

PELAJAR MALAYSIA DI UNITED KINGDOM/SEBERANG LAUT—KESULITAN

10. Tuan Chan Teck Chan minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah langkah-langkah yang telah/sedang diambil oleh Malaysia untuk melindungi pelajar-pelajar Malaysia yang menuntut di seberang laut khususnya di United Kingdom daripada mengalami pukulan dan tekanan kenaikan yuran pelajaran baru-baru ini; apakah bantuan telah diberikan oleh Kerajaan terhadap pelajar-pelajar kita yang terlibat dengan kenaikan yuran tersebut; dan adakah Kerajaan Malaysia akan bertindak untuk membalas dasar perlindungan pelajaran yang diamalkan oleh United Kingdom ini.

Dato' Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana Yang Berhormat maklum soalan seumpama ini telah beberapa kali dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan ini dalam persidangan dalam tahun yang lepas. Oleh itu, sukacita sekiranya dapat Yang Berhormat menyemak penjelasan yang telah diberikan oleh Yang Berhormat Menteri Pelajaran kepada soalan Ahli Yang Berhormat dari Petaling pada 11hb Oktober, 1979 mengenai perkara yang sama.

Walau bagaimanapun, di sini ingin saya jelaskan bahawa bagi tujuan membantu pelajar-pelajar kita yang menuntut di United Kingdom yang mengalami kesulitan dan kerumitan akibat daripada kenaikan yuran pengajian maka Kerajaan telah menubuhkan satu tabung di bawah Kumpulan Wang Kemudahan dan Kebajikan Pelajar-pelajar di United Kingdom dan Eire. Tabung ini bertujuan khusus untuk memberi pinjaman kepada pelajar-pelajar yang terlibat dengan kenaikan yuran pengajian ini dan ianya akan mula dikuatkuasakan dalam tahun 1980. Untuk tahun 1980, peruntukan sebanyak \$300,000 telah diluluskan khusus untuk Tabung ini. Di samping itu Tabung ini juga kemudiannya telah menerima sumbangan derma sebanyak \$50,000. Ini menjadikan jumlah besar kewangan Tabung ini ialah sebanyak \$350,000.

Seperti yang disebutkan oleh Menteri Pelajaran dahulu, pada dasarnya Kerajaan menghormati hak tiap-tiap negara mengambil apa jua tindakan seperti yang dibuat ke atas pelajar-pelajar kita di negara-negara berkenaan. Dari segi diplomasi juga adalah difikirkan tidak molek kiranya Kerajaan bertindak untuk membalas dasar perlindungan pelajaran yang diamalkan oleh United Kingdom itu.

Tuan Chan Teck Chan: Ini adalah hak daripada U.K., tetapi adakah Kerajaan Malaysia sedari bahawa tindakan U.K. untuk menaikkan yuran ini sebenarnya adalah merupakan satu dasar perlindungan dan juga satu dasar diskriminasi kaum yang dikenakan oleh negara-negara yang maju terhadap negara-negara yang sedang membangun seperti Malaysia. Maka demi kepentingan pelajar-pelajar dan negara kita apakah tindakan akan diambil oleh Kerajaan Malaysia untuk membalas dendam serta

melindungi anak-anak kita tidak akan dijejaskan dengan dasar yang begitu memeranjatkan dunia ini.

Dato' Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, saya sudah jawab tadi.

Tuan Haji Mohd. Idris bin Haji Ibrahim: Soalan tambahan. Saya hendak bertanya kepada Timbalan Menteri Pelajaran. Demi untuk hendak menolong meringankan beban pelajar-pelajar di United Kingdom kerana kenaikan bayaran yuran (fee) yang tinggi tidakkah pihak Kementerian bercadang ataupun pernah membuat kajian daripada segi tempat tinggal mereka juga adakah pihak Kementerian akan berunding dengan Kerajaan British supaya dapat kita membina asrama-asrama supaya dengan adanya asrama kita sendiri dapat mengurangkan perbelanjaan menanggung pelajar-pelajar di seberang laut terutama sekali di United Kingdom. Adakah kajian telah dijalankan ataupun adakah rancangan akan dibuat sedemikian.

Dato' Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini kita belum buat apa-apa kajian seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat, tetapi ini juga satu cadangan yang kita boleh berikan pertimbangan.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, adakah pihak swasta diminta untuk menyampaikan derma kepada tabung itu dan jika ada saya suka mendapat tahu berapakah jumlah yang telah dikutip daripada pihak swasta.

Dato' Chan Siang Sun: Sila ulangkan lagi sekali.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, tadi saya bertanya bahawa adakah pihak swasta diminta untuk menyampaikan derma kepada tabung itu dan jika ada saya suka mendapat tahu sehingga hari ini berapa jumlah yang telah dikutip daripada pihak swasta yang berkenaan.

Dato' Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, ada pihak swasta bermurah hati untuk memberikan derma, tetapi mereka itu tidak mahukan nama mereka disebut.

Tuan Lim Cho Hock: Tuan Yang di-Pertua, mengikut Kerajaan kita ada satu sistem pelajaran yang baik sekali di

Malaysia dan mengapa ramai Menteri-menteri atau Timbalannya dan Setiausaha Parlimen, pemimpin-pemimpin UMNO, MCA dan MIC menghantar anak-anak mereka ke luar negeri untuk belajar.

Tuan Yang di-Pertua: Ini soalan luar daripada soalan asal.

ASEAN TIMBER INDUSTRY RESEARCH, DEVELOPMENT AND TRAINING CENTRE

11. Tuan Ismail bin Said minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan setakat manakah kejayaan tindakan yang diambil dan kemajuan yang dicapai berhubung dengan cadangan kerjasama "ASEAN Timber Research, Development and Training Centre" dan "ASEAN Water Shed Conservation and Management Research Project" di mana Malaysia dikatakan memainkan peranan utama di dalam kedua-dua cadangan ini.

Menteri Perusahaan Utama (Dato' Paul Leong Khee Seong): Tuan Yang di-Pertua, cadangan untuk menubuhkan "ASEAN Timber Industry Research, Development and Training Centre" adalah bertujuan untuk meningkatkan mutu pengurusan, mengujudkan teknologi baru dan mengadakan pekerja mahir dalam perusahaan kayu-kayuan bagi negara-negara ASEAN. Cadangan ini telahpun diluluskan oleh ASEAN. Projek ini mendapat bantuan dari EEC yang telahpun diperolehi melalui satu perjanjian yang ditandatangani di Brussels pada 22hb Disember, 1978. Bantuan ini akan membolehkan satu kajian dibuat mengenai pengeluaran hasil hutan serta pemerosesan dan peranan, cara-cara pelaksanaan dan keperluan-keperluan Pusat yang dicadangkan itu. Pada masa ini, satu kontrak sedang dirundingkan dengan sebuah syarikat pakar perunding untuk menjalankan kajian tersebut.

Cadangan "ASEAN Watershed Conservation and Management Research Project" telah disediakan dan dikemukakan oleh Malaysia untuk pertimbangan dalam dialog ASEAN Amerika Syarikat pada tahun 1978. Kerajaan Amerika Syarikat telahpun bersetuju pada dasarnya untuk memberi bantuan kepada projek ini. Satu woksyp telahpun diadakan di Malaysia dalam bulan

September, 1979 untuk merumuskan "project design". Laporan woksyp ini telahpun dikaji dan dipinda oleh Jawatankuasa Mengenai Makanan, Pertanian dan Perhutanan ASEAN di Medan dalam bulan Januari tahun ini untuk seterusnya dikemukakan bagi pertimbangan Kerajaan Amerika Syarikat.

Tuan Ismail bin Said: Oleh kerana memandangkan kedua-dua projek ini merupakan projek yang teknikal dan memerlukan pakar-pakar, jadi saya ingin tahu dari manakah pakar-pakar ini akan diambil sama ada di kalangan negara-negara ASEAN ataupun dari kalangan di luar negara-negara ASEAN.

Dato' Paul Leong Khee Seong: Tuan Yang di-Pertua, pakar-pakar dari ASEAN akan bekerja bersama dengan pakar-pakar dari Eropah.

PENGGUNAAN POTONGAN/SISA KAYU DARI KILANG

12. Tuan Shaari bin Jusoh minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan adakah Kementerian ini sedar bahawa di negara ini terdapat kekurangan bahan-bahan kayu sedangkan potongan-potongan kayu dibuang begitu sahaja tidak digunakan tetapi di negara-negara luar potongan-potongan kayu seperti itu berharga dan digunakan, dan jika sedar, apakah tindakan Kementerian ini untuk membuat penyelidikan atas kemungkinan menjadikan bahan-bahan tersebut berguna.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Utama (Tuan Abdul Rahim bin Datuk Thamby Chik): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya sedar bahawa sekarang ini masih terdapat potongan-potongan kayu dan sisa-sisa kayu di kilang-kilang papan dan papan lapis yang tidak digunakan dan terbuang begitu sahaja. Kementerian saya melalui Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia adalah sedang dan akan terus mengambil tindakan untuk meningkatkan kadar penggunaan kayu-kayu pada keseluruhannya dan ini termasuklah perkara-perkara berikut:

Pertama, menggalakkan kilang-kilang papan supaya memasang gergaji yang sesuai untuk meracik kayu-kayu sayung

dan juga export rejects kepada sais-sais yang lebih kecil bagi kegunaan tempatan iaitu dalam bentuk bahan-bahan untuk pengeluaran lanjutan seperti kotak-kotak SMR dan sebagainya.

Kedua, menggalakkan lebih banyak lagi penubuhan kilang-kilang yang bertaraf secondary dan tertiary seperti kilang-kilang perabut chipboard, wood chip, black board, parquet, wood moulding dan sebagainya yang mana menggunakan reja-reja kayu sebagai bahan mentahnya.

Ketiga, melalui Instituti Penyelidikan Perhutanan Kepong, penyelidikan adalah sentiasa dijalankan berkaitan dengan penggunaan reja-reja dan sisa-sisa kayu untuk diproses bagi menghasilkan barang-barang siap. Misalnya, Institut tersebut sekarang ini sedang menjalankan penyelidikan bagi membuat wood bracket atau yang digunakan bagi bahan pembakar daripada habuk-habuk dan serpihan kayu yang terdapat di kilang-kilang papan dan papan lapis. Di samping itu kajian juga dibuat ke atas mata gergaji yang sesuai digunakan bagi mengurangkan sisa-sisa kayu di kilang-kilang. Selain dari itu penyelidikan juga dijalankan tentang kesesuaian jenis kayu tempatan sebagai bahan mentah kepada industri-industri seperti fibre board, particle board, pulp dan paper.

Tuan Ismail bin Said: Potongan-potongan kayu yang dibuang oleh pengilang-pengilang papan adalah mengikut sistem Malayan Grading Rules di mana kayu-kayu yang kurang elok terpaksa dibuang mengikut gred dan ini boleh menyebabkan recovery rate menjadi rendah. Jadi saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sama ada bercadang hendak menghapuskan sistem Malayan Grading Rules ini.

Tuan Abdul Rahim bin Datuk Thamby Chik: Belum ada cadangan lagi untuk menghapuskan Malayan Grading Rules.

Tuan Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, saya menyanjung tinggi atas cadangan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tadi bahawa tiap-tiap perusahaan kayu atau kayu-kayu digalakkan untuk mengeluarkan hasil-hasil yang boleh digunakan seperti chip board dan sebagainya. Soalan saya ialah ada-

kah pihak Kementerian menjamin pasaran untuk barang-barang yang akan dikeluarkan daripada perusahaan ini.

Tuan Abdul Rahim bin Datuk Thamby Chik: Kementerian saya tidak dapat memberi jaminan pada soalan pasaran kayu-kayu ini tetapi adalah diperhatikan bahawa trend penggunaan di seluruh dunia adalah ke arah penggunaan yang lebih besar terhadap bahan-bahan yang disebutkan tadi.

BAHASA INGGERIS—PENCAPAIAN PELAJAR MELAYU DI SEKOLAH-SEKOLAH

13. Tuan Umar bin Haji Ismail minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah sebab-sebab yang utama yang menyebabkan murid pelajar Melayu di semua peringkat sekolah sangat lemah dalam matapelajaran bahasa Inggeris dan apakah langkah yang lebih berkesan yang akan diambil bagi mengatasinya.

Dato' Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelajaran sedar tentang kelemahan pencapaian bahasa Inggeris oleh pelajar-pelajar Melayu di sekolah-sekolah kebangsaan. Kelemahan ini berlaku adalah disebabkan beberapa faktor:

- (1) Didapati murid-murid kurang mendapat pendedahan di dalam mempelajari bahasa ini kerana bahasa ini bukanlah lagi sebagai bahasa pengantar seperti mana peranan bahasa ini sebelum merdeka dahulu. Bahasa ini hanya merupakan sebagai satu matapelajaran sahaja di dalam jadual waktu di sekolah. Dengan itu peluang untuk murid-murid menggunakan bahasa tersebut adalah terhad.
- (2) Pada masa ini masih terdapat di kalangan masyarakat sahabat Melayu di luar bandar menganggap pengajaran dan pembelajaran bahasa Inggeris itu merupakan satu pembelajaran bahasa penjajah. Dengan itu ibu-bapa jarang memberi galakan yang sepatutnya kepada anak-anak mereka terhadap pembelajaran bahasa tersebut.
- (3) Oleh kerana bahasa Inggeris kurang digunakan di dalam sekolah di antara murid dengan guru (kecuali dalam matapelajaran bahasa Inggeris), murid dengan murid, murid dengan masyarakat luar, dengan itu murid-murid tidak mendapat latihan di dalam penggunaan

bahasa ini di dalam suasana yang lebih luas selain daripada dalam darjah waktu bahasa Inggeris itu diajarkan. Jika seseorang murid itu ada minat untuk menggunakan bahasa Inggeris dengan rakan-rakan mereka atau masyarakat sekeliling ia merasa segan untuk menggunakan bahasa tersebut kerana setiap kali ia bertutur di dalam bahasa Inggeris ia akan diketawakan, ataupun dicemuh kerana menggunakan bahasa penjajah. Ini akan melemahkan semangat murid tersebut menggunakan bahasa Inggeris di dalam kehidupannya hari-hari.

Terdapat juga ibubapa yang inginkan anak-anak mereka maju di dalam mata-pelajaran ini, malangnya ibubapa tidak dapat memberi bimbingan disebabkan mereka sendiri kurang kemampuan dalam bahasa Inggeris.

Atas kesedaran inilah Kementerian Pelajaran telah berusaha dan mengambil langkah-langkah yang positif untuk cuba meningkatkan lagi pencapaian murid-murid terhadap pelajaran dan pembelajaran bahasa Inggeris di sekolah-sekolah, seperti yang telah saya jelaskan semasa menjawab soalan No. 6 daripada Ahli Yang Berhormat dari Pelabuhan Kelang.

Tuan Abdul Shukur bin Haji Siraj: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan, Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri Pelajaran sedar bahawa perkembangan pelajaran bahasa Inggeris di sekolah Kebangsaan sekarang adalah lebih baik jika dibandingkan dengan perkembangan bahasa Inggeris di Sekolah Kebangsaan sebelum merdeka dahulu kerana pada masa itu tidak ada pengajaran bahasa Inggeris diajar di Sekolah Kebangsaan. Apakah pendapat Yang Berhormat Timbalan Menteri?

Tuan Yang di-Pertua: Bertanyakan buah fikiran, di bawah Peraturan Mesyuarat 23 (1) (h), tidak boleh!

Tuan Abdul Shukur bin Haji Siraj: Soalan yang pertama ialah adakah sedar.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan pertama adakah sedar atau tidak sedar, Adakah sedar Yang Berhormat Timbalan Menteri?

Dato' Chan Siang Sun: Banyak sedar (*Ketawa*).

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan V. David.

Tuan Seow Hun Khim: Tuan Yang di-Pertua, soalan No. 14.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan ini sekarang atas nama Ahli Yang Berhormat dari Bukit Mertajam.

SAMPAH SARAP DARI KEDAI-KEDAI

14. Tuan Seow Hun Khim (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan sama ada beliau sedar pekedai-pekedai di beberapa kawasan tertentu di Kuala Lumpur telah diberitahu bahawa mulai 1hb Januari, 1980 sampah sarap tidak akan dipungut dari kedai-kedai mereka dan mereka harus mendapatkan orang lain untuk memungut sampah sarap dan dibuang di kawasan yang dibenarkan. Jika ya, apakah kita terpaksa menganggap pihak Bandaraya telah gagal dalam memperuntukkan kemudahan-kemudahan asas kepada pembayar-pembayar cukai di Kuala Lumpur dan mengapa ini berlaku? Apakah Menteri berkenaan akan mengambil tindakan yang sewajarnya untuk menentukan perkhidmatan yang cukup diberikan kepada pembayar-pembayar cukai di Kuala Lumpur.

Setiausaha Parlimen Kementerian Wilayah Persekutuan (Tuan Abdullah bin Haji Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, saya sedar bahawa pekedai-pekedai telah diberitahu tentang perkara yang Ahli Yang Berhormat sebutkan itu, tetapi notis itu telah ditarik balik.

Tuan Yang di-Pertua: Masa telah cukup.

(*Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 15 hingga 46 adalah diberi di bawah ini*).

PELABUHAN KUANTAN—LAPORAN

15. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Kerajaan dan Kemudahan-kemudahan Awam memberi satu laporan yang baru mengenai kedudukan kelemahan-kelemahan pembaikan dan kegunaan Pelabuhan Kuantan.

Datuk S. Samy Vellu: Kerosakan kepada Pelabuhan Kuantan ialah bahagian Quay-wall (dermaga) telah retak yang mengakibatkan dermaganya retak dan kerosakan di bahagian bangunan gudang.

Untuk memperbaiki keadaan tersebut sebuah firma perunding iaitu Sir Bruce White, Wolfe Barry dan Partners dari England telah dilantik pada 15hb September, 1979 dan telah memulakan tugasnya untuk menyasiat sebab-sebab kerosakan dan membuat syor-syor kepada Kerajaan tentang kerja membaikinya. Adalah dijangka laporannya akan dikemukakan kepada Kerajaan pada akhir bulan Mei, 1980.

Sebelum kerja-kerja memperbaiki dijalankan cadangan-cadangan dari Juru Perunding akan dikaji dahulu. Bagaimanapun buat sementara waktu beberapa kerja pembetulan (remedial measures) yang difikirkan penting seperti menimbus pasir di hadapan Quaywall untuk menghentikan segala gerakan yang sedang berlaku sedang dijalankan.

Tentang soal membenarkan pelabuhan itu diguna, Kerajaan sedang mengambil tindakan untuk memastikan yang dermaga-dermaga kelapa sawit dan mineral oil dibuka untuk kegunaan kapal-kapal yang beratnya sesuai sedikit masa lagi.

KEMALANGAN PERUSAHAAN

16. Puan Yong Fatimah binti Mohd. Razali minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan:

- (a) berapakah bilangan kemalangan perusahaan yang berlaku di dalam tahun 1979;
- (b) berapakah pekerja yang tercedera dan berapakah yang meninggal dunia akibat kemalangan itu; dan
- (c) adakah mangsa kemalangan itu dibayar pampasan mengikut Akta Pekerja-pekerja Buruh. Jika tidak, mengapa?

Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Dato' Richard Ho Ung Hun):

- (a) Bilangan kemalangan perusahaan yang berlaku pada tahun 1979 ialah 60,806;

(b) Pecahan angka-angka mengikut kecederaan yang dialami adalah seperti berikut:

(i) Kemalangan maut	562
(ii) Hilang-Upaya Kekal	2,041
(iii) Hilang-Upaya Sementara	58,203

Dari angka-angka tersebut dapat dilihat bahawa sebahagian besar dari kemalangan perusahaan itu adalah hanya mengakibatkan hilang-upaya sementara. Kebanyakan kemalangan ini hanyalah merupakan luka-luka dan kecederaan yang ringan yang tidak melibatkan apa-apa kecacatan anggota. Pada tahun 1979, 95.7% atau 58,203 kemalangan yang berlaku adalah merupakan kehilangan upaya sementara sahaja. Kehilangan upaya kekal hanyalah sebanyak 3.3% dan lebih kurang 50% dari kemalangan ini mengakibatkan kehilangan upaya kurang dari 10%. Kemalangan maut hanyalah merupakan 0.9% dari jumlah semua kes-kes kemalangan yang dilaporkan.

Oleh yang demikian, kita tidak perlu berasa cemas dengan angka-angka kemalangan yang tidak membawa maut kerana sebahagian besarnya adalah merupakan kecederaan ringan sahaja. Sebaliknya sukacita saya menyatakan bahawa keselamatan perusahaan telahpun dapat ditingkatkan dari tahun ketahun dan ini tidak dapat dicapai tanpa kerjasama penuh dari pekerja, Kesatuan Sekerja, Majikan-majikan dan Kesatuan-kesatuan yang dijalankan oleh pegawai-pegawai Kementerian saya.

- (c) Pekerja-pekerja yang mengalami kemalangan tersebut adalah dibayar pampasan di bawah Ordinan Pampasan Pekerja 1952, dan faedah-faedah di bawah Akta Keselamatan Sosial, 1969.

PEMAJU PERUMAHAN MELANGGAR UNDANG-UNDANG

17. Tuan Lim Cho Hock minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan memandangkan banyak perbuatan salah dan pelanggaran undang-undang oleh

pemaju-pemaju perumahan adakah Kerajaan menimbangkan memasukkan nama-nama pemaju-pemaju perumahan yang berkenaan dalam "black list" supaya mereka tidak dikeluarkan dengan lesen-lesen lagi.

Dato' Haji Ramli bin Omar: Soalan ini adalah terlalu luas dan tidak berapa jelas dan tepat tentang apa yang dimaksudkan oleh "malpractice".

Kebanyakan aduan yang diterima sememangnya merupakan masalah-masalah pecah kontrak. Bagaimanapun sama ada apa yang telah dilakukan oleh pihak pemaju boleh dianggap sebagai "malpractice" bergantung kepada faktor-faktor dan suasana pada keseluruhannya yang telah menyebabkan pecah kontrak yang berkenaan. Tiap-tiap kes pecah kontrak haruslah dinilai dengan teliti mengikut keadaan masing-masing sebelum ditentukan langkah-langkah yang perlu diambil terhadap pemaju yang berkenaan. Adalah mustahak untuk mewujudkan perspektif dalam masalah-masalah seperti ini supaya usaha-usaha yang menyeluruh dapat diambil untuk mengatasinya.

Sebahagian besar daripada aduan-aduan yang diterima adalah mengenai kelewatan menyiapkan rumah dan kerosakan atau kecacatan. Kementerian saya telah menyiasat dan mengkaji dengan mendalam banyak kes di mana telah berlaku kelewatan dalam pelaksanaan kemajuan perumahan yang berkenaan dan daripada penjelasan-penjelasan yang diterima boleh disimpulkan bahawa kelewatan ini disebabkan oleh beberapa faktor seperti:

- (i) Kelewatan yang tidak dapat dielakkan yang muncul daripada pindaan-pindaan kepada layout plan yang dikehendaki oleh pihakberkuasa-pihakberkuasa yang berkenaan akibat perubahan kepada dasar Kerajaan dan strategi perancangan fizikal;
- (ii) Kekurangan pekerja-pekerja yang mahir dan bahan-bahan binaan dalam pasaran;
- (iii) Perselisihan dengan kontraktor-kontraktor yang tidak bertanggungjawab dan tidak menunaikan kewajipan mereka di bawah kontrak dengan pemaju;
- (iv) Masalah-masalah setinggan; dan
- (v) Kesulitan-kesulitan kewangan seperti kelewatan mendapat "bridge finance", kekurangan pengalaman dan pengurusan dan perancangan yang tidak cekap.

Daripada penjelasan yang diberi oleh pemaju boleh dikatakan bahawa kebanyakan mereka mempunyai sebab-sebab yang benar dan menasabah bagi kelewatan yang berlaku. Saya suka juga menerangkan bahawa sebarang kelewatan dalam menyiapkan sesuatu projek tidak akan memberi apa-apa faedah kepada pemaju yang berkenaan dan dari segi amalan urusniaga perumahan harus dielakkan. Sebaliknya sebarang kelewatan mungkin akan merugikan pemaju memandangkan bahawa kos pembinaan akan terus meningkat walhal harga jualan dikekalkan dalam Surat Perjanjian Jualbeli.

Dalam satu kes yang sedang disiasat oleh Kementerian saya, pemaju yang berkenaan telah memberitahu bahawa di antara 89 yunit rumah yang dicadangkan, ianya telah dapat membina hanya 74 yunit mengikut jadual. Kerja-kerja pembinaan bagi 15 yunit tidak dapat dimulakan kerana masalah setinggan. Sungguhpun pemaju telah memberi sahuhati kepada mereka, beberapa setinggan masih berdegil dan tidak mahu keluar daripada kemajuan tersebut. Berkenaan dengan kes ini, Kementerian saya telah menerima sepucuk surat daripada Ahli Yang Berhormat sendiri yang menyatakan bahawa penjelasan yang diberi oleh pemaju adalah tidak memuaskan langsung. Beliau juga mencadangkan supaya Kementerian memasukkan pemaju ini ke dalam "blacklist" supaya ianya tidak diberi lesen di masa hadapan. Ahli Yang Berhormat mungkin sedar bahawa masalah-masalah berhubung setinggan-setinggan adalah sensitif dan pihak-pihak yang berselisih dengan mereka haruslah berwaspada dalam langkah-langkah yang boleh diambil untuk membetulkan keadaan tersebut. Jika tindakan keras diambil sudah tentu satu krisis yang tidak diinginkan akan timbul. Boleh jadi Ahli Yang Berhormat akan menyebelahi setinggan-setinggan dan memperjuangkan bagi pihak mereka pula.

Sungguhpun kelemahan seperti ini harus dielakkan atau dikurangkan, adalah didapati sekarang bahawa pemaju perumahan telah mengalami kesulitan-kesulitan yang mengakibatkan kelewatan dalam pelaksanaan projek-projek mereka. Pada puratanya kelewatan selama tiga hingga enam bulan berlaku pada biasanya. Kementerian saya sedar kelewatan ini akan membawa kesusahan kepada para pembeli tetapi kita harus memikirkan tentang implikasi-implikasi cadangan Ahli Yang Berhormat supaya pemaju-pemaju yang melakukan "malpractice" seperti ini tidak diberi

lesen-lesen lagi. Dalam keadaan sekarang di mana keperluan tidak seimbang dengan kemampuan membekalkannya cadangan seperti ini akan hanya menghapuskan sebahagian besar daripada sumber-sumber bekalan yang pada akhir akan merosotkan lagi keadaan perumahan pada keseluruhannya.

Bagaimanapun saya suka menegaskan bahawa semasa menyasiat aduan-aduan terhadap sesuatu pemaju, Kementerian saya juga menyelidik aduan-aduan tersebut dengan mendalam bagi menentukan atau melihat secara keseluruhannya tentang sejauh mana pihak pemaju menunjukkan sikap bertanggungjawab dalam menjalankan urusan perumahan. Jika didapati bahawa seorang pemaju telah sebenarnya melakukan penyelewengan yang serius atau bersikap degil dan kasar terhadap pembeli-pembeli atau mengambil sesuatu tindakan sesukah hatinya, maka sudah tentu pemaju tersebut akan diberi amaran dan seterusnya disingkirkan. Sebenarnya sudah ada "blacklist" bagi maksud ini.

HARGA PADI DINAikkan

18. Tuan Hussein bin Mahmood minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan adakah beliau bercadang untuk menimbangkan supaya harga padi dinaikkan lagi daripada harga yang ditetapkan sekarang, jika ya, bila dan jika tidak mengapa.

Menteri Perusahaan Awam (Dato' Abdul Manan bin Othman): Untuk makluman Yang Berhormat semenjak tahun 1979 Kerajaan telah menaikkan harga padi sebanyak \$5 dan dengan itu buat masa ini tidak ada cadangan untuk menaikkan harga padi. Walau bagaimanapun, kajian ke atas harga padi akan dijalankan dari masa ke semasa bagi menentukan para petani mendapat harga yang berpatutan.

CUKAI PEMBANGUNAN

19. Tuan Fung Ket Wing minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada Kerajaan bercadang menghapuskan Cukai Pembangunan, jika tidak, mengapa.

Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah: Pada masa ini Kerajaan tidak bercadang untuk menghapuskan Cukai Pembangunan memandangkan jumlah kehilangan hasil yang terlibat iaitu dalam lingkungan \$325 juta.

Cukai Pembangunan sebanyak 5 peratus ini dikenakan ke atas sumber pendapatan dari perniagaan, sewa dan profesyen dan tidaklah difikir membebaskan memandangkan skop yang luas untuk menambahkan pendapatan dari sumber-sumber ini dibandingkan dengan pendapatan dari pengajian. Adalah juga diperhatikan bahawa pengenaan cukai pembangunan telah tidak menyekatkan perkembangan perniagaan dan perindustrian. Bagaimanapun, seperti yang diumumkan dalam Belanjawan Tahun 1980, Kerajaan bersedia mengecualikan Cukai Pembangunan ke atas syarikat-syarikat dan lain-lain perseorangan yang memenuhi matlamat Dasar Ekonomi Baru dari segi ekuiti, pengambilan pekerja-pekerja dan perlantikan agensi pemasaran.

DOKTOR MELETAKKAN JAWATAN

20. Tuan Wong Hoong Keat minta Menteri Kesihatan menyatakan bilangan doktor-doktor yang meletakkan jawatan dari perkhidmatan Kerajaan dan bilangan jawatan-jawatan kosong setakat hari ini yang belum diisikan. Nyatakan sebab-sebab Kerajaan gagal mengekalkan perkhidmatan untuk tempoh lebih daripada enam tahun.

Menteri Kesihatan (Tan Sri Chong Hon Nyan): Bilangan doktor-doktor yang meletakkan jawatan dari perkhidmatan Kerajaan bagi tahun 1979 ialah 112 orang dan bilangan doktor-doktor yang dilantik bagi tahun yang sama ialah 430 orang. Bilangan jawatan yang kosong pula pada 1hb Januari, 1980 ialah 320.

Sebagaimana yang dimaklumkan bahawa terdapat peruntukan dalam Akta Perubatan 1971 yang mewajibkan doktor-doktor baru untuk berkhidmat dengan Kerajaan selama tiga tahun dan selepas tempoh perkhidmatan wajib ini mereka boleh terus berkhidmat dengan Kerajaan ataupun meletakkan jawatan masing-masing. Oleh kerana sebab-sebab peribadi, ada di antara doktor-doktor tersebut yang telahpun meninggalkan perkhidmatan Kerajaan.

PENYAKIT KUKU/MULUT— PEMULIHAN TERNAKAN

21. Tuan Ibrahim bin Muhammad minta Menteri Pertanian menyatakan berapakah peruntukan yang telah disediakan oleh Kerajaan bagi menjalankan pemuliharaan kepada

petani-petani yang mana ternakan mereka dimusnahkan akibat penyakit mulut dan kuku tahun lepas. Berapakah jumlah ternakan yang telah diberikan menurut negeri dan berapakah ternakan tersebut yang telah mati. Adakah Kerajaan akan meneruskan rancangan ini atau menukarkan pemberian ternakan tersebut kepada lembu-lembu baka tropika.

Dato' Shariff Ahmad: Peruntukan yang disediakan untuk pemulihan ternakan lembu yang dimusnahkan kerana penyakit kuku dan mulut bagi tahun 1979 ialah \$1,632,000. Jumlah lembu dan bilangan kematian yang diberi mengikut negeri adalah seperti berikut:

*Pemberian Kematian hingga
15-3-80*

Perlis ...	63 ekor	- ekor
Kedah ...	122 ekor	21 ekor
Perak ...	274 ekor	34 ekor
Kelantan ...	797 ekor	223 ekor

Kerajaan akan meneruskan rancangan ini. Buat masa ini Jabatan Perkhidmatan Haiwan memanglah memberi ternakan jenis tropika kepada penternak-penternak.

TARAF PENDUDUK TETAP KEPADA WARGANEGARA ASING

22. Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan adakah beliau sedar bahawa Taraf Penduduk Tetap kepada isteri-isteri warganegara akan membolehkan mereka dipertimbangkan menjadi rakyat negara ini selepas lima tahun bermastautin adalah merupakan penggalak kepada warganegara kita berkahwin dengan warganegara asing. Jika sedar, apakah langkah-langkah Kerajaan supaya tidak bertambahnya warganegara asing mendapat taraf penduduk tetap seterusnya menjadi warganegara, kerana dengan ini hak-hak yang ada kepada rakyat kita tidak akan terjejas dan tidak membebankan negara kita yang sedang membangun ini.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Saya telah beberapa kali menjelaskan di dalam Dewan yang mulia ini bahawa Kerajaan tidak berhak melarang seseorang warganegara berkahwin dengan pilihannya sendiri. Di samping itu, Kerajaan perlu

mengadakan kawalan bagi mengelakkan "marriage of convenience" berlaku. Dengan demikian Kerajaan telah mengadakan dasar dalam perkara ini di mana semenjak 6hb Februari 1980, permit masuk bagi mendapatkan taraf tinggal tetap atas sebab berkahwin ini hanya dipertimbangkan sekiranya isteri-isteri itu telah tinggal bersama suaminya selama 5 tahun berterusan. Dasar ini tidaklah boleh diterima sebagai satu penggalak kepada warganegara berkahwin dengan wanita asing.

LAWATAN MENTERI PERDAGANGAN PERINDUSTRIAN KE INDIA

23. Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan apakah hasil dari lawatan beliau ke India selama 10 hari baru-baru ini.

Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad): Lawatan saya ke India yang bermula pada 18hb Januari, 1980 hingga 23hb Januari, 1980 adalah untuk memenuhi dua tujuan yang berasingan. Pertama, lawatan itu adalah bertujuan untuk mengetuai perwakilan Malaysia ke Persidangan Agung United Nations Industrial Development Organisation (UNIDO) yang Ketiga di New Delhi, dari 21hb Januari, 1980 hingga 9hb Februari, 1980. Kedua, saya ingin mengambil kesempatan untuk memenuhi jemputan dari rakan sejawat iaitu Menteri Perdagangan dan Bekalan Awam India untuk membuat lawatan resmi ke negaranya.

Lawatan tersebut adalah tepat pada masanya memandangkan bahawa ia dibuat sahaja kerajaan baru di bawah pimpinan Puan Indira Gandhi ditubuhkan berikutan dengan kemenangan parti beliau di dalam pilihanraya umum negara itu. Saya telah berpeluang menemui Puan Indira Gandhi, Perdana Menteri India dan bertukar-tukar pendapat di dalam beberapa perkara-perkara kepentingan bersama termasuk hal-hal serantau dan antarabangsa. Perjumpaan ini juga membolehkan saya membarui perhubungan persahabatan yang sedia terjalin di antara kedua-dua negara.

Semasa di India, saya juga telah mengadakan lawatan sambil meneliti sendiri kemajuan sektor perindustrian di negara tersebut terutamanya di dalam kemajuan sektor perusahaan kecil-kecilan yang mana boleh dijadikan contoh kepada negara. Di dalam hubungan ini saya telah melawat beberapa kilang dan pusat penyelidikan perusahaan kecil-kecilan serta mengadakan perbincangan dengan pihak-pihak tersebut.

Saya telah juga mengadakan perbincangan dengan pengusaha-pengusaha India yang mempunyai kilang-kilang di negara ini untuk merundingkan masalah-masalah dan peranan-peranan perusahaan-perusahaan tersebut dengan tujuan untuk meningkatkan lagi pencapaian. Saya telah menjelaskan kepada pengusaha-pengusaha India bahawa kegagalan beberapa projek usahasama India-Malaysia tidak seharusnya menjadi halangan kepada kerjasama di masa-masa hadapan malahan ianya hendaklah dijadikan panduan supaya kesilapan yang sama tidak berlaku lagi. Penjelasan itu telah dapat mengelakkan sebarang perasaan salah sangka di pihak pengusaha-pengusaha tersebut terhadap dasar Kerajaan.

Semasa saya menemui Menteri Perdagangan dan Bekalan Awam, India saya telah menumpukan perundingan kepada perkara-perkara berkenaan perdagangan dua-hala. Saya telah menyatakan kesediaan Malaysia untuk menambahkan perdagangan dengan negara-negara membangun termasuk India dan telah meneliti kemungkinan bagaimana eksport terutamanya bahan-bahan utama Malaysia ke negara itu dapat ditingkatkan. Saya telah menerangkan bahawa pengeksport-pengeksport India harus memainkan peranan yang lebih agresif jika ia ingin menandingi keluaran-keluaran import di pasaran Malaysia memandangkan terdapatnya persaingan hebat di sektor itu.

Sepertimana yang telah saya nyatakan awal-awal tadi bahawa tujuan utama saya mengadakan lawatan ke India ialah untuk mengetuai perwakilan Malaysia ke Persidangan Agung UNIDO Ketiga. Penyertaan saya di Persidangan itu telah membolehkan saya mengikuti dengan lebih dekat akan perkembangan di dalam perundingan di antara negara-negara Anggota Bangsa-bangsa Bersatu ke arah menyusun semula struktur ekonomi negara-negara dunia supaya lebih seimbang. Penyertaan Malaysia di Per-

sidangan itu adalah penting dan ini telah memberi peluang kepada saya untuk membentangkan pendirian negara kita di Persidangan tersebut. Di dalam kenyataan saya di Persidangan itu, saya telah menyeru supaya tindakan yang lebih berkesan hendaklah diambil untuk memindahkan industri dari negara-negara maju ke negara membangun bagi mencapai matlamat menyusun semula industri dunia sejajar dengan matlamat "New International Economic Order". Saya juga telah menekankan bahawa usahasaha besar begini hanya akan berjaya jika benar-benar terdapat kesediaan negara-negara untuk mencapai bentuk kerjasama yang tulin. Apa yang harus diutamakan untuk meningkatkan kerjasama di kalangan negara-negara ialah adanya "political will" untuk berbuat demikian.

OPERASI ISI PENUH—PENGAMBILAN

24. Tuan Lee Lam Thye minta Perdana Menteri menyatakan berapakah jumlah kekosongan jawatan yang telah dipenuhkan di bawah "Operasi Isi Penuh" setakat ini dan apakah kategori kerja tersebut, dan bilakah dijangkakan kerja-kerja pengisian jawatan kosong di bawah Operasi itu dapat diselesaikan.

30. Tuan Lim Kit Siang minta Perdana Menteri menyatakan jumlah orang yang diambil kerja ke dalam perkhidmatan awam dalam Operasi Isi Penuh baru-baru ini dengan memberikan angka-angka perpecahan mengikut kaum bagi pengambilan tersebut.

Perdana Menteri (Dato' Hussein Onn): Saya akan menjawab soalan No. 24 daripada Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar dan No. 30 daripada Ahli Yang Berhormat dari Petaling bersekali, kerana kedua-dua soalan itu adalah mengenai perkara yang sama.

Sebanyak 34,522 orang telah ditawarkan jawatan-jawatan kosong di dalam perkhidmatan Kerajaan Persekutuan semenjak bulan Mei, 1979 sehingga 29hb Februari, 1980.

Urusan mengisikan sebilangan besar jawatan-jawatan kosong yang wujud pada masa Operasi ini mulai dilancarkan telahpun selesai dijalankan. Walau bagaimanapun, oleh kerana pengisian jawatan-jawatan kosong yang baru perlu diteruskan, Kerajaan

telah bersetuju untuk melanjutkan Operasi ini sehingga menghadapi Rancangan Malaysia Keempat.

Berkenaan dengan soalan supaya pengisian dibuat berdasarkan komposisi kaum di negara ini, asas pengambilan kakitangan Kerajaan adalah berdasarkan kepada beberapa faktor, termasuk antaranya, kelulusan, kelayakan, dan kesesuaian calon sendiri. Dengan demikian soal pengambilan kakitangan mengikut kaum tidaklah timbul. Amalan yang serupa juga adalah dilaksanakan oleh Suruhanjaya-suruhanjaya perlantikan yang berkaitan.

HOSPITAL BARU TELUK ANSON

25. Tuan Au How Cheong minta Menteri Kesihatan menyatakan apakah kedudukan terakhir tentang Hospital Baru Teluk Anson.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Kerja untuk merekakan hospital baru di Teluk Anson belum siap lagi. Penyediaan Plan-plan Sketch permulaan untuk wad-wad Piawai baru yang akan digunakan di hospital ini ada dalam peringkat akhir.

RUSUHAN DI ALOR STAR— JUMLAH TANGKAPAN

26. Datuk Haji Abu Bakar bin Umar minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan bilangan tangkapan yang dibuat pada 23hb Januari, 1980 berikutan tunjuk perasaan di Alor Star dan kaum-kaum yang terlibat dan tuduhan yang dikenakan ke atas mereka dan bilangan yang ditahan selepas hari kejadian itu serta di bawah peraturan mana mereka ditahan.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Dalam tindakan menyuraikan rusuhan pada 23hb Januari, 1980 pihak Polis telah menangkap sejumlah 92 orang, kesemuanya adalah Melayu termasuk seorang yang membawa sebilah pisau, satu senjata merbahaya mengikut undang-undang. Dari jumlah itu 91 orang telah dituduh di bawah Seksyen 147 Kanun Kesiksaan dan seorang dituduh di bawah Seksyen 148 Kanun yang sama. Kesemuanya tidak mengaku bersalah dan pihak mahkamah telah menetapkan tarikh perbicaraan pada 4hb Mei, 1980 hingga 31hb Mei, 1980 bagi mereka yang dituduh di bawah Seksyen 147 Kanun Kesiksaan dan 15hb

Jun, 1980 hingga 16hb Jun, 1980 bagi seorang yang dituduh di bawah Seksyen 148 Kanun Kesiksaan.

Mengenai soalan bilangan orang yang ditahan selepas kejadian itu dan di bawah undang-undang mana mereka ditahan, perkara ini telahpun dijawab oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri di Dewan ini ketika menjawab soalan Ahli Yang Berhormat dari Bachok pada 18-3-1980.

SYARAT KELAYAKAN SIJIL WARGANEGARA MALAYSIA

27. Tuan Ting Chek Ming minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sama ada kelayakan bagi permohonan untuk Sijil Warganegara Malaysia dan sebab-sebab kelambatan untuk memproses permohonan dan nyatakan sama ada beliau bercadang mengambil langkah-langkah yang sewajarnya supaya permohonan bagi sijil warganegara Malaysia dapat dipercepatkan.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, syarat-syarat kelayakan untuk menjadi Warganegara Malaysia adalah jelas termaktub dalam Bahagian III Perlembagaan Persekutuan.

Pemberian Sijil Kewarganegaraan adalah satu anugerah dan penghormatan Kerajaan kepada pemohon-pemohon maka Kerajaan tidaklah boleh dengan sewenang-wenangnya memberi kerakyatan kepada pemohon-pemohon melainkan setelah penelitian yang sehalus-halusnya dilakukan terhadap sesuatu permohonan sebelum keputusan dibuat. Masa yang diambil untuk memproses permohonan tidak lebih dari tempoh yang diperlukan.

KEMAJUAN TANAH DAN DEFORESTATION

28. Dr Chen Man Hin minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan sama ada perlakuan kemarau kian meningkat, sama ada ini disebabkan oleh kemajuan tanah dan "deforestation", sama ada terdapat suatu dasar pemeliharaan yang menyeluruh dan sama ada terdapat kemahuan dan kemampuan untuk melaksanakan dasar seumpama itu.

Dato Paul Leong Khee Seong: Setakat ini belumlah lagi dapat ditentukan dengan tepatnya sama ada kemarau yang berlaku di beberapa tempat di negara ini telah kian meningkat dan ini disebabkan oleh kemajuan tanah dan "deforestation". Faktor-faktor sebenar yang menyebabkan berlakunya kemarau tidak dapat dipastikan. Besar kemungkinan bahawa beberapa kejadian kemarau yang dialami di Malaysia baru-baru ini adalah akibat daripada fenomena perubahan iklim sedunia yang antara lain disebabkan oleh kehilangan hutan yang berluasa mengikut laporan-laporan yang diketahui. Kementerian saya sedar tentang perlunya sumber hutan dipelihara untuk memperbaiki iklim dan alam sekitar, mengurangkan hakisan tanah, menambah kebolehan menahan air dan membolehkan kehidupan haiwan terpelihara. Kementerian saya juga sedar tentang perlunya dikawal penggunaan sumber hutan untuk disesuaikan dengan sumber yang terdapat. Untuk maksud ini, rancangan telah disusun untuk mengurangkan kadar pembalakan dan menggiatkan usaha menghidupkan semula. Penyelidikan lanjut mengenai hubungan di antara pengurangan hutan dan kejadian kemarau sedang dijalankan.

Mengenai soalan sama ada terdapat satu dasar pemeliharaan hutan yang menyeluruh, suka saya memaklumkan bahawa negara kita telahpun ada mempunyai suatu dasar yang menyeluruh iaitu Dasar Perhutanan Negara. Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, dasar tersebut telahpun diluluskan oleh Majlis Tanah Negara dalam tahun 1978. Antara lain, dasar tersebut adalah bertujuan untuk menjamin iklim dan rupabumi yang sempurna, bekalan air bersih, kesuburan tanah dan keadaan alam sekeliling yang memuaskan dan supaya akibat banjir dan hakisan kepada sungai dan tanah pertanian dapat dikurangkan. Dasar itu juga menetapkan supaya kawasan hutan simpanan kekal seluas 12.8 juta ekar ditubuhkan di Semenanjung Malaysia dan kadar pengusahahasilan kawasan hutan dikurangkan kepada suatu kadar yang sesuai supaya pengeluaran kayu-kayan dari negara ini dapat dikekalkan. Satu program untuk menghidupkan semula kawasan-kawasan yang telah diusahahasil sedang dirancang untuk dilaksanakan di Semenanjung Malaysia.

Mengenai kemahuan dan kemampuan untuk melaksanakan Dasar Perhutanan Negara ini, Kementerian saya melalui Jabatan Perhutanan mempunyai keupayaan untuk menguruskan kawasan-kawasan Hutan Simpan Kekal yang sedang ditubuhkan itu. Dengan adanya kerjasama yang erat di antara Kerajaan-kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan saya yakin pelaksanaan dasar ini dapat dijalankan dengan jaya.

KESATUAN PEKERJA SISTEM PENERBANGAN MALAYSIA— PENDAFTARAN

29. Tuan V. David minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan sama ada beliau sedia mendaftarkan Kesatuan Sekerja Pekerja-pekerja Penerbangan Kebangsaan (National Union of Employees in the Airlines) tanpa mensyaratkan bahawa Kesatuan Sekerja tersebut tidak boleh melayan pekerja-pekerja yang berkhidmat dengan Sistem Penerbangan Malaysia sepertimana disyaratkan sekarang oleh Pendaftar Kesatuan Sekerja-sekerja. Adakah Menteri berkenaan sedar syarat yang dikenalkan oleh Pendaftar Kesatuan Sekerja itu boleh dianggap sebagai campurtangan Kerajaan dalam Hak untuk mengorganisasi sepertimana termaktub dalam konvensi ILO yang disahkan oleh Kerajaan Malaysia.

Dato' Richard Ho Ung Hun: Soalan sama ada sesebuah Kesatuan Sekerja itu patut didaftar atau tidak terpulanglah kepada Pendaftar Kesatuan Sekerja untuk memutuskannya, mana-mana pihak yang tidak berpuashati dengan keputusan Pendaftar ini, mengikut Ordinan Kesatuan Sekerja, 1959, berhak membuat rayuan kepada Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat.

Kesatuan Pekerja Sistem Penerbangan Malaysia, Semenanjung Malaysia telah didaftarkan pada 30-8-1979. Kakitangan-kakitangan Syarikat Penerbangan Asing telah menubuhkan Kesatuan mereka sendiri dan permohonan mereka sedang dipertimbangkan oleh Pendaftar Kesatuan Sekerja.

Oleh yang demikian, kepentingan semua golongan pekerja-pekerja Syarikat Penerbangan di negara ini adalah terpelihara.

INSIDEN DI HOSPITAL QUEEN ELIZABETH, KOTA KINABALU

31. **Datuk Haji Ashkar Hasbollah** minta Menteri Undang-undang menyatakan apakah tindakan yang telah diambil oleh Kementerian terhadap satu insiden yang telah berlaku di Hospital Queen Elizabeth, Kota Kinabalu pada 20hb Disember, 1979 pada kira-kira jam 10.30 malam, di mana seorang pesakit telah mati disebabkan tembakan pistol dan sama ada benar seorang Menteri Kerajaan Negeri Sabah telah menggunakan pengaruhnya supaya perkara tersebut tidak dibawa ke muka pengadilan dengan sertamerta dan tidak membenarkan sebaran am menyiarkan peristiwa tersebut.

Menteri Undang-undang (Dato' Seri Haji Hamzah bin Haji Abu Samah): Tindakan belum lagi diambil oleh kerana pihak polis belum lagi selesai menyasiat perkara ini. Dalam kes ini orang yang dikatakan disyaki itu, iaitu Encik Ghapur bin Haji Salleh, telah dikatakan sebagai melepaskan tembakan dari pistol semasa beliau menunjukkan pistol itu, yang beliau beli pada tengahari itu, kepada seorang pesakit di hospital itu yang mana adalah juga bapa mertuanya. Adalah tidak benar yang seorang Menteri Kerajaan Negeri Sabah telah menggunakan pengaruhnya supaya kes itu tidak dibawa ke muka pengadilan dan supaya kejadian itu tidak disiarkan dalam sebaran am.

PEMBINAAN PELABUHAN CHENDERING

32. **Tuan Lee Kaw** minta Menteri Pertanian memberitahu jumlah kos pembinaan yang ditanggung akibat pembinaan Pelabuhan Chendering, jumlah kerugian yang dialami kerana menjalankan kerja-kerja pembaikan dan sebab-sebab mengapa kerugian ini berlaku.

Dato' Shariff Ahmad: Pembinaan Pelabuhan Chendering Peringkat Pertama menelan belanja kira-kira \$17.5 juta. Kerosakan di sebahagian "rockbund" yang berlaku pada musim tengkujuh yang lalu adalah disebabkan hakisan air ke atas sebahagian tanah yang ditimbun dalam pembinaan pelabuhan ini. Kerosakan itu telahpun dibaiki dengan belanja \$1,000 sahaja.

MUJAHIDEEN DI AFGHANISTAN—BANTUAN KEWANGAN

33. **Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad** minta Menteri Luar Negeri menyatakan sama ada Kerajaan akan memberi bantuan kewangan kepada Mujahideen-mujahideen di Afghanistan untuk memperkuatkan perjuangan mereka menentang penjajahan Russia.

Menteri Luar Negeri (Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-haj): Mesyuarat tergempar Persidangan Pergerakan Negara-negara Islam (PPI) yang diadakan di Islamabad baru-baru ini telah memutuskan bahawa Setiausaha Agong PPI diberi kuasa untuk menerima sumbangan dan bantuan-bantuan dari negara-negara ahli PPI untuk disampaikan kepada gerakan-gerakan atau perwakilan-perwakilan rakyat Afghanistan yang sah. Setakat ini Setiausaha Agong PPI belum lagi mengiktiraf mana-mana kumpulan Mujahideen sebagai perwakilan untuk rakyat Afghanistan. Malaysia pasti akan menimbang segala rayuan bantuan untuk pihak Mujahideen yang diiktiraf dan diterima oleh PPI atau mana-mana perwakilan rakyat Afghanistan yang sah.

SEKOLAH TAMIL—MEMAJUKAN

34. **Tuan V. Govindaraj** minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada beliau sedar tentang keadaan buruk di kebanyakan sekolah-sekolah Tamil di seluruh negara dan apakah rancangan-rancangan Kementerian beliau untuk mengatasinya.

Menteri Pelajaran (Dato' Musa bin Hitam): Dalam menjawab soalan Ahli Yang Berhormat ini, suka saya menjelaskan bahawa masalah yang dibangkitkan tidaklah terhad kepada sekolah-sekolah Tamil sahaja. Kementerian saya memandang berat terhadap keadaan sekolah-sekolah ini dan langkah bagi membaikinya sedang dijalankan oleh Kementerian saya secara berperingkat-peringkat. Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat di dalam Rancangan Malaysia Ketiga ini, Kementerian telah meluluskan berbagai-bagai projek untuk memajukan sebanyak 39 buah sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Tamil) yang menelan belanja sebanyak \$3,570,410.

LAWATAN MENTERI LUAR NEGERI KE VIETNAM

35. Dr Chen Man Hin minta Menteri Luar Negeri menyatakan sama ada berbangkit apa-apa hasil yang berkesan dari lawatan beliau ke Hanoi baru-baru ini, sama ada terdapat apa-apa tanda yang menunjukkan bahawa Vietnam akan mengundurkan tenteranya dari Kampuchea akibat kecemasan hebat dari anggota-anggota Perhimpunan Agung Bangsa-bangsa Bersatu dan apakah langkah-langkah lanjut yang akan diambil untuk menekankan pengunduran tentera Vietnam dari Kampuchea.

Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-haj: Sebagai hasil dari lawatan saya ke Hanoi awal bulan Januari yang lalu, saya telah mendapat beberapa perakuan daripada pemimpin-pemimpin Vietnam bahawa:

- (a) Vietnam akan menghormati kemerdekaan, kedaulatan dan keutuhan wilayah Negeri Thai dan negara-negara ASEAN yang lain;
- (b) Vietnam akan terus memenuhi janjinya di Mesyuarat mengenai masalah orang-orang pelarian Indochina di Geneva, Julai lalu, dengan cara:
 - (i) memberhentikan penghijrahan pendatang-pendatang haram Vietnam;
 - (ii) bekerjasama dengan UNHCR dalam usaha mengelolakan pemergian orang-orang pelarian Vietnam dengan teratur dan terselesamat.

Mereka juga telah memberi jaminan kepada saya bahawa mereka tidak berniat untuk membebaskan Malaysia dengan membenarkan penghijrahan beramai-ramai pendatang haram Vietnam itu;

- (c) Pemimpin-pemimpin Vietnam juga telah menyatakan kesediaan untuk mengadakan dialog dengan negara-negara ASEAN dalam usaha mewujudkan rantau aman dan stabil di Asia Tenggara berdasarkan Deklarasi Kuala Lumpur, 1971.

Sungguhpun tidak ada tanda-tanda jelas yang tentera-tentera asing akan diundurkan dari Kampuchea namun Malaysia dan

negara-negara ASEAN yang lain telah memainkan peranan di kalangan masyarakat antarabangsa menyatakan perlunya pengunduran tentera-tentera asing dari Kampuchea sebagai suatu syarat yang penting dalam usaha mencapai penyelesaian politik di negara itu. Malaysia dan negara-negara ASEAN yang lain akan terus mengadakan dialog dengan Vietnam dan menggesa supaya tentera-tentera asing di Kampuchea diundurkan dengan segera, demi kepentingan keamanan dan kestabilan di rantau Asia Tenggara ini.

Dalam perkara ini, ASEAN telah mendapat sokongan negara-negara EEC semasa Mesyuarat ASEAN/EEC baru-baru ini supaya tentera asing diundurkan dari Kampuchea. Malaysia dengan ASEAN akan terus tegas dalam pendirian kita ini disebabkan campurtangan tentera asing ini di Kampuchea adalah mencabuli suatu prinsip utama undang-undang antarabangsa.

MAMPU—KAJIAN PERUNDING PENGURUSAN KERAJAAN

36. Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau sedar bahawa kuasa-kuasa yang ada pada MAMPU (Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Tenaga Manusia) sebagai badan bebas Kerajaan dan sesuatu "recommendation" atas kajian penyiasatannya tidak diimplementasikan. Jika ianya tidak ada kuasa perundangan, sama ada Kerajaan akan mengkaji balik kedudukannya untuk memperuntukkan kuasa undang-undang yang lengkap supaya ia boleh bergerak dan menyelaraskan pentadbiran sesuatu jabatan sebagai sifatnya "management consultant". Jika tidak, mengapa.

Dato' Hussein Onn: Terlebih dahulu, suka saya jelaskan bahawa MAMPU (Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Tenaga Manusia) bukanlah satu badan bebas. Sebaliknya ia adalah satu agensi pusat Kerajaan di bawah Jabatan Perdana Menteri yang dipertanggungjawabkan untuk meningkatkan kecekapan pentadbiran Kerajaan.

Biasanya MAMPU menjalankan sesuatu kajian perundingan pengurusan itu di atas arahan Kabinet, Jawatankuasa Pentadbiran Pembangunan Negara dan juga di atas permintaan sesuatu agensi Kerajaan itu sendiri.

Syor-syor kajian yang dijalankan oleh MAMPU ditapis dan diluluskan oleh Jawatankuasa Pentadbiran Pembangunan Negara yang merupakan pihak berkuasa tertinggi di peringkat pegawai (official's level) dalam perkara pemodenan tadbiran dan perancangan tenaga manusia. Jawatankuasa ini berkuasa memanggil mana-mana agensi yang enggan atau gagal melaksanakan keputusan-keputusannya dan meminta supaya keputusan-keputusan tersebut dipatuhi.

Selain dari itu forum lain seperti mesyuarat Y.A.B. Perdana Menteri dengan Menteri-menteri Besar, mesyuarat perhubungan antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan-kerajaan Negeri juga digunakan untuk menentukan penerimaan dan pelaksanaan syor-syor MAMPU oleh pihak-pihak yang berkenaan.

Setakat ini Kerajaan berpuashati dengan peraturan yang sedia ada dalam menentukan pelaksanaan syor-syor kajian MAMPU dan tidaklah perlu ianya diberi kuasa undang-undang untuk tujuan tersebut. Tambahan pula adalah difikirkan tidak wajar sesuatu agensi perunding diberi kuasa undang-undang untuk melaksanakan syor-syor.

PELAJAR-PELAJAR DI UNIVERSITI— PENGAMBILAN

37. Tuan Haji Ampong bin Puyon minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah formula yang akan dipakai oleh Kementerian ini dalam pengambilan penuntut-penuntut baru di institusi-institusi pengajian tinggi bagi tahun pengajian 1980/81 ini mengikut kaum; dan nyatakan bilangan mereka mengikut kaum.

Dato' Musa bin Hitam: Pengambilan pelajar-pelajar bagi mengikuti kursus-kursus ijazah di universiti-universiti tempatan bagi tahun ini adalah berdasarkan kepada tambahan pengambilan pelajar Bukan Bumi sebanyak 2% lagi pada keseluruhannya berbanding dengan angka pengambilan pelajar Bukan Bumi tahun lalu. Bilangan mengikut kaum akan hanya diketahui setelah pelajar-pelajar mendaftar diri di universiti-universiti tempatan pada sesi 1980/81 akan datang.

FORUM ANJURAN PERSATUAN BAHASA CINA DI UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

38. Tuan Seow Hun Khim minta Menteri Pelajaran menyatakan sebab-sebab Kementerianya campurtangan dalam urusan Persatuan Bahasa Cina Universiti Sains Malaysia dan melarang seorang wakil Kesatuan Guru-guru China Sekolah Jenis Kebangsaan, Encik Loot Ting Yee dari berucap di satu forum di Universiti itu pada 8hb Februari, 1980 atas tajuk "Pembaharuan dan Kemajuan Tulisan China Mempengaruhi Pelajaran China di Malaysia".

Dato' Musa bin Hitam: Saya suka memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa Kuasa untuk meluluskan sesuatu forum atau seminar anjuran Persatuan Pelajar-pelajar di Universiti Sains Malaysia adalah dibuat melalui Peruntukan-peruntukan Bahagian 11, Fasal 7.1 dan 7.2 Kaedah-kaedah Universiti Sains Malaysia (Tatatertib Am Pelajar-pelajar) 1975.

Oleh hal yang demikian, sebarang keputusan yang dibuat di atas sesuatu permohonan untuk mengadakan forum atau seminar di Universiti tersebut adalah di bawah bidang kuasa pihak Universiti berkenaan dan Kementerian Pelajaran tidak campurtangan di dalam perkara ini.

DEEPAVALI/KRISMAS— CUTI AM PERAYAAN

39. Tuan P. Patto minta Perdana Menteri menyatakan sama ada memandangkan bahawa Kerajaan menerima dan mengakui yang perayaan-perayaan utama ugama-ugama dalam Malaysia adalah perayaan-perayaan kebangsaan, Kerajaan akan mengistiharkan dua hari sebagai cuti Am bagi perayaan Deepavali dan perayaan Krismas sepertimana Hari Raya Puasa dan Hari Raya China, dan jika tidak mengapa.

Dato' Hussein Onn: Memandangkan bahawa jumlah hari kelepasan am yang kita nikmati sekarang adalah mencukupi, dengan demikian itu Kerajaan tidak bercadang untuk mengistiharkan dua hari sebagai cuti am bagi perayaan-perayaan Deepavali dan Krismas.

LEMBAGA TEMBAKAU NEGARA— PENGELUARAN LESEN

40. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan apakah sebab-sebabnya Lembaga Tembakau Negara telah meluluskan Lesen-lesen baru kepada Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (P.K.I.N.K.) bagi mendirikan ban-ban baru di Kawasan Bachok dan Pasir Puteh baru-baru ini sedangkan ini adalah bercanggah dengan peraturan Lembaga Tembakau Negara di mana ban-ban mengawit tembakau yang baharu tidak dibenarkan didiri di kawasan-kawasan yang tersebut di dalam jarak kurang daripada (5) batu daripada tapak ban yang sedia ada.

Dato' Paul Leong Khee Seong: Pertama sekali ingin saya menyatakan bahawa lesen-lesen yang telah dikeluarkan kepada Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (P.K.I.N.K.) itu bukanlah merupakan lesen-lesen yang baru. Sebelum tahun 1977 lesen-lesen yang berkenaan itu telah berjalan di bawah Syarikat Perbadanan Perusahaan Pertanian Sendirian Berhad (P.P.P.S.B.). Dalam tahun 1977 Kerajaan telah membuat keputusan bahawa Syarikat P.P.P.S.B. tidak lagi dibenarkan meneruskan perusahaan pengawitan tembakau kerana Syarikat itu menghadapi masalah kewangan, pengurusan dan tidak lagi dapat menjaga kepentingan penanam-penanam yang terlibat dalam kawasan yang berkenaan itu. Memandangkan hal yang demikian itu pihak Lembaga Tembakau Negara telah mengeluarkan lesen-lesen yang dahulunya telah berjalan di bawah pengurusan Syarikat P.P.P.S.B. kepada P.K.I.N.K. supaya perusahaan tembakau dalam kawasan-kawasan yang terlibat itu tidak akan terjejas.

Dalam tahun 1977 P.K.I.N.K. telah menjalankan perusahaan awitan tembakau itu dengan menggunakan ban-ban Syarikat P.P.P.S.B. mengikut satu perjanjian yang telah diadakan di antara kedua-dua badan itu. Semenjak itu P.K.I.N.K. telah mengadakan beberapa rundingan dengan Syarikat P.P.P.S.B. untuk membeli ban yang berkenaan itu, tetapi segala rundingan ke arah itu telah gagal. Oleh sebab rundingan-rundingan untuk membeli ban-ban Syarikat P.P.P.S.B. itu telah gagal maka P.K.I.N.K. telah membuat rancangan untuk mendirikan ban-ban mereka sendiri untuk meneruskan

perusahaan pengawitan tembakau dalam kawasan-kawasan yang berkenaan itu. Pada awal tahun 1980 P.K.I.N.K. telah membuat permohonan kepada Lembaga Tembakau Negara untuk mendirikan ban-ban baru dalam kawasan yang berkenaan itu dan Lembaga Tembakau Negara telah menimbang dan meluluskan permohonan P.K.I.N.K. setelah Lembaga Tembakau Negara berpuas hati bahawa P.K.I.N.K. memenuhi segala syarat-syarat yang telah ditetapkan di bawah peraturan Kaedah-kaedah (Pelesenan) Perusahaan Tembakau 1973.

Saya juga ingin menjelaskan bahawa peraturan di mana Lembaga Tembakau Negara tidak membenarkan stesyen-stesyen baru didirikan di dalam jarak kurang daripada 5 batu daripada stesyen awit yang sedia ada itu adalah syarat yang dikenakan kepada lesen-lesen baharu sahaja. Dalam hal ini lesen yang telah dikeluarkan kepada P.K.I.N.K. ini bukanlah lesen baharu tetapi ianya merupakan lesen-lesen yang telah diambilalihkan daripada Syarikat P.P.P.S.B. semenjak tahun 1977 lagi, maka ianya tidak tertakluk kepada syarat jarak 5 batu daripada stesyen awit yang ada sekarang. Lembaga Tembakau Negara telah membuat keputusan ini setelah berpuas hati bahawa P.K.I.N.K. mempunyai kewangan, kemahiran dan juga tanda-tanda yang cukup bahawa ianya dapat memelihara kepentingan 10,000 penanam-penanam dan pekerja-pekerja yang terlibat dalam kawasan yang berkenaan itu. Ini adalah selaras dengan kehendak-kehendak yang telah ditetapkan di bawah peraturan Kaedah-kaedah (Pelesenan) Perusahaan Tembakau, 1973.

JALAN TANJONG BUNGAH- BATU FERRINGGI

41. Tuan Peter Paul Dason minta Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan sama ada Kerajaan mempunyai apa-apa rancangan untuk membina sebatang jalan lagi yang "parallel" dengan Jalan Tanjong Bungah-Batu Ferringgi, Pulau Pinang, memandang kepada kesesakan lalulintas di sepanjang jalan tersebut; sama ada Kerajaan Negeri telah meminta Kerajaan Pusat membina jalan tersebut.

Dato' S. Samy Vellu: Setakat ini Kerajaan tidak ada cadangan atau menerima permohonan dari Kerajaan Negeri untuk

membina sebuah lagi jalan yang selari dengan Jalan Tanjong Bungah-Batu Ferringgi, Pulau Pinang.

GABUNGAN AMNESTY ANTARA-BANGSA—PERAKUAN

42. Tuan Karpal Singh minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri mengatakan sama ada Kerajaan menyahut rayuan-rayuan yang dibuat oleh Gabungan Amnesty Antarabangsa; jika ya, berikan contoh-contoh, jika tidak, nyatakan sebab-sebab mengapa Kerajaan tidak mengindahkan rayuan-rayuan tersebut.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Rayuan-rayuan dari Amnesty International yang mengandungi perakuan-perakuan seperti dalam Laporan Rombongan Amnesty International ke Malaysia 18hb-30hb November, 1978 telahpun dikaji dan didapati ianya mengandungi perakuan-perakuan yang terpesong kerana didasarkan kepada laporan dan fakta-fakta yang salah dan diputarbelitkan. Dengan yang demikian perakuan-perakuannya tidak menasabah kecuali perakuannya yang meminta supaya ubat-ubat China dibenarkan. Oleh kerana terdapat seorang Pembantu Hospital bertugas sepenuh masa di Tempat Tahanan Kemunting dan Pegawai Perubatan melawat pada tiap-tiap hari di Tempat Tahanan Batu Gajah dan ubat-ubat yang cukup maka peraturan yang dijalankan sekarang adalah mencukupi.

UNDANG-UNDANG ISLAM—PERLAKSANAAN

43. Tuan Awang bin Jabar minta Menteri Undang-undang menyatakan apakah langkah-langkah yang dijalankan oleh Kementerian-nya dalam usaha melaksanakan undang-undang Islam di negara ini.

Dato' Seri Haji Hamzah bin Haji Abu Samah: Kementerian Undang-undang adalah tidak terlibat dalam usaha melaksanakan undang-undang Islam di negara ini. Perlaksanaan Undang-undang Islam di negara ini adalah ditentukan oleh Perlembagaan. Seksyen 1, Senarai 11, Jadual 9, Senarai Perundangan memberi kuasa kepada negeri-negeri membuat undang-undang berkenaan dengan Ugama Islam dan bagi orang-orang

yang menganuti Ugama Islam, dan Kerajaan-kerajaan Negeri yang melaksanakan undang-undang itu.

RAKYAT MALAYSIA MELAWAT NEGARA KOMUNIS

44. Puan Yong Fatimah binti Mohd. Razali minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan:

- (a) berapakah bilangan rakyat Malaysia yang telah melawat negara-negara Komunis sejak tahun 1977 dan nyatakan pecahan kaum;
- (b) berapakah antara mereka yang memohon ataupun telah menjadi rakyat negara komunis; dan
- (c) berapakah bilangan antara mereka yang telah bermastautin di sana dan ingin kembali menjadi rakyat Malaysia.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: (a) Sejak Januari, 1977 hingga Disember, 1979 sejumlah 13,061 orang telah diluluskan melawat ke negara-negara komunis.

Bagi menjawab soalan "b" dan "c" Kerajaan tidaklah mengetahui bilangan rakyat negara ini yang telah menjadi warganegara negara-negara komunis dan yang ingin untuk kembali ke negeri ini semula.

TARAF KERAKYATAN

45. Tuan Seow Hun Khim minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sebab-sebab kerakyatan tidak diberi kepada sebilangan orang yang dilahirkan di negeri ini dan kepada mereka yang berhijrah ke negara ini secara sah sebelum 1957.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, seseorang yang dilahirkan di negeri ini pada hari Merdeka sehingga 30hb September, 1962 adalah Warganegara dengan perjalanan undang-undang mengikut Perkara 39 Seksyen 1 (1) (a) Bahagian 1, Jadual Kedua Perlembagaan Malaysia; dan kepada mereka yang lahir pada dan selepas Hari Malaysia hingga sekarang adalah menjadi Warganegara secara perjalanan undang-undang di bawah Perkara 39 Seksyen 1 (a)

Bahagian 2, Jadual Kedua Perlembagaan sekiranya salah seorang ibu/bapa mereka adalah Warganegara atau penduduk tetap negeri ini.

Sebaliknya mereka yang dilahirkan di negeri ini sebelum Merdeka dan kelahirannya bukan sebagai Warganegara dan mereka yang berhijrah ke negeri ini secara sah sebelum 1957 adalah perlu memohon untuk menjadi Warganegara. Mereka layak diberi kerakyatan hanya jika mereka memenuhi semua syarat-syarat yang termaktub di dalam Perlembagaan.

USUL

UCAPAN TERIMA KASIH KEPADA D.Y.M.M. SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah:

Bahawa suatu Ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan kepada Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya—

“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang zalil daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan berbilang-banyak syukur dan menjunjung kasih Ke bawah Duli kerana Titah Ucapan Ke bawah Duli pada masa membuka Penggal Kedua Parlimen Yang Kelima.” (19hb Mac, 1980).

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sebelum saya menjemput Ahli-ahli Yang Berhormat mengambil bahagian di dalam perbahasan ini, saya suka menetapkan iaitu masa tiap-tiap seorang Ahli Yang Berhormat bercakap pada hari ini adalah tidak lebih daripada 30 minit. Ini akan memberi peluang kepada beberapa orang yang telah berdiri yang ada dalam ingatan saya di sini supaya lebih ramai lagi dapat mengambil bahagian bercakap. Pada hari esok saya akan semak semula mengikut keadaan berapa banyak Ahli Yang Berhormat akan mengambil bahagian bercakap.

Sekarang saya kemukakan untuk perbahasan. Ahli Yang Berhormat dari Ulu Langat.

3.36 ptg.

Puan Chow Poh Kheng (Ulu Langat):
Tuan Yang di-Pertua

Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad (Baling): (Bangun)

Tuan Yang di-Pertua: Sabar! Siapa yang berjanji? Yang Berhormat telah bercakap selama 1 jam 2 minit dan saya tidak berjanji Yang Berhormat boleh menyambung. Sila teruskan.

Puan Chow Poh Kheng: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun di sini bagi menyokong Titah Ucapan Seri Paduka Baginda.

Daripada ucapan ini menggambarkan bahawa pentadbiran Kerajaan Malaysia untuk rakyat Malaysia adalah bijak dan komprehensif. Perkhidmatan Kerajaan terhadap orang ramai di negara kita ini agak lambat dan membosankan. Hal ini mungkin disebabkan oleh kekurangan kakitangan dan ketidakcekapan menjalankan tugas. Jika kakitangan tidak cukup mungkin kerja-kerja penyalarsan di antara Jabatan-jabatan tidak begitu memuaskan. Lazimnya sesuatu permohonan sama ada penting atau tidak patut disegerakan atau sebaliknya terpaksa melalui beberapa saluran. Kadang-kadang permohonan ini hilang lesap dan dilupakan dalam melalui “merry-go-round system” ini.

Oleh itu Kerajaan haruslah menubuhkan satu badan penyiasat untuk menyiasat sebab-sebab mengapa sistem pentadbiran Kerajaan ini lambat. Tugas dan tanggungjawab kakitangan Kerajaan hendaklah diterangkan se-jelas-jelasnya dan dikaji dari masa ke semasa. Mereka yang berkebolehan, cekap dan rajin hendaklah disokong kenaikan pangkatnya tanpa mengira bangsa dan keturunan. Mengkaji semula bayaran gaji dari masa ke semasa adalah perlu supaya kakitangan Kerajaan menerima bayaran yang memuaskan untuk menampung keperluan harian. Kerja dan tugas tidak akan lancar dengan perut yang kosong dan fikiran yang risau mengenangkan kebajikan keluarga.

Kerana ucapan saya masih lagi dalam tajuk urusan Kerajaan maka di sini inginlah saya mengambil kesempatan untuk menge-

mukakan satu perkara yang berkenaan seorang MP apabila berjumpa pegawai-pegawai di Jabatan Kerajaan dalam masa menjalankan tugas.

Saya fikir Ahli-ahli Yang Berhormat dan rakan-rakan saya akan bersetuju dengan saya bahawa sebagai seorang MP dan Wakil Rakyat sungguhpun Parlimen adalah mengeluarkan satu kad pengenalan MP untuk dikenali oleh Jabatan Kerajaan semasa MP melawat pegawai-pegawai berkenaan tetapi seringkali berlaku bahawa MP dalam keadaan tidak senang hati apabila beliau ditolak ke sana sini. Bukanlah ini bermakna meminta keistimewaan untuk diri MP tetapi tugas yang dijalankan itu akan berjalan dengan lancar dengan adanya kerjasama kakitangan Kerajaan, terutama sekali pegawai-pegawainya. Oleh yang demikian, saya berharap pegawai-pegawai Kerajaan akan memberi kerjasama yang lebih apabila Ahli-ahli Parlimen mengunjungi mereka.

Undang-undang dan peraturan adalah ciptaan manusia untuk keselamatan negara dan kebajikan rakyatnya. Undang-undang dan peraturan yang lama dan tidak sesuai hendaklah dimansuhkan dan yang baru digubal. Sebagai contoh sistem permohonan paspot antarabangsa sudah dipermudahkan lagi. Caranya melalui pos ke kawasan-kawasan yang ditentukan. Ini adalah satu langkah yang bijak dibuat oleh Jabatan Imigresen dan patutlah dialu-alukan dan rakyat patutlah bersyukur.

Satu lagi peraturan yang perlu dipinda untuk tindakan Pejabat-pejabat Daerah ialah mengeluarkan geran tanah dan pindah-milik kepada pihak berkenaan atau waris-waris yang berkuasa. Biasanya proses menguruskan tanah ini mengambil masa yang lama dan susah. Satu lagi undang-undang yang perlu dikaji semula dan diambil perhatian ialah permohonan untuk tinggal menetap di negara ini terutama sekali permohonan yang patut mendapat layanan. Masih banyak lagi contoh-contoh lain yang boleh dipraktik tetapi pandangan dan pendapat saya ialah berdasarkan kepada sebab-sebab yang menasabah agar undang-undang yang tidak lagi sesuai itu dikaji semula dan dipinda sesuai mengikut kehendak masa dan keadaan di negara kita ini.

Dewan orang ramai khas untuk mengadakan pertunjukan dan keramaian telah disewa oleh jabatan berkenaan kepada orang ramai, terutama sekali kepada persatuan-persatuan kecil atau badan-badan sukarela yang tidak berupaya untuk menyewa. Sebagai contoh pusat sivik di Petaling Jaya adalah sebuah bangunan yang indah dan mempunyai kemudahan-kemudahan dan sistem suara yang moden dengan sewa sebanyak \$250 sejam. Adakah bangunan-bangunan seperti ini didirikan dengan tujuan untuk dinikmati oleh rakyat negara ini atau sebagai gajah putih (white elephant) untuk tuntunan.

Suami isteri yang bukan Islam, terutama sekali kaum wanitanya akan mengalu-alukan Reform Marriage Bill yang sudah lama dan masih lagi belum dilaksanakan. Baru-baru ini orang ramai telah diberitahu oleh Kementerian yang berkenaan melalui akhbar bahawa penjagaan anak-anak akibat perceraian suami isteri adalah keputusan Mahkamah Tinggi. Berhubung dengan perkara ini bahawa ibu adalah pelindung dan penasihat anak-anak, manakala tugas seorang bapa ialah sebagai pencari rezeki (bread earner) dalam keluarga dan bapa mempunyai masa yang terhad bercampur-gaul dengan anak-anak di rumah, terutama sekali bapa yang menjadi ahli-ahli politik dan wakil-wakil penjual.

Oleh yang demikian, pada pendapat saya anak-anak hendaklah diserahkan di bawah jagaan ibu dan bapa bertugas membiayai sara hidup anak-anak.

Perkahwinan mengikut adat resam bukan Islam tidak ada tempat lagi dalam masyarakat moden. Ini adalah kerana perkahwinan semacam itu tidak ada legal procedure menahan, menyekat berkahwin dua atau lebih. Oleh itu, cara kahwin yang sempurna masih belum terjamin. Sebuah keluarga ialah menjadi satu masyarakat kecil. Hanya keluarga hidup aman bahagia yang boleh mewujudkan anak-anak bahagia dan hanya keluarga bahagia juga yang boleh mewujudkan masyarakat bahagia. Oleh itu, Kerajaan haruslah mengambil langkah-langkah yang perlu bagi mengadakan undang-undang nikah yang benar-benar boleh melahirkan perkahwinan sempurna dan bahagia. Kanak-kanak dan kaum wanita hendaklah dilindungi oleh undang-undang nikah yang comprehensive. Ini adalah disebabkan kaum

wanita sering kali menjadi mangsa dalam perceraian suami isteri dan anak-anak yang menanggung derita.

Mengikuti penyiasatan statistik bahawa penjenayah-penjenayah muda, penagih-penagih dadah dan keciciran adalah kebanyakannya berasal daripada akibat perpecahan rumah tangga. The Reform Marriage Bill hendaklah dilaksanakan dengan seberapa segera demi untuk kebaikan rumah tangga dan masyarakat. Bill ini juga hendaklah dikaji semula sekarang dan kemudian barulah dipinda jika perlu untuk kebaikan.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi ingin saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih atas Titah Ucapan Baginda yang sungguh cemerlang. Saya harap pandangan dan buah fikiran saya ini mendapat pertimbangan oleh Kabinet.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Pasir Puteh.

3.50 ptg.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad (Pasir Puteh): Tuan Yang di-Pertua, dalam membahaskan dan menjunjung kasih terhadap Titah Ucapan Kebawah Duli Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong telah berkali-kali Kebawah Duli menegaskan dan memuji tentang kejayaan yang pesat di dalam pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru. Tetapi malangnya ada lagi suara sumbang yang menyatakan Dasar Ekonomi Baru yang kosong. Ciri-ciri ekonomi yang menggalakkan perpecahan dan satu pihak lain pula mengatakan Dasar Ekonomi Baru gagal kerana pemilikan tanah kaum tani yang tidak ekonomi dan lain-lain hujah yang direka untuk menyedapkan ucapannya sahaja. Inilah suara tuduhan yang tidak berasas dari parti Pembangkang yang kehabisan modal untuk bercakap. Kedua-dua parti Pembangkang baik DAP dan PAS mempunyai nada yang sama dalam menilai kejayaan Dasar Ekonomi Baru Kerajaan. Dan nada yang sama juga diulang-ulangkan di dalam Dewan yang mulia ini walaupun beberapa kali Dewan ini bersidang.

Mengkritik yang tidak berasas dan menilai Dasar Ekonomi Baru dari pandangan dan sifat-sifat yang negatif bolehlah kita anggap golongan yang mempunyai otak

tetapi tidak mahu menggunakan untuk berfikir dan ada mata serta telinga tidak mahu melihat dan mendengar secara positif yang rasional yang boleh menolong menjayakan Dasar Ekonomi Baru Kerajaan. Sebab itulah saya mensifatkan golongan ini mempunyai niat yang buruk atau tidak baik untuk menggagalkan Dasar Ekonomi Baru demi untuk kepentingan politik mereka.

Tuan Yang di-Pertua, Dasar Ekonomi Baru akan diteruskan. Kejayaannya meningkat dari setahun ke setahun. Orang yang menuduh Dasar Ekonomi Baru itu kosong dan gagal telahpun menerima nikmatnya tetapi tidak pernah bersyukur kepada Allah s.w.t. Ini adalah kerana perasaan tamak dan haloba yang menyelubungi jiwa dan perasaan mereka, moga-moga Allah tidak akan menambahkan lagi nikmat kepada golongan yang tidak bersyukur itu.

Tuan Yang di-Pertua, wakil dari Baling menyatakan Dasar Ekonomi Baru gagal kerana tanah sempit yang tidak ekonomik dimiliki oleh kaum tani. Mengapa beliau tidak bertanya kepada Datuk Mohd. Asri semasa menjadi Menteri Kemajuan Tanah dahulu? Apakah Datuk Mohd. Asri tidur semasa menjadi Menteri

Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad: (Bangun)

Tuan Yang di-Pertua: Beri jalan.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Saya beri jalan.

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad: Saya berkata berasaskan kepada penilaian saya terhadap kegagalan itu bukan hanya tanah yang tidak ekonomik sahaja tetapi keseluruhan masalah pertanian. Itu harus dibetulkan. Dan apa yang dituduh mengenai apa yang dibuat oleh Datuk Mohd. Asri dalam hal ini dia boleh lihat dalam rekod Kerajaan di dalam soal ini dan jangan bercakap melulu sahaja dengan tidak ada alasan. Dan harus dibuktikan sama ada beliau itu tidur atau tidak atau wakil dari Pasir Puteh yang tidak menyedarinya dan apakah dia betul-betul bertanggungjawab sewaktu dia menjadi Pegawai Daerah.

Tuan Yang di-Pertua: Teruskan!...

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya saya bertanggungjawab dengan apa yang saya katakan dan ucapan saya belum lagi habis. Telah saya sebutkan bahawa beberapa sebab yang direka untuk menyedapkan percakapan apabila beliau menyatakan Dasar Ekonomi Baru ini gagal. Saya telah memahami ucapannya dengan sedalamnya.

Tuan Yang di-Pertua, tadi saya menyatakan apakah Datuk Mohd. Asri tidur semasa menjadi Menteri. Cuba wakil dari Baling itu bertanya, adakah rancangan tanah yang dijalankan oleh Kerajaan bagi menolong kaum tani dan mengatasi tanah yang tidak ekonomi itu

Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad: (Bangun)

Tuan Yang di-Pertua: Hendak beri jalan atau tidak?

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Saya tidak beri jalan.

Tuan Yang di-Pertua: Dia tidak beri jalan, sila duduk!

Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad: Takut!

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Saya tidak pernah takut di dalam perbahasan, cuma saya hendak teruskan ucapan saya, selepas itu dia boleh bertanya.

Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad: Bacul!

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tidak bacul.

Tuan Yang di-Pertua: Sila teruskan!

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Mungkin Datuk Mohd. Asri tidak tahu rancangan tanah FELDA ataupun FELCRA kerana beliau tidak pernah membuatnya semasa menjadi Menteri Tanah dahulu . . .

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, tumpukan kepada perbahasan mengikut Peraturan Mesyuarat 36 (1). Ini panjang cerita Datuk Mohd. Asri, apa sebabnya?

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya dia menyatakan tanah tidak ekonomik. Jadi saya hendak beri sebab yang Kerajaan telah membuat tanah yang ekonomik.

Tuan Yang di-Pertua: Yalah, dengan tidak ada menyebut banyak

Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad: (Bangun)

Tuan Yang di-Pertua: Jangan ganggulah, jangan ganggu!

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Duduk!

Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad: Kerana dia menyebut

Tuan Yang di-Pertua: Saya kata jangan ganggu! Ganggu di bawah Peraturan Mesyuarat 37 (b) sahaja yang boleh diganggu. Itu pun dengan izin, jikalau ia boleh dibenarkan. Dan saya kalau diganggu seperti ini, saya tidak kira, masanya setengah jam itu juga. Itu terserah kepada Ahli Yang Berhormat sama ada suka hendak beri jalan atau tidak.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tetapi malangnya PAS tidak percaya kepada rancangan FELDA, katanya tanah tidak boleh dibuat pusaka dan hutang yang tidak habis-habis. Tetapi apabila rancangan ini dibuka di Rancangan DARA dan Jengka, orang PASlah yang mula-mula sekali memohon borang untuk memasuki ke rancangan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, untuk membuka mata wakil dari Baling, rancangan ini satu development telah dijalankan di Teratak Batu, Pasir Puteh, Kelantan telah dapat memberi pertolongan kepada kaum tani yang tidak mempunyai tanah yang ekonomik di bawah FELCRA. Saya memuji pihak FELCRA kerana telah menjalankan projek perintis ini dan telah menemui kejayaan yang menggalakkan. Mungkin rancangan pembangunan in situ ini akan diperluaskan di Kedah dan negeri-negeri lain. Kalau wakil dari Baling berkehendakkan Rancangan in situ ini, silalah berjumpa dengan Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Wilayah, mungkin beliau dapat menolong.

Tetapi walau bagaimanapun, Kerajaan tidak mempunyai tongkat sakti ataupun tongkat nabi Musa untuk melaksanakan projek dengan sekelip mata. Saya berharap wakil dari Baling bersabar jangan cuba menuduh Kerajaan yang tidak berasas. Kalau kawasan Baling tidak menerima pembangunan dan tidak dapat menikmati Dasar Ekonomi Baru, ini bukanlah salah Kerajaan tetapi salah Wakil Rakyat itu sendiri, kerana wakil itu bercakap berdegar-degar menuduh itu dan menuduh ini tanpa memberi sumbangan positif ke arah menolong kaum tani dalam kawasannya. Sebaliknya beliau meragui tentang kejayaan Dasar Ekonomi Baru yang dicapai oleh Kerajaan untuk menolong rakyat miskin.

Tuan Yang di-Pertua, dalam mengeksploitasikan punca-punca kekayaan negara, contoh wakil dari Baling kepada eksploitasi kayu-kayan dengan perkataan lain ialah balak-balak. Memang benar eksploitasi kayu-kayan iaitu balak tidak memberi faedah kepada rakyat miskin, contohnya di Kelantan.

Selama 18 tahun pemimpin PAS di Kelantan mengeksploitasikan kayu-kayan balak di Kelantan tanpa sedikit pun memberi faedah kepada rakyat Kelantan, kerana Kerajaan PAS dahulu mengeluarkan kayu balak kerana hendak mengeluarkan balak bagi mengisi saku-saku pemimpin PAS dan pengusaha-pengusaha PAS. Tetapi tidak berniat langsung kawasan yang dikeluarkan balak itu untuk dilakukan pembangunan untuk rakyat

Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad: Untuk penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua: Duduk dulu! Saya dengar—hendaklah tahu aturan Peraturan Mesyuarat; Peraturan Mesyuarat 37 boleh mengganggu orang dengan dua sebab. Satu, atas tata tertib (point of order) ataupun atas penjelasan. Kalau point of order, saya serta merta mengarahkan orang yang bercakap itu suruh duduk. Tetapi ini apa bendanya?

Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad: Sebab dia menuduh

Tuan Yang di-Pertua: Ialah apa bendanya. Di bawah penjasankah ataupun di bawah point of order?

Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad: Saya tidak ingat tetapi dia menuduh begitu, saya ingat salah dari segi peraturan.

Tuan Yang di-Pertua: Yalah, kalau salah peraturan, saya tegur, tarik perhatian saya.

Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad: Itulah yang dia menuduh pemimpin PAS tetapi dia tidak pointkan apa yang dilakukan, itu tidak dijelaskan. Sehingga

Tuan Yang di-Pertua: Tetapi hendak penjelasanlah namanya. Penjelasan, saya tanya-lah dia. Sekarang Yang Berhormat hendak beri jalan atau tidak? Ini masa Yang Berhormat dengar pula, semalam Yang Berhormat memberi.

Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad: Yalah, semalam ada juga orang di sana meminta penjelasan, saya beri. Sekarang kalau dia

Tuan Yang di-Pertua: Sekarang minta penjelasan. Hendak beri jalan atau tidak?

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Saya beri jalan, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad: Beliau menuduh tadi menyatakan bahawa pemimpin PAS telah mengeksploitasikan balak itu untuk kepentingan poket pemimpin itu. Cuba beliau terangkan, siapa dia orang itu dan juga apakah asas-asas yang diletakkan untuk menuduh perkara itu.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak perlu. Orang tidak payah sebut. Jangan dibangkitkan di sini. Sila teruskan!

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Inilah yang saya kehendaki, kalau sekiranya wakil dari Baling itu hendak tahu. Saya ada 25 senarai syarikat-syarikat yang telah mengeksploitasikan kayu-kayan di Kelantan, di antaranya ialah Persekutuan Lutfi Sdn. Bhd. dan satu lagi Syarikat Tiga Serangkai dan ada beberapa buah syarikat lagi telah menguasai 1.2 juta ekar tanah di negeri Kelantan. Ini berdasarkan kenyataan. Kalau tidak benar, sila ambil tindakan dan dakwa kepada apa yang saya katakan sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan PAS dahulu mengeluarkan kayu balak kerana hendak

Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, on a point of order.

Tuan Yang di-Pertua: Sabar dahulu Yang Berhormat. On a point of order-nya apa?

Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad: Apa yang dibincangkan itu telah mendedahkan satu secret.

Tuan Yang di-Pertua: Dengar dahulu! Yang Berhormat tidak mendengar cakap saya. Saya bertanya, on a point of order-nya apa?

Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad: Beliau mendedahkan satu perkara yang merupakan suatu rahsia Kerajaan Negeri.

Tuan Yang di-Pertua: Ini boleh dia dedahkan, melainkan di bawah Akta Rahsia sahaja yang tidak boleh. Tetapi tadi Yang Berhormat juga minta dia sebutkan, disebutkannya, kalau tidak minta tadi, dia tidak cakap (*Tepuk*). Teruskan.

Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Selepas ini jangan ganggu lagi, melainkan kalau ada on a point of order sahaja.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Saya harap Tuan Yang di-Pertua tambahkan masa saya yang lebih daripada setengah jam.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan PAS dahulu mengeluarkan kayu balak kerana hendak mengeluarkan balak bagi mengisi saku-saku pemimpin-pemimpin PAS dan pengusaha-pengusaha PAS tetapi tidak berniat langsung kawasan yang dikeluarkan balak itu dilakukan pembangunan untuk rakyat sebagaimana pembangunan FELDA dan KASDA yang telah dijalankan sekarang ini. Sebab itulah satu-satu syarikat yang hendak mengeluarkan kayu balak itu telah tidak ditender dalam jangka masa yang pendek tetapi sebaliknya dipajak atau dileasekan tanah itu dalam jangka masa 30 atau 40 tahun, paling kurang selama 15 tahun bagi kawasan yang berpuh-puluh

ribu ekar sehingga satu kompeni sampai 240,000 ekar tanah telah diberi dalam jangka masa 40 tahun. Jika sekiranya kompeni itu tidak habis lagi mengeluarkan tanah selama 40 tahun itu, akan ditambah 30 tahun lagi bermakna rakyat Kelantan akan merana selama 75 tahun dengan perjanjian yang dibuat oleh Kerajaan yang adil itu. Sehingga sekarang masih terdapat lagi sebanyak 1.2 juta ekar tanah kayu-kayan balak yang dimiliki secara lease oleh syarikat-syarikat asing bukan kepunyaan bumiputra. Ini ialah dasar mengeksploitasi kayu-kayan negara dilakukan oleh Kerajaan PAS bagi menolong rakyat Kelantan pada masa itu yang mungkin wakil dari Baling tidak pernah mendengar cerita yang sebenar kerana Datuk Haji Mohd. Asri tidak menceritakan perkara yang sebenar kepada anak buahnya. Oleh itu kalau tidak tahu, janganlah bercakap kerana hendak bercakap; kerana bercakap itu hendaklah mempunyai satu bukti yang sah.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia itu ada menyebut dan mengingatkan segolongan rakyat Baginda yang beragama Islam, bahawa keutuhan agama tidak dapat dipisahkan daripada kemajuan negara. Apakah wakil dari Baling telah memakan lada, apabila Kebawah Duli Yang Maha Mulia menyebutkan segolongan sahaja? Kalau sudah makan lada maka rasalah pedasnya.

Tuan Yang di-Pertua, keutuhan Islam dan kemajuan negara tidak akan dapat dipisahkan kerana Islam tidak tegak di dalam sebuah negara yang lemah dan mundur. Kalau hendak beralih kepada rancangan Kerajaan sekularising dan mementingkan materialisma, ini adalah dakwaan dan anggapan orang yang hampa dan keciwa dalam politik serta ketandusan modal berhujah, kerana Kerajaan telah berkali-kali menegaskan bahawa Kerajaan melakukan perancangan untuk mencapai kemajuan rohaniah dan lahiriah ataupun jasmaniah. Kedua-dua dilakukan secara seimbang dan kemajuan lahiriah atau material adalah kaitan dengan kemajuan rohaniah yang akan dicapainya. Tanpa pembangunan lahiriah, rohaniah tidak akan sempurna. Oleh itu niat dan hasrat Kerajaan di dalam satu-satu perancangan pembangunan untuk kemajuan itu adalah tidak sama dengan pandangan dan pendapat orang yang keciwa dalam politik dan orang yang tidak mempunyai kuasa untuk membuatnya. Kerana pembangunan dan kemajuan yang

dilakukan oleh Kerajaan Barisan Nasional adalah dengan niat suci dan ikhlas untuk menegakkan agama, bangsa dan tanahair. Kerana agama, bangsa dan tanahair tidak akan tegak dengan kata-kata dan semangatnya sahaja. Ini terbukti dengan Kerajaan PAS memerintah Kelantan selama 18 tahun, akhirnya rakyat benci dengan janji-janji dan laungan semangat Islam yang kosong semata-mata itu.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Cuba wakil dari Baling jelaskan perancangan Kerajaan Kelantan di bawah PAS yang tidak sekularisma tetapi sebaliknya apabila PAS berkuasa bukan sahaja pemimpin PAS yang sekularisma tetapi PAS sendiri mengamalkan sekularisma dalam merebut kuasa dan tindak-tanduknya dalam politik dan pemerintahan Kerajaan PAS di Kelantan pada masa itu. Oleh itu wakil dari Baling boleh bercakap semasa tidak ada kuasa tetapi sesudah berkuasa tindak-tanduk dan dasarnya adalah lebih sekular daripada Kerajaan UMNO yang ada sekarang. Janganlah cuba menuduh kepada orang lain tetapi ambil cermin renungan baik-baik apa Kerajaan PAS telah lakukan selama ini selain daripada memecah sesama Islam dan menuduh orang-orang lain serta fitnah yang dilakukannya semata-mata.

Tuan Yang di-Pertua, Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia bahawa kejatuhan beberapa buah negara Islam adalah disebabkan perpecahan, kelemahan dan kemunduran. Wakil dari Baling menafikan, kerana katanya kejatuhan Afghanistan adalah berpunca dari pemimpin mereka sendiri yang berlain faham dengan ketaatan rakyat. Kesemuanya sebab-sebab itu betul tetapi satu lagi yang tidak disebutkan iaitu kejatuhan Afghanistan disebabkan segolongan pemimpin yang keciwa dan bankrap dalam politik tanahairnya iaitu golongan pemimpin yang tidak mendapat sokongan rakyat serta tidak berupaya memperolehi kuasa mengikut jalan-jalan Perlembagaan atau usaha yang ada di dalam negeri maka pemimpin tersebut memohon pertolongan kepada kuasa-kuasa besar untuk menghancurkan Kerajaan yang sah dalam negeri itu, maka golongan pemimpin itu merasa puas. Mereka menganggapkan biarlah rakyat negara dan agama hancur asalkan kekuasaan politik pemimpin itu tercapai.

Tuan Yang di-Pertua, apakah perkara seperti ini tidak mungkin berlaku dalam negara kita. Oleh itu Kerajaan mesti ingat dan berhati-hati bahawa dalam negara kita ada segolongan pemimpin yang sanggup menjual dan memperalatkan Islam untuk tujuan dan kepuasan politik mereka. Maka adalah berkemungkinan besar golongan ini juga akan menggadaikan negara dan rakyat, biar negara dan rakyat hancur asalkan mereka dapat mencapai kepuasan politik. Ini terbukti golongan pemimpin yang keciwa ini telah menyokong Kerajaan asing apabila Kerajaan kita berkonfrantasi dengan Indonesia pada satu masa dahulu. Oleh itu ISA hendaklah dikekalkan untuk menjamin golongan yang keciwa ini tidak mendapat peluang yang jahat yang boleh menghancurkan rakyat dan negara.

Tuan Yang di-Pertua, nampaknya wakil dari Baling tidak senang hati apabila Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia itu sukacita melihat umat Islam dalam negara ini menunjuk minat yang tinggi terhadap pembangunan Islam sebagai nilai hidup dalam masyarakat serta menyokong badan-badan dakwah. Seolah-olah perkataan Islam dan dakwah itu haknya ataupun hak PAS sahaja maka orang lain tidak perlu campur kerana orang lain tidak Islam mungkin dianggapnya begitu dan tidak tahu tafsiran dakwah betul ataupun salah. Dan apalah semua yang dilakukan oleh PAS terhadap Islam ini semuanya betul dan tidak perlu kita persoalkan lagi atau apakah PAS sahaja boleh membuat sesuatu terhadap Islam.

Tuan Yang di-Pertua, saya terkejut sekali mendengar Wakil dari Baling yang cuba membawa yang PAS sahaja Islam dan PAS cuba hendak monopoli terhadap Islam tetapi sejarah telah membuktikan yang UMNO telah berjasa atau lebih berjasa terhadap Islam daripada PAS itu tetapi mungkin PAS itu berjasa atau berjaya untuk memesongkan iktikad Islam terhadap rakyat dan negara ini. Jadi apakah Wakil dari Baling ingat badan dakwah, ABIM misalnya termasuk PAS sendiri tidak pernah salah terhadap Islam maka tidak boleh ditegur atau diingatkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia atau sesiapa sahaja. Kalau sekiranya ditegur maka Wakil dari Baling ini menganggapkan mereka itu anti Islam ataupun Kerajaan anti Islam atau

sebagainya. Kalau inilah sikap seorang pemimpin maka tidak jauhlah bezanya dengan sikap-sikap orang PAS di kampung-kampung yang selalu mengkafirkan sesama Islam dan mengeluarkan hukum-hukum haram halal atau sah, tidak sahnyanya dengan sewenang-wenangnyanya.

Sebenarnya orang PAS ini Islamnya lebih daripada Islam itu sendiri dan pemimpinnya berani mengeluarkan hukum Islam lebih daripada Junjungan kita Nabi Muhammad (s.a.w.) kerana Junjungan kita Nabi Muhammad (s.a.w.) tidak pernah menghukum kafir kepada sesama Islam, kepada sesuatu golongan atau seseorang itu yang telahpun mengucapkan dua kalimah syahadat. Jadi kalau Wakil dari Baling tidak tahu tafsiran dakwah ini dengan betul atau dakwah terpesong mengikut ajaran Islam silalah berjumpa dengan Yang di-Pertua Dewan Rakyat, mungkin mereka dapat menerangkan apa dakwah yang salah, apa dakwah yang tidak benar. Saya berharap janganlah menganggap kita dan PAS sahaja Islam maka orang lain tidak berhak terhadap Islam kerana Islam dan UMNO lahir terdahulu daripada PAS dan Wakil dari Baling itu sendiri di tanahair ini.

Kerajaan tidak pernah mengelirukan tafsiran Islam kepada rakyat tetapi sebaliknya pemimpin PAS telah banyak mengelirukan rakyat tentang Islam dan akidah rakyat terhadap Islam. Kalau sesuatu diperkatakan oleh ulama Kerajaan maka tidak betul dan salah tetapi apabila ulama PAS keluar fatwa semuanya betul tetapi malangnya Haji Mustapha atau ulama PAS telah ditangkap di Trengganu itu telah dibawa ke mahkamah yang telah mengeluarkan hukum haram halalnya tetapi malangnya beliau ini tidak memberi hujjah-hujjah atas nas untuk mempertahankannya tetapi sebaliknya memakai peguam (lawyer). Ini bermakna tok guru ini lebih takutkan kepada undang-undang dunia daripada undang-undang akhirat dengan fatwa yang dikeluarkan itu.

Tuan Yang di-Pertua, berbalik kepada perpaduan negara, walaupun berkali-kali dibangkitkan dalam Titah Kebawah Duli itu ke arah perpaduan supaya rakyat bersikap sederhana dan menunjukkan kesabaran dalam menghadapi ketegangan dan konflik antara rakyat supaya rakyat bersatu padu dan perlu berusaha bagi mengukuhkan per-

paduan dan juga menghapuskan sifat-sifat perkauman dan perbuatan semangat ke-daerahan dan lain-lain unsur berpecah belah yang menghalangkan perpaduan dan kemajuan tetapi suara sumbang juga telah kedengaran mengatakan perpaduan negara itu kosong kerana Lembaga Perpaduan Negara tidak menjalankan aktiviti. Perpaduan negara tidak terletak kepada Lembaga Perpaduan Negara tetapi terletak kepada setiap rakyat dan pemimpin masyarakat. Sekiranya perpaduan negara itu gagal kerana ada orang yang menggagalkan iaitu oleh pemimpin yang tidak bertanggungjawab terhadap negara dan tidak kepada pemerintah. Pemimpin yang suka mencari perpecahan untuk mengeksploitasikan perpecahan itu untuk kepentingan politik mereka. Apabila satu demonstrasi yang kecil berlaku pemimpin ini mencari kesempatan menyokong demonstrasi tersebut. Tindakan yang Kerajaan ambil semuanya salah dan tidak betul, setengahnya melempar batu sembunyi tangan sebagaimana yang dilakukan oleh parti PAS sendiri tetapi apabila peristiwa itu besar berlaku seperti peristiwa berdarah 13 Mei berlaku kesemua kecut, mungkin ada di antara mereka bersembunyi atau lari meninggalkan negara ini kerana peristiwa besar seperti 13 Mei itu tidak lagi boleh dieksploitasikan untuk kepentingan politik mereka tetapi mungkin peristiwa itu akan meragut nyawa mereka.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat, masa untuk Yang Berhormat sudah disetujukan tadi cuma 30 minit dan sekarang ini cuma ada 4 minit. Saya harap ambil perhatian sebelum sampai masanya.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya banyak gangguan tadi.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Tak apalah tetapi masa cuma 30 minit.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Bagi saya nyawa mereka itu tidaklah penting tetapi nyawa rakyat yang tidak berdosa bergelimpangan itulah lebih penting. Sekiranya golongan ini bukan sahaja takut kepada peristiwa tersebut tetapi kadang-kadang takut kalau ada orang membandingkan atau mencontohkan peristiwa 13 Mei itu sebagai ingatan dan panduan kepada rakyat. Sebenarnya peristiwa ini kita tidak lupa, oleh

itu kepada mereka yang mabuk dan cuba membangkitkan isu-isu perkauman dalam politik mereka maka jadikanlah peristiwa 13hb Mei itu sebagai contoh yang boleh meragut nyawa dan menghancurkan negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, oleh itu perpaduan negara akan tetap wujud dan akan dapat diwujudkan apabila parti perkauman yang selalu membangkitkan semangat kaum hapus dan tidak ada di Malaysia ini sebagaimana tidak wujudnya parti Pembangkang di Singapura. Parti itu tidak lain dan tidak bukan ialah DAP dan PAS. DAP hendak menjadikan negara ini negara Cina berbentuk dan beridentitikan kecinaan tetapi PAS pula hendak menjadikan negara ini sebagai sebuah negara Arab yang banyak cakup dan jurinya dan menggempurkan semangat rakyat Melayu tetapi kosong dalam perlaksanaannya. Pepatah Melayu mengatakan: indah khabar daripada rupa. DAP akan menang dan hidup subur di tempat majority Cina kerana semangat keciinaannya, begitu juga PAS akan menang dan subur di tempat-tempat pendalaman dengan semangat kemelayuan dan memperalatkan Islam serta menggempurkan semangat Melayu walaupun ini akan merugikan politik Melayu.

Dengan ucapan saya ini terbukti bahawa perpaduan negara tidak akan tercapai dengan adanya dua parti perkauman yang menggempurkan semangat Melayu dan semangat Cina. Selagi dua parti perkauman ini wujud selama itulah perpaduan negara tidak akan tercapai kerana mereka inilah yang akan menggagalkan perpaduan negara, matlamat Dasar Ekonomi Baru, juga taraf hidup yang lebih baik kepada golongan yang miskin, iaitu golongan yang mundur, iaitulah orang-orang Melayu yang masih kemiskinan sebanyak 70% sekarang ini. Golongan DAP dan PAS ini bukan sahaja menggagalkan perpaduan antara kaum yang ada dalam negara ini tetapi juga memecahkan perpaduan di dalam kaum itu sendiri. Kalau PAS memecahkan perpaduan orang Melayu dan Islam maka DAP mengambil tugas untuk memecahkan orang-orang Cina dan India dalam negara ini. Oleh itu adalah mustahil sama sekali perpaduan negara akan tercapai selagi adanya dua parti yang menjalankan kegiatan memecah di dalam kaumnya sendiri. Oleh itu kelahiran PAS dan

DAP dalam politik negara ini telah menjauhkan tercapainya perpaduan negara tetapi sebaliknya akan menggagalkan perpaduan negara walau 10 ataupun beberapa Lembaga atau Kementerian Perpaduan ditubuhkan dalam negara ini.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat, seminit lagi.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Oleh itu Kerajaan mestilah mengambil tindakan sesuatu yang boleh mewujudkan perpaduan negara yang sebenarnya.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Fasal 3 agama Islam ialah agama Persekutuan tetapi agama lain boleh diamalkan dengan aman dan damai di mana-mana bahagian dalam Persekutuan ini. Ini tidak bererti kebebasan boleh diamalkan dengan aman dan damai apabila satu agama lain mengexposekan atau provokasi yang memuncak kepada patung Kuan Yin yang boleh menimbulkan kebimbangan dan menyentuh agama rasmi negara ini. Dengan provokasi terhadap patung Kuan Yin ini maka telah menimbulkan masalah keselamatan negara.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat, masa sudah cukup.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Apabila patung Kuan Yin hendak

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Nanti sekejap! Yang Berhormat, masa sudah cukup, tolong gulung.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Saya minta sedikit lagi—tidak boleh? Terima kasih.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Saya jemput Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar.

4.21 ptg.

Tuan Lee Lam Thye (Kuala Lumpur Bandar): Tuan Speaker, adalah tidak dinafikan bahawa sidang Parlimen pada kali ini adalah dalam jangka waktu yang mustahak kerana kita sekarang sedang memasuki dekad lapan puluhan berserta dengan banyak cabaran di depan kita.

Sebagaimana yang dititahkan oleh Baginda Tuanku, tahun ini adalah tahun akhir pelaksanaan Rancangan Malaysia Ketiga yang akan diikuti pula dengan perancangan Rancangan Malaysia Keempat pada tahun depan, yang mana Dasar Ekonomi Baru pula telah sampai ke peringkat pertengahan.

Memandangkan ini, sidang Parlimen pada kali ini adalah satu peristiwa penting untuk satu pemeriksaan stok negara, guna untuk menilai sejauh manakah kejayaan kita dalam mewujudkan perpaduan negara dan ketahanan benar-benar meresapi di jiwa rakyat di negara kita dan saya yakin bahawa tentulah kita tidak dapat mencapai perpaduan negara sekiranya terdapat pandangan-pandangan seperti yang telah disuarakan oleh wakil dari Pasir Puteh.

Dasar Ekonomi Baru dan Rancangan Malaysia Kedua dan Ketiga yang dilancarkan sebagaimana objektif mereka untuk mencapai perpaduan nasional dan menjanjikan dalam setiap pelaksanaan bahawa "tidak seorangpun dalam negara kita yang inginkan atau merasa kehilangan hak keistimewaan, pekerjaan dan peluang hidup".

Sepuluh tahun selepas pelaksanaannya adalah jelas bahawa Dasar Ekonomi Baru sungguhpun diisytiharkan sebagai satu alat untuk menyelesaikan ketidakseimbangan dan ketidakadilan dasar lama, tetapi ianya bukan sahaja tidak dapat menyelesaikan ketidakseimbangan dan ketidakadilan, tetapi juga telah mewujudkan satu bentuk ketidakadilan dan ketidakseimbangan baru dalam masyarakat berbilang kaum di negara kita, yang pada fikiran kami akan mencatatkan proses pembinaan negara.

Sekatan yang bersikap drastik ke atas peluang-peluang pelajaran tinggi untuk pelajar-pelajar bukan Melayu dalam negara kita adalah satu daripada bentuk baru ketidakadilan dan ketidaksaksamaan yang serius yang diwujudkan oleh Dasar Ekonomi Baru.

Telah banyak kali kami memperkatakan bahawa DAP tidak menentang Dasar Ekonomi Baru tetapi ianya satu faktor yang diketahui umum bahawa selepas sepuluh tahun pelaksanaannya rakyat masih belum sedar betapa ianya boleh menolong mencapai perpaduan negara dengan ditentukan bahawa pelaksanaannya tidak akan membuat siapa

saja dalam negara kita merasa tidak terjamin atau kehilangan hak keistimewaan, pekerjaan dan peluang hidup.

Saya berpendapat bahawa masanya telah tiba untuk Kerajaan memeriksa secara serius kenapa selepas sepuluh tahun pelaksanaannya, Dasar Ekonomi Baru masih belum mampu mencapai perpaduan negara supaya langkah-langkah tertentu dapat dirangka untuk satu order baru di Malaysia bagi membina satu negara yang benar-benar bersatu-padu, progresif dan makmur.

Daripada Titah Ucapan Di-Raja, kami mengetahui bahawa Kerajaan berkeinginan untuk membawa pembangunan sosio-ekonomi kepada rakyat.

Saya tidak menafikan kenyataan adanya pembangunan sosio-ekonomi dalam negara tetapi jauh lebih penting daripada pembangunan sosio-ekonomi ialah sama ada kita mampu menggembelikan perpaduan rakyat dan untuk mencapai ketahanan nasional.

Kami suka mengingatkan bahawa melainkan rakyat benar-benar sudah bersatu-padu, segala usaha pembangunan yang kita ingin capai tidak bererti sama-sekali.

Pada pandangan kami, satu saja cara untuk mencapai perpaduan negara dalam negara kita ialah Kerajaan mestilah membuktikan tidak saja dengan kata tetapi dengan perbuatan yang bersungguh-sungguh dan dengan semangat politik untuk melihat pelaksanaan dasar-dasar pelbagai kaum yang sebenar bagi menyelesaikan masalah-masalah asas politik, ekonomi, sosial, kebudayaan dan pelajaran.

Saya mensifatkan ini sebagai satu cabaran yang maha penting kepada Kerajaan Barisan Nasional dan saya berharap ianya mempunyai semangat politik untuk menerima cabaran ini.

Telah juga disentuh dalam Titah Ucapan Di-Raja berhubung Rancangan Malaysia Ketiga. Oleh kerana tahun 1980 ialah tahun akhir pelaksanaan Rancangan Malaysia Ketiga adalah penting bagi Kerajaan mengambil satu pandangan yang kritikal ke atas jentera pelaksanaan Rancangan Malaysia Ketiga dengan tujuan untuk mengetahui segala kelemahan, terutama yang berhubung dengan kegagalan untuk melaksanakan projek-projek yang dijadualkan terlaksana

supaya segala kesalahan dan kesilapan ini tidak berulang lagi apakala Rancangan Malaysia Keempat dilancarkan.

Kerajaan mestilah menubuhkan satu Jawatankuasa yang dibekalkan kuasa penuh untuk menilai segala kemajuan Rancangan Malaysia Ketiga dan juga melibatkan penyertaan sektor swasta untuk membantu memperbaiki kemampuan perlaksanaannya.

Memang terdapat banyak sebab-sebab tertentu yang boleh menyebabkan kegagalan di pihak Kerajaan dalam melaksanakan semua projek di bawah Rancangan Malaysia Ketiga dan adalah sangat merangsangkan jika sebab-sebab itu dapat dijelaskan kepada umum.

Berkaitan dengan Rancangan Malaysia Keempat, saya suka mencadangkan bahawa Kerajaan mestilah membuka pintu fikiran untuk menerima segala pandangan dan cadangan daripada segala lapisan masyarakat Malaysia yang disampaikan kepada Kerajaan untuk pertimbangannya.

Mana-mana cadangan yang positif dan membina dan boleh menyumbangkan ke arah kemajuan negara dan perpaduan. Kerajaan mestilah menerima untuk perlaksanaan.

Kerajaan mestilah tidak saja bekerja rapat dengan sektor swasta tetapi juga melibatkan penyertaannya secara aktif untuk menentukan bahawa semua rancangan dan program adalah berjaya dilaksanakan.

Satu Konsortium Perunding Swasta yang boleh memberi tenaga kepakaran dan nasihat profesional kepada Kerajaan mestilah dibentuk selaras dengan pelaksanaan Rancangan Malaysia Keempat.

Baginda Tuanku telah juga menyentuh mengenai masalah inflasi dan usaha-usaha yang diambil oleh Kerajaan selama ini untuk menyelesaikan masalah ini.

Walaupun masalah inflasi ini melanda keseluruh dunia, adalah penting bagi Kerajaan melakukan lebih banyak lagi daripada apa yang telah dilakukannya selama ini untuk menolong rakyat Malaysia memerangi masalah inflasi.

Dengan kenaikan sekali lagi harga minyak di negara kita, akan tentu mengarah kepada reaksi kenaikan harga barang-barang berguna, rakyat Malaysia akan terpaksa menghadapi satu lagi pusingan inflasi yang hebat.

Sudahpun kita menyaksikan satu kos sara hidup yang tinggi dalam banyak tempat di negara kita dan mereka yang begitu susah yang terpaksa menghadapinya ialah golongan-golongan berpendapatan rendah.

Walaupun benar bahawa kerjasama rakyat diperlukan dalam memerangi inflasi dalam mengamalkan sikap yang betul, tetapi perlulah diingat bahawa tindakan positif yang lebih di pihak Kerajaan adalah diperlukan bagi menolong golongan miskin dan berpendapatan rendah yang merupakan golongan majoriti penduduk untuk melawan inflasi.

Dengan pandangan ini, Tuan Speaker, saya suka mencadangkan bahawa di samping hanya memberikan subsidi, Kerajaan mestilah memperkenalkan satu program anti-inflasi kebangsaan yang lebih positif.

Di dalam program ini, Kerajaan mestilah menimbangkan perkara-perkara yang berikut:

- (1) Mengkaji semula sistem percukaian yang ada sekarang dan strukturnya dengan tujuan ke arah menghapuskan mana-mana cukai yang bersifat ataupun menyebabkan inflasi. Sebagai contoh Kerajaan mestilah menghapuskan Cukai Jualan 5% yang ada sekarang dan menambahkan kadar pelepasan cukai untuk peniaga-peniaga kecil berhubung Cukai Pembangunan 5%.
- (2) Kawalan harga yang efektif ke atas bahan-bahan binaan dengan tujuan untuk menentukan bahawa rumah yang dibina adalah murah dan mudah dibeli oleh rakyat dan berusaha menghentikan perbuatan memohon rumah melalui "payment under the counter".
- (3) Menolak semua permintaan yang melampau yang tidak menasabah untuk menaikkan harga-harga oleh pengeluaran-pengeluaran termasuk syarikat-syarikat minyak.
- (4) Menubuhkan satu Tribunal Penentuan Harga untuk menguruskan semua permintaan untuk menaikkan harga.
- (5) Menyediakan tanah dengan lebih mudah untuk orang-orang miskin dan golongan berpendapatan rendah untuk membina rumah.

- (6) Menolong menggalakkan konsumerisma dengan mengisytiharkan tahun 1980 sebagai Tahun Pengguna-pengguna dan memberi lebih banyak lagi subsidi kepada pertubuhan-pertubuhan pengguna sebagai cara melawan inflasi.

Rumusan satu strateji baru untuk melibatkan kerjasama firma-firma perdagangan antarabangsa dalam usaha untuk menggalakkan jualan barang-barang buatan Malaysia dengan lebih banyak lagi ke pasaran seberang laut adalah satu langkah ke arah yang betul.

Dalam hubungan ini saya mengalu-alukan penubuhan satu Pusat Perdagangan Eksport untuk menyediakan satu sekop perkhidmatan yang lebih luas untuk usahawan-usahawan tempatan dan para pengeksport dan adalah menjadi harapan saya bahawa pusat ini akan diperlengkapkan sepenuhnya bagi membolehkannya bertugas dengan efisennya.

Untuk menentukan bahawa objektif perindustrian tercapai, Kerajaan haruslah meneliti cara-cara mengurangkan "red-tape" dalam memproses permohonan untuk penubuhan perindustrian di negara kita.

Di samping menentukan bahawa industri-industri berat di negara kita mampu mengeksport barang-barang mereka keluar negeri, Kerajaan mestilah mengambil langkah juga untuk menggalakkan penubuhan industri-industri kecil supaya mereka juga boleh menyertai pasaran ke seberang laut.

Walaupun Kementerian Perdagangan dan Perindustrian telah mengumumkan bahawa lapan jabatan Kerajaan terlibat dalam penggalakkan industri-industri kecil, tetapi perkembangan dan kemajuan industri-industri kecil, itu masih belum memuaskan.

Satu daripada masalah utama yang dihadapi oleh industri-industri kecil dan perkembangannya ialah kesulitan mendapatkan tanah tapak kawasan. Terdapat banyak lagi masalah-masalah lain.

Memandangkan ini, Kerajaan Pusat mestilah merumuskan satu blueprint yang sempurna dan merangka Pelan Induk untuk tujuan menyediakan garis panduan yang jelas mengenai industri-industri kecil.

Kerajaan Pusat juga mestilah mengambil langkah-langkah untuk menentukan penggalakkan industri kecil, semua Kerajaan Negeri mestilah menguntukkan tanah yang cukup bagi penubuhan industri-industri ini.

Tuan Yang di-Pertua, Seri Paduka Baginda juga telah bertitah mengenai perlunya satu sistem pengangkutan dan perhubungan yang cekap untuk menentukan pembangunan sosio-ekonomi negara.

Tidak boleh diragukan bahawa satu sistem pengangkutan dan perhubungan yang baik dan cekap adalah penting untuk pembangunan sosio-ekonomi dan dengan pandangan ini, saya suka mencadangkan kepada Kerajaan supaya meneliti perlunya diperkenal dan dilaksanakan lebih awal satu Dasar Pengangkutan negara kita.

Mengenai soal perumahan, Seri Paduka Baginda telah juga menyentuh penubuhan satu Majlis Perunding Kebangsaan Mengenai Perumahan untuk merancang satu pendekatan dan strategi-strategi baru untuk dilaksanakan lebih efektif lagi.

Mengetahui bagaimana seriusnya masalah perumahan di seluruh negara, terutama perumahan awam kos rendah, kami masih meragukan sama ada Majlis Perunding Kebangsaan Mengenai Perumahan akan berupaya untuk menyelesaikan masalah perumahan yang begitu tenat sekarang di seluruh negara kita.

Pada pandangan saya, jawapan dalam mencari penyelesaian positif kepada masalah perumahan di seluruh negara ialah bukan satu Majlis Perunding tetapi satu Lembaga Perumahan.

Saya telah banyak kali pada masa-masa yang lalu menyeru perlunya ditubuhkan satu Lembaga Perumahan yang sempurna untuk melaksanakan secara efektif program perumahan di seluruh negara tetapi saya merasa amat dukacita menyatakan di sini bahawa sehingga sekarang Kerajaan masih belum menubuhkan satu lembaga seumpama itu.

Rakyat Malaysia sepenuhnya merasa dukacita bahawa sektor awam telah berjaya menguruskan pembinaan rumah kos rendah hanya setakat 20 peratus saja.

Kementerian mestilah melakukan satu analisa kritikal ke atas sebab-musabab kelewetannya dalam melaksanakan program rancangan perumahan kos rendah.

Di bawah suasana sekarang tindakan-tindakan mestilah diambil untuk menyelesaikan saki-baki yang masih bertimbun di bawah Rancangan Malaysia Ketiga dan saya mencadangkan supaya Kerajaan tidak teragak-agak untuk mendapatkan bantuan daripada pemaju-pemaju swasta sebagai langkah mempercepatkan pelaksanaan beban projek yang terbengkalai.

Untuk memudahkan lagi, masanya telah sampai bagi Kerajaan menubuhkan satu Lembaga Perumahan dan sektor swasta pula perlu diajak sama untuk berkhidmat dengan lembaga ini.

Tuan Yang di-Pertua, di samping perlunya satu Lembaga Perumahan, adalah perlu juga satu Instituti Penyelidikan Perumahan Negara ditubuhkan untuk menjalankan penyelidikan mengenai cara-cara yang lebih berkesan untuk membantu industri perumahan kita untuk mengeluarkan lebih banyak rumah-rumah yang bermutu tinggi seberapa cepat dan pada kadar harga yang berpatutan yang mana rakyat kita mampu membelinya.

Semasa harga-harga rumah melambung naik berikutan kenaikan kos bahan-bahan binaan, Instituti Penyelidikan Perumahan mestilah ditubuhkan segera tanpa berlelah-lelah lagi bagi melaksanakan tugas-tugas berikut:

- (1) Membantu pembina dan pemaju menyelesaikan masalah teknikal mereka;
- (2) Meningkatkan lagi penggunaan bahan-bahan binaan tempatan dan mencari kegunaan-kegunaan baru yang boleh diperolehi daripada punca-punca dan bahan tempatan untuk industri pembinaan kita;
- (3) Mencari jalan untuk mengurangkan harga rumah tanpa merendahkan mutu rumah itu sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, Titah di-Raja telah juga menyentuh penubuhan satu badan penyelaras bagi memastikan supaya rancangan-rancangan untuk setinggan yang diusahakan oleh Kerajaan-kerajaan Negeri dapat berjalan dengan baik.

Penubuhan satu badan penyelaras adalah penting untuk mengatasi masalah setinggan, terutama di Wilayah Persekutuan dan sekitarnya, yang mana satu perempat daripada penduduknya ialah setinggan-setinggan.

Badan penyelaras mestilah meneliti cara penempatan semula setinggan-setinggan dengan cara memberi atau menyediakan flet-flet kos rendah kepada mereka yang berkehendakkan flet, dan mereka yang bergantung hidup kepada tanah, tanah mestilah diberikan kepada mereka dengan kerjasama daripada Kerajaan Negeri.

Mengenai hal perumahan lagi untuk memastikan bahawa semua projek perumahan awam kos rendah boleh dimulakan tepat pada masanya di bawah Rancangan Lima Tahun yang akan datang ini, semua Kerajaan Negeri mestilah bukan sahaja perkenal dan menguntukkan tanah untuk pembinaan perumahan awam kos rendah tetapi haruslah juga mempunyai satu pelan induk persendirian mengenai perumahan kos rendah.

Kerjasama antara Kerajaan-kerajaan Negeri adalah begitu penting jika Kerajaan ingin menolong untuk mencapai matlamat perumahannya di bawah Rancangan Malaysia Yang Keempat.

Semua Kerajaan Negeri mestilah memudahkan peraturan-peraturan untuk penukaran syarat tanah dan lain-lain perkara yang berkaitan dengan tujuan untuk meningkatkan pelaksanaan skim perumahan terutama perumahan kos rendah.

Tuan Yang di-Pertua, selain dari perumahan, pelajaran juga menjadi satu masalah besar kepada Malaysia, terutamanya yang berkaitan dengan soal menyediakan tempat dan peluang pengajian tinggi dengan lebih banyak di negara kita.

Dalam hubungan ini, saya ingin meminta penjelasan lanjut daripada pihak Kerajaan mengenai soal penubuhan universiti keenam di negara kita.

Dewan Rakyat telah diberitahu oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Pelajaran semasa sidang Belanjawan yang lepas bahawa Kementerian Pelajaran semasa sidang Belanjawan yang lepas bahawa Kementerian Pelajaran sedang mengkaji kemungkinan untuk mendirikan universiti keenam di negara kita

dalam usaha untuk menyediakan lebih banyak peluang-peluang pelajaran tinggi untuk pelajar-pelajar Malaysia.

Tetapi, baru-baru ini telah dilaporkan bahawa Yang Berhormat Menteri Pelajaran telah berkata dalam satu temu-ramah Television bahawa Kerajaan tidak ada rancangan untuk menubuhkan satu universiti keenam di negara kita dalam tempoh lima, enam tahun yang akan datang ini.

Ini adalah dua kenyataan yang bertentangan dan satu penjelasan adalah sangat dikehendaki.

Kami berpendapat bahawa jawapan kepada kekurangan peluang-peluang pelajaran tinggi di negara kita terletak pada penubuhan tidak hanya satu, tapi dua buah universiti di negara kita.

Kenaikan yuran-yuran pelajaran seberang laut baru-baru ini, terutamanya di United Kingdom, menjadi begitu penting bagi Kerajaan untuk menambah pengambilan pelajar-pelajar Malaysia ke dalam universiti-universiti tempatan kita melalui membanyakkan lagi peluang-peluang pelajaran tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, Titah Ucapan Diraja telah merujuk kepada masalah belia dan pengangguran.

Pengwujudan peluang-peluang pekerjaan yang bertujuan untuk menyelesaikan masalah pengangguran di seluruh negara haruslah selalu diberikan perhatian serius oleh Kerajaan.

Meskipun Laporan Ekonomi tahun 1979/1980 ada menunjukkan bahawa kadar pengangguran di negara kita telah turun daripada 6.2% pada tahun 1978 kepada 6.0% pada tahun 1979, tetapi banyak lagi perkara yang mesti dilakukan oleh sektor awam untuk mengurangkan kadar pengangguran di negara kita.

Jumlah pekerjaan pada tahun 1979 dianggarkan berkembang sebanyak 3.7% berbanding kepada jumlah 3.6% pada tahun 1978. Jumlah pekerjaan baru yang diwujudkan pada tahun lalu ialah berjumlah 164,800 berbanding kepada tahun 1978 yang berjumlah hanya 156,800 sahaja.

Kedadaan ini berlaku berikutan terutamanya kerana perkembangan kegiatan ekonomi yang begitu kuat dalam tahun 1979 akibat pertambahan permintaan dalam negeri.

Meskipun tinggal lebih kurang 300,000 jumlah penganggur di negara mewakili lebih kurang 6% daripada jumlah tenaga pekerja, tetapi masalah pengangguran haruslah diselesaikan secara lebih sistematik lagi.

Kerajaan mestilah memberikan keutamaan dan penekanan kepada soal pengujudan pekerjaan di bawah Rancangan Malaysia Keempat yang akan dilancarkan tidak lama lagi.

Dalam hubungan ini, saya ingin menyeru supaya ditubuhkan satu agensi yang dipadu (integrated agency) bagi menyelaras semua kegiatan Kementerian untuk menyelesaikan soal pengangguran di negara kita.

Agensi ini akan melibatkan semua Kementerian dan menggunakan kemampuan mereka bagi merumus satu strategi pekerjaan yang akhirnya dapat mengujudan lebih banyak peluang pekerjaan baru.

Di samping itu, Kerajaan mestilah menubuhkan satu Jawatankuasa yang dibekalkan kuasa penuh bagi mengkaji semula kedudukan masalah pengujudan pekerjaan di bawah Rancangan Malaysia Ketiga.

Oleh kerana banyak lagi projek yang mesti disiapkan di bawah Rancangan Malaysia Ketiga, maka objektif Rancangan Malaysia Ketiga untuk mengurangkan kadar pengangguran adalah sungguh membimbangkan.

Adalah difahamkan bahawa matlamat Rancangan Malaysia Ketiga ialah bertujuan untuk mengujudan lebih kurang 743,000 jumlah pekerjaan baru tetapi setelah kita berada di tahun akhir perlaksanaan Rancangan Malaysia Ketiga kita hanya berjaya mengujudan lebih kurang 60% peluang pekerjaan berbanding daripada matlamat yang disebutkan tadi.

Dalam menyelesaikan masalah pengangguran di negara kita, sektor pertanian, perhutanan dan perikanan mestilah berupaya untuk memainkan peranan yang lebih penting. Ketiga-tiga sektor ini, pada masa sekarang, menguasai struktur pekerjaan di negara kita dengan menyediakan pekerjaan lebih kurang 40.2% jumlah pekerjaan pada tahun ini. Perhatian serius haruslah diberikan kepada sektor pengeluaran dengan membenarkan mereka menubuh lebih banyak lagi industri ringan atau industri kecil.

Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha untuk menolong penganggur di negara kita menghadapi kenaikan kos sara hidup, saya suka mencadangkan di sini kepada Kerajaan supaya menimbangkan untuk memperkenalkan undang-undang untuk memberikan peruntukan faedah kepada para penganggur.

Dengan membuat syor ini, saya tidak bermaksud untuk mencadangkan bahawa kita mesti menjadikan Malaysia sebagai sebuah Negara Kebajikan (Welfare State) seperti lain-lain negara yang telah maju, tetapi saya merasa bahawa dengan perkembangan ekonomi kita yang begitu teguh dan kadar pulangan yang baik ke atas barang-barang utama kita, tambahan pula dengan pendapatan "petro-dollar" kita boleh memberi satu pertolongan kepada penganggur-penganggur di negara kita dalam kedudukannya yang ada sekarang.

Saya juga tidak bercadang bahawa kita mesti memberikan bantuan yang secukupnya kepada para penganggur, jika ini hanya akan menjadikan mereka tidak mencari pekerjaan lain.

Tuan Yang di-Pertua, tetapi apa yang saya fikirkan dan apa yang saya suka cadangkan kepada Kerajaan ialah penganggur-penganggur di negara ini terutama mereka yang sudah ada keluarga, mestilah diberikan bantuan kewangan yang memadai, sama dengan apa yang dibayar oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat, bagi menolong mereka menyelesaikan masalah kewangan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya di dalam Titah di-Raja telah juga disentuh mengenai permodenan jentera pentadbiran bagi mencapai objektif pembangunan.

Perlulah diingat bahawa kejayaan pelaksanaan pelbagai program pembangunan untuk rakyat adalah bergantung kepada satu perkhidmatan yang dedikasi, jujur, cekap dan tidak rasuah.

Dengan pemikiran ini, tindakan-tindakan mestilah diambil bagi mengatasi segala kelemahan yang ada pada sistem pentadbiran kita sekarang supaya kita akan mempunyai satu jentera yang lebih cekap dari sekarang bagi mengendalikan semua program pembangunan.

Cara-cara mengatasi red-tape, sikap tidak berdisiplin dan rasuah di semua Kementerian dan badan berkanun awam mestilah dicari, setiap anggota perkhidmatan awam kita, baik dari peringkat bawah hingga ke peringkat atas mestilah ditanamkan dengan semangat tanggungjawab untuk berkhidmat kepada rakyat dan negara dan selalu bersedia meletakkan kepentingan rakyat terdahulu daripada kepentingan diri.

Bagi mencapai matlamat pembangunan negara dan dalam menyelesaikan masalah keperluan dan kesusahan rakyat, semua Ahli-ahli Parlimen yang dipilih mewakili mereka mempunyai satu peranan yang begitu penting untuk dimainkan yang bertindak sebagai maklum-balas terhadap tindak-balas rakyat kepada polisi-polisi ataupun dasar-dasar Kerajaan.

Sebagai penutup, izinkan saya menyatakan di sini bahawa walaupun kami adalah daripada pihak pembangkang, kami adalah "committed" dengan sepenuhnya, dalam membantu, membina satu negara yang progresif dan bersatupadu yang boleh berdiri sendiri untuk menghadapi cabaran di tahun-tahun hadapan.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Kinabatangan.

4.48 ptg.

Tuan Abdul Ghani bin Misbah (Kinabatangan): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong Usul Menjunjung Kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di atas Titah Ucapan Baginda di Upacara Pembukaan Rasmi Sidang Parlimen pada 17hb Mac yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, tidak dapat disangkal lagi bahawa negara kita telah mencapai satu kestabilan politik di dalam satu negara yang berbilang kaum. Setinggi-tinggi tahniah saya berikan kepada kebijaksanaan pimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan rakan-rakannya dalam Kabinet kerana dapat menjalankan kuasa dan tanggungjawab sebagai ketua Kerajaan Malaysia. Dengan adanya kestabilan politik maka negara kita ini akan lebih mendapat pelabur-pelabur dari negara asing bagi menanam pelaburan-pelaburan mereka di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang sangat penting mengenai kestabilan politik ialah bagi kita seluruh rakyat menjaga keadaan yang adil dan saksama yang wujud sekarang ini supaya berkekalan. Jika kacau bilau terjadi sudah tentulah pelabur-pelabur asing akan meninggalkan negara ini seperti yang berlaku sekarang di Iran dan Afghanistan. Apabila ramai pelabur-pelabur dari negara lain datang ke Malaysia sudah tentulah banyak perkara-perkara yang berkaitan dengan buruh seperti "industrial dispute" akan berlaku. Ini bererti mereka akan terpaksa mengemukakan perkara-perkara itu kepada Mahkamah Perusahaan dan adalah perlu satu-satu perkara yang dikemukakan kepada Mahkamah Perusahaan ini dibicarakan dengan adil dan saksama untuk memberi keyakinan kepada rakyat Malaysia dan ngan adil dan saksama untuk memberi pelabur-pelabur itu. Sudah ada kita membaca berita di akhbar-akhbar bahawa keputusan-keputusan hakim yang membicarakan kes Mahkamah Perusahaan ini dipertikaikan. Pada pandangan saya cara yang sangat penting untuk mengelakkan perkara ini berlaku lagi ialah bagi Kerajaan mengadakan satu pindaan undang-undang di mana pihak-pihak yang tidak puas hati dengan keputusan mahkamah itu boleh membuat rayuan. Dengan perkataan lain satu "appellate industrial court" patutlah diwujudkan untuk mengatasi masalah ini. Seperti kita ketahui iaitu dalam keadaan sekarang keputusan Mahkamah Perusahaan itu adalah muktamad dan kita juga tahu bahawa tidak ada persamaan keputusan di antara satu Hakim Mahkamah Perusahaan dengan keputusan Hakim Mahkamah Perusahaan yang lain. Ini tentulah menimbulkan rasa kurang senang di kalangan orang ramai di atas keputusan Mahkamah Perusahaan itu. Dengan adanya Mahkamah Rayuan Perusahaan maka keputusan mahkamah rayuan itu terpaksa diterima oleh Mahkamah Perusahaan itu dan pihak-pihak yang terlibat boleh mendapat satu panduan yang jelas dari keputusan mahkamah rayuan itu.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh tentang Hakim Mahkamah Perusahaan saya rasa pegawai-pegawai dari Jabatan Kehakiman dan Perundangan patut diambil sebab ini adalah satu Jabatan Kerajaan di mana kita boleh mendapat pegawai-pegawai yang berkelulusan tinggi dan berpengalaman luas. Dan jika terdapat seseorang pegawai itu

kurang sesuai menjalankan tugas sebagai Hakim Mahkamah Perusahaan, pegawai itu boleh ditukar bertugas di Jabatan-jabatan yang lain. Dalam keadaan yang ada sekarang Hakim Mahkamah Perusahaan tidak boleh ditukarkan ke mana-mana tempat yang lain dan terpaksa ia terus bertugas di tempat itu sampailah ia bersara.

Kita mendapat tahu bahawa seseorang pegawai Undang-undang boleh menjalankan tugas-tugas yang tertentu misalnya ada pegawai yang lebih cekap menjalankan tugas sebagai magistrate dan yang lain sebagai Timbalan Pendakwa Raya dan ada juga yang lebih cekap sebagai Penggubal Undang-undang. Mereka ini patut ditugaskan di dalam bidang Undang-undang yang mereka lebih mahir dan cekap.

Mengenai mahkamah rayuan yang saya cadangkan itu saya rasa eloklah Mahkamah Rayuan Perusahaan itu dipengerusikan oleh seorang Hakim Mahkamah Persekutuan. Ini adalah perlu supaya keputusan Mahkamah Rayuan Perusahaan ini dapat memberi keyakinan dan puas hati kepada semua pihak yang berkenaan. Kita semua tahu iaitu sistem kehakiman kita di negara ini adalah disifatkan sebagai satu kehakiman yang cukup bebas tanpa apa-apa gangguan badan-badan lain dan cukup dihormati oleh rakyat dan negara-negara lain.

Tuan Yang di-Pertua, menyebut tentang kuasa Mahkamah Rayuan inginlah pula saya memberi satu pandangan mengenai kuasa bagi pihak Pendakwa Raya untuk membuat rayuan kepada Mahkamah Persekutuan mengenai kes-kes jenayah. Apa yang terdapat sekarang di dalam Criminal Procedure Code hanyalah membolehkan Pendakwa Raya membuat rayuan di dalam kes-kes di mana Hakim Mahkamah Tinggi membuat satu "acquittal" ataupun di dalam satu "conviction" di mana hukuman adalah disifatkan sangat rendah. Pendakwa Raya tidak boleh merayu di dalam satu hukuman di mana seorang Hakim Mahkamah Tinggi membuat satu order seperti "discharge not amounting to an acquittal".

Pada pandangan saya ada eloknya Pendakwa Raya diberi kuasa supaya beliau boleh membuat rayuan kepada Mahkamah Persekutuan di atas apa-apa keputusan Hakim Mahkamah Tinggi yang difikirkan

adalah kurang sah dari segi undang-undang. Agak ganjil juga kita mendapati Undang-undang Criminal Procedure Code hanya memberikan kuasa kepada Pendakwa Raya membuat rayuan dalam kes "acquittal" dan "sentence" sahaja. Saya syorkan supaya peruntukan Criminal Procedure Code dipinda untuk memberi kuasa kepada Pendakwa Raya membuat rayuan di dalam semua keputusan Mahkamah Tinggi yang difikirkan adalah kurang betul dari segi Undang-undang.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga menjunjung tinggi menyokong Titah Ucapan Baginda yang menyakinkan semua rakyat Malaysia bahawa Kerajaan akan terus menggiatkan usaha-usaha ke arah meninggikan taraf hidup kaum tani, nelayan dan pengilang-pengilang kecil di negara ini.

Di negeri Sabah perusahaan koko telah berjalan dengan pesat dan ini adalah satu punca penting mata pencarian rakyat Malaysia di negeri itu. Di dalam perkara ini kita telah mengikuti beberapa laporan yang telah mengatakan bahawa mutu biji koko yang dikeluarkan oleh Malaysia adalah rendah jika dibandingkan dengan biji koko yang dikeluarkan oleh negara-negara lain. Pandangan-pandangan seumpama ini sudah semestinya akan menjejaskan pemasaran biji koko kita di pasaran antarabangsa. Ini akan merugikan rakyat Malaysia dan rakyat Sabah khasnya kerana pengeluaran begitu banyak biji koko kita tidak mendapat pasaran yang sewajarnya.

Oleh itu saya merayu kepada Jabatan-jabatan Kerajaan yang berkenaan supaya berusaha membuat kajian di atas benar atau tidaknya laporan ini dan jika benar penyelidikan hendaklah dibuat untuk mengatasi mutu rendah biji koko yang dikeluarkan oleh negara ini. Sebaliknya pula jika perkara ini adalah palsu dan bertujuan jahat maka pihak Kerajaan hendaklah menafikan laporan yang telah disiarkan itu untuk mengelakkan terjadinya satu kerosakan ke atas industri rakyat Malaysia yang kini berjalan dengan pesatnya.

Tuan Yang di-Pertua, ingin juga saya mengeluarkan satu pandangan mengenai integrasi di antara rakyat yang berbilang kaum di negara ini. Apa yang lebih penting saya rasa ialah integrasi di antara rakyat Malaysia di Semenanjung dengan rakyat

Malaysia di Sabah dan Sarawak. Saya menyalu-alukan keputusan Kerajaan untuk memberi balik "incentive allowance" kepada pegawai-pegawai Kerajaan dari Semenanjung Malaysia yang bertugas di Sabah dan Sarawak seperti yang tersiar di akhbar pada 18hb Mac tahun ini.

Perkara ini pernah saya timbulkan dalam sidang Belanjawan yang baru lalu. Saya percaya dengan adanya "incentive allowance" sudah tentulah ramai pegawai-pegawai beserta keluarga mereka akan bertugas di negeri Sabah dan Sarawak. Dengan cara ini maka dapatlah segolongan lagi rakyat Malaysia dari satu kawasan memahami keadaan dan resam satu kaum yang lain di negeri-negeri Malaysia yang lain pula. Hanya dengan cara bertugas di tempat itu dan bergaul dengan penduduk-penduduk di situ sahaja maka kita dapat memahami keadaan dan resam kaum tempatan.

Di samping itu, saya juga mengesyorkan supaya "incentive allowance" yang sama diberikan oleh Kerajaan kepada pegawai-pegawai dari Sabah dan Sarawak yang bertugas di Semenanjung Malaysia. Dalam lain perkataan kita mestilah mewujudkan keadaan "two-way traffic" di antara Semenanjung Malaysia dengan Sabah dan Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, untuk mencapai matlamat integrasi di antara rakyat di Malaysia ini saya juga mengesyorkan supaya Kerajaan mengambil peranan yang penting untuk mengadakan banyak usahasama-usahasama di antara firma-firma milik Kerajaan dan sektor swasta di Semenanjung Malaysia dan firma-firma yang serupa itu di Sabah dan Sarawak untuk menanam modal sama ada di Sabah mahupun di Semenanjung Malaysia. Bagi negeri Sabah saya rasa negeri itu adalah satu negeri yang luas di mana potensi agricultural dan industrial investment adalah banyak. Firma-firma dari Semenanjung Malaysia boleh membuat joint venture dengan firma-firma di Sabah bagi menjalankan projek-projek ataupun investment yang merupakan "agro-based" dan "wood-based".

Di Semenanjung Malaysia pula saya dapati di sini banyak projek-projek yang berbentuk industrial. Oleh itu saya syorkan supaya Kerajaan memberikan galakan kepada firma-firma di sini untuk mempelawa firma-firma dari Sabah menjalankan joint venture di

dalam segi perusahaan di Semenanjung Malaysia. Buat permulaan saya rasa Perbadanan Pembangunan Ekonomi Negeri (State Economic Development Corporation) yang diwujudkan di dalam tiap-tiap negeri di Semenanjung Malaysia boleh mempelawa State Economic Development Corporation dari Sabah dan Sarawak bagi menjalankan satu-satu industri di Semenanjung Malaysia ini. Bagi Kerajaan Barisan Nasional di Sabah kita sentiasa mempelawa mana-mana State Economic Development Corporation atau pihak swasta dari Semenanjung Malaysia menjalankan apa jua projek yang merupakan "agro-based" dan "wood-based" yang terdapat di Negeri Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, kita telah nampak pertumbuhan dan perkembangan institusi-institusi kewangan dan pemasaran yang berpusat di Kuala Lumpur. Institusi-institusi ini telah menjadi satu punca yang mendatangkan pengaliran permodalan dan pelaburan dari pelabur-pelabur tempatan dan juga luar negeri ke negara ini. Institusi-institusi ini juga selain daripada mendapat bantuan daripada Kerajaan telah juga menjadikan diri mereka sebagai "catalyst" dalam pertumbuhan pesat perindustrian, pertanian, perlombongan dan perkilangan. Jika industri-industri besar ini ditempatkan di kawasan-kawasan terpencil di luar bandar maka "ancillary industry" seperti institusi kewangan dan pemasaran itu mestilah juga memberikan bantuan kepada industri-industri besar ini. Dalam keadaan begitu adalah perlu bagi "ancillary industry" ini ditempatkan di kawasan-kawasan dalam mana pertumbuhan ekonomi itu sedang berlaku. Salah satu sebab kelambatan pembangunan pertanian dan perindustrian di Sabah dan Sarawak ialah kerana ketiadaan "money, securities dan commodity market" yang pada masa ini dikendalikan di Kuala Lumpur dan juga Singapura.

Kerajaan sepatutnya memberikan galakan untuk penubuhan "money market, security market dan commodity market" di Sabah dan Sarawak. Dan untuk membolehkan kegiatan institusi-institusi itu berjalan dengan lancar dan teratur adalah perlu untuk Kerajaan mengadakan sistem perhubungan yang serba moden, cekap dan lengkap. Nampaknya pada waktu-waktu kebelakangan ini terdapat keadaan "overflow of funds" di Sabah dan Sarawak berikutan lebih dagangan yang terdapat di negeri-negeri itu.

"Overflow of funds" ini pula telah dialirkan ke pasaran kewangan di Kuala Lumpur. Walau bagaimanapun, sebarang pembahagian semula kewangan berlebihan ini ke Sabah dan Sarawak dalam bentuk pinjaman dan lain-lain kemudahan terpaksa diuruskan di Kuala Lumpur. Keadaan serupa ini mewujudkan kelambatan ke atas urusan-urusan itu dan juga kekurangan pengertian tentang kehendak-kehendak pasaran tempatan di Sabah dan Sarawak.

Saya sukalah mencadangkan supaya Kerajaan meluluskan penubuhan "Discount House" "Stock Brokers dan Commodity Brokers" di Sabah dan Sarawak. Penubuhan institusi-institusi ini tentu sekali memerlukan pula penubuhan "Bank Negara Money Market Operation" dengan cara menubuhkan "Stock Exchange dan Commodity Exchange" di Sabah dan Sarawak. Di United Kingdom penubuhan "Stock Exchange and Money Market Operation" di Birmingham, Manchester dan Glasgow telah banyak sekali membantu mempercepatkan pembangunan dan pertumbuhan sektor pertanian, perindustrian dan perdagangan di kawasan-kawasan yang jauh dari London itu. Saya penuh yakin bahawa dengan adanya sumber-sumber hasil bumi yang banyak di Sabah dan Sarawak serta pertumbuhan projek-projek besar dalam bidang pertanian dan perindustrian di kedua-dua negeri itu, maka dapatlah negeri-negeri tersebut memastikan supaya institusi-institusi kewangan itu dapat berjalan dengan baik untuk memenuhi keperluan Sabah dan Sarawak di bidang itu pada masa sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, saya penuh yakin dan percaya bahawa dengan adanya usaha-usaha ke arah pelaksanaan cadangan-cadangan yang saya sebutkan tadi maka dapatlah kita menjalin kemesraan di antara rakyat Malaysia di Semenanjung dengan rakyat Malaysia di Sabah dan Sarawak untuk mengekalkan satu masyarakat Malaysia yang bersefahaman dalam bidang politik, pentadbiran serta pembangunan ekonomi dan rakyat negara ini.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Kuala Kangsar.

5.04 ptg.

Puan Yong Fatimah binti Md. Razali (Kuala Kangsar): Bismillahir-rahmanirrahim.

Tuan Yang di-Pertua, saya bersyukur ke hadirat Allah subhanahu wa ta'ala yang memberikan rahmat dan keizinan kepada saya untuk menyertai perbincangan Titah Di Raja yang sedang dibahaskan di Dewan yang mulia ini. Bagi menyokong usul merafak sembah dan menjunjung kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di atas Titah Ucapan Baginda merasmikan Penggal Kedua, Parlimen Kelima yang dikemukakan oleh rakan saya dari Keningau. Saya mohon izin memberikan pendapat dan pandangan menyentuh beberapa aspek yang saya fikirkan penting.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan kemajuan dan kejayaan yang begitu pesat dan ketara di sekeliling kita hari ini tidak siapa boleh menafikan sebaliknya bahawa negara ini tidak menyediakan kemudahan-kemudahan dan kebaikan kepada rakyat jelata dengan lebih menyeluruh seperti apa yang didakwa oleh setengah-setengah, sekurang-kurangnya mereka dari parti Pembangunan. Pembangunan negara kita adalah mengkagumkan dibandingkan dengan beberapa negara lain yang sudah lebih lama merdeka tetapi masih lebih jauh ketinggalan lagi. Sudah sewajarnya kita mengucapkan syabas kepada pihak Kerajaan kerana tanpa pentadbiran yang sempurna diusahakan oleh mereka yang bijak pandai, bersemangat dedikasi dan bertanggungjawab, sudah pasti bidang kemajuan yang diperkatakan ini tidak dapat dilaksanakan dengan begitu sempurna dalam masa sesingkat ini.

Kebanyakan bandaraya atau bandar-bandar di tanahair kita hari ini sudah banyak berubah dalam masa yang agak singkat juga. Semua ini dapat dilihat dengan mata kepala kita sendiri bagaimana keadaannya yang berterusan dan bangunannya yang semakin hari semakin tinggi hinggalah pencakar langit kita boleh dikatakan tidaklah begitu jauh ketinggalan dengan pencakar-pencakar langit yang ada di negara yang sudah jauh maju daripada kita. Semua ini melambangkan kemajuan yang pesat sedang menguasai negara kita dari segi meninggikan lagi ekonomi rakyatnya dengan lebih menyeluruh.

Selain dari itu ia dapat membanggakan penduduk di negara ini pada dunia luar bahawa Malaysia adalah sebuah negara yang moden dan maju. Selain daripada apa yang

kita saksikan, kita juga mengetahui ada beberapa lagi rancangan yang sedang diusahakan oleh pihak Kerajaan bagi tujuan mendirikan bandar-bandar baru bagi keperluan rakyat jelata. Dari hasil kebijaksanaan ini, rakyat jelata dapat menikmati kebaikan dan faedah darinya hinggalah pada hari ini pendapatan per capita rakyat Malaysia merupakan salah satu yang terbaik dan tertinggi di rantau ini, kalau pun belum berjaya menandingi negara-negara yang lain di dunia yang sudah maju di bidang ini. Tetapi kita masih dalam proses memajukan negara ini dari setapak ke setapak hingga tercapainya matlamat yang akhir yakni pada satu masa nanti semua rakyat tanpa mengira warna kulit, kaum dan anutan agama akan mendapat faedah dari pemerintahan kita yang bijaksana ini. Semoga Allah subhanahu wa ta'ala memberikan taufik dan hidayahNya kepada pemimpin-pemimpin kita supaya berterusan menjalankan tugas-tugas mereka dengan penuh minat dan semangat bagi memajukan lagi rakyat jelata di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, meskipun hal demikian dan walaupun Rancangan Malaysia Ketiga telah berjalan mengikut seperti mana yang telah dijadualkan, namun begitu, adalah amat perlu dikaji dan dilengkapkan segala-segala yang ketinggalan dan diterangkan di mana-mana yang kurang dititikberatkan dalam usaha Kerajaan hendak membasmi kemiskinan, menyusun semula masyarakat dan menjamin keselamatan dan ketahanan negara, sama ada di bandar mahupun di luar bandar.

Beberapa kenyataan dapat dilihat terutamanya di luar bandar, di mana masih banyak terdapat yang hidup dalam keadaan kais pagi makan pagi, kais petang makan petang dan lebih daripada 50% pula mereka itu yang hanya memiliki tanah di antara 3-4 ekar seorang untuk mata pencarian sekeluarga yang mana patut dikira sebagai orang yang ketiadaan juga.

FELDA, FELCRA dan RISDA—sekali-pun telah bertungkus-lumus menjalankan rancangan-rancangan mereka, tetapi agensi-agensinya ini masih boleh memainkan peranannya dan masih ada mempunyai tenaga dan peranan yang lebih luas lagi untuk menolong membasmi kemiskinan tadi, dengan cara melipatgandakan lagi kerja-kerja mereka ke arah itu. Dalam konteks ini, agensi-agensinya

tersebut hendaklah sentiasa bersiap sedia memerhati kawasan-kawasan yang baik, di seluruh kawasan di kiri kanan semua jalan atau apa yang dikatakan lebuhraya, dan terus merancang untuk penempatan satu masyarakat yang baru dengan penuh keyakinan bahawa tempat itu akan betul-betul diisi dan dipenuhi oleh orang yang benar-benar miskin dan juga terdiri daripada bekas-bekas pasukan keselamatan.

Lebih ramai dan lebih banyak rancangan dan rakyat ditempatkan di situ adalah lebih baik. Tambahan pula ditinjau dari segi menjaga keselamatan dan ketahanan nasional negara terutama jika rancangan-rancangan itu ditumpukan di Lebuhraya yang berhampiran dengan sempadan negara seperti Lebuhraya Timur-Barat. Kawasan-kawasan yang baik dan strategik hendaklah cepat dikawal dan dibangunkan untuk menampung mereka yang miskin di samping itu dapat pula mengurangkan jumlah penduduk-penduduk yang berlapis-lapis dan bersesak-sesak dalam satu-satu kawasan yang lain di negara kita sekarang ini.

Tanah-tanah yang tidak ekonomi dan usang seperti bendang-bendang yang tandus dan dusun-dusun yang tidak mendatangkan hasil hendaklah dikaji semula dari segi undang-undang yang berkenaan supaya tanah ini akan lebih berfaedah akhirnya jika pihak Kerajaan dapat campurtangan untuk menghidupkan semula.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Baginda telah menyeru agar rakyat menyambut baik dan bersedia menerima perindustrian yang lebih pesat demi kepentingan rakyat dan negara kita. Kita memang patut mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada missi-missi yang telah pergi keluar negeri untuk menarik pelaburan asing ke negara kita baru-baru ini. Tanda kejayaannya telahpun terbukti. Tetapi apa yang disangsikan ialah mengenai penyelarasannya bila mana pelaburan-pelaburan itu datang bertapak di bumi kita ini. Perhatian-perhatian yang serius hendaklah ditumpukan dan jangan ada satu daerah ataupun satu kawasan yang strategik ketinggalan lagi dari dimasuki oleh projek-projek ataupun industri-industri yang berat. Ketinggalan tempat ini dari kilang berat akan mengakibatkan pengaliran orang-orang kampung ke bandar berterusan yang mana

pula akan menambahkan lagi kekotoran dan pencemaran alam di sekitar kawasan-kawasan bandar. Memandangkan tenaga buruh dan pengangguran yang melimpah-luah di kampung-kampung, maka mustahak sekali bagi Kerajaan melipatgandakan pembinaan kilang-kilang dan industri-industri yang berat ke kawasan-kawasan luar bandar untuk menyekat pengaliran penduduk-penduduk di luar bandar ke bandar dan menghadkan kadar pengangguran tidak meningkat ke paras yang lebih tinggi.

Seperkara lagi tentang pekerja-pekerja kilang yang sedia ada sekarang adalah didapati pendapatan purata seorang pekerja kilang di industri-industri hanya lebihkurang \$300 sebulan. Tetapi dia juga terpaksa membayar sewa rumah, pelajaran anak-anak dan lain-lain.

Oleh kerana pihak swasta yang telah membina kekayaan yang banyak melalui titik-peluh buruh-buruh dan pekerja-pekerja ini, patut sangatlah majikan-majikan ini menolong membantu pekerja-pekerja itu pula dengan mendirikan rumah kediaman dan tempat-tempat tinggal pekerja-pekerjanya sepertimana yang dibuat oleh pihak estet. Kalau pihak estet ada kemampuan menyediakan rumah-rumah kediaman pekerjanya, saya cadangkan pihak swasta dan perusahaan yang lain juga mesti berbuat demikian.

Tuan Yang di-Pertua, bercakap mengenai perumahan, maka satu dasar yang tegas sangatlah perlu kita ujudkan dan perhatian-perhatian yang khusus hendaklah ditumpukan supaya pihak pemaju perumahan digalakkan bagi membina rumah-rumah lebih banyak lagi terutama rumah-rumah murah. Harga barang binaan, kos kontrak, bayaran akitek dan lain-lain hendaklah diturunkan dan dibataskan. Apa yang penting sekali dalam perkara ini ialah melindungi hak-hak pembeli dengan membawa pemaju-pemaju perumahan ini ke hadapan pengadilan sekiranya berlaku penyelewengan ataupun penipuan kepada pelanggan-pelanggannya.

Rancangan-rancangan perumahan yang didirikan di tempat yang tertentu atau di kawasan yang berhampiran dengan sempadan negara ini maka Kerajaan hendaklah mengawasinya dengan seberapa cermat supaya rumah-rumah itu serta tanah-tanahnya sekali tidak akan terjual kepada bukan rakyat negara ini.

Pemecahan hak milik dari tanah-tanah estet kepada tapak-tapak perumahan juga hendaklah diawasi dan dibataskan supaya pengeluaran barang-barang hasil utama negara kita seperti getah tidak tergenat.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh tentang soal dadah iaitu satu perkara yang menyayat hati tetapi walau bagaimanapun soal ini mesti dihapuskan. Pengawalan dadah hendaklah bermula dari sekolah. Guru-guru hendaklah sentiasa memerhati dan mengetahui keadaan murid-muridnya. Murid-murid yang disyaki terjerumus di dalam penagihan dadah hendaklah dibawa kembali ke jalan yang baik. Sekalipun banyak tindakan yang dijalankan namun langkah-langkah pengawalan penjualan dadah dan penderanan masuk ke negara ini hendaklah diperketatkan lagi.

Kita mestilah melengkapkan Biro Narkotik, Polis dan Kastam dengan alat-alat dan kelengkapan-kelengkapan moden dan memberikan latihan yang lebih berkesan lagi kepada mereka. Pintu-pintu masuk ke negara ini hendaklah dikawal dengan ketat sepertimana kita mengawal dan memeriksa senjatapi-senjatapi dibawa masuk ke negara ini atau sepertimana kita memeriksa dan mengawal anasir-anasir jahat.

Kita juga perlu mengawal dadah yang dibawa masuk oleh pelancung-pelancung asing. Orang-orang yang pernah terlibat dengan kesalahan dadah hendaklah direkodkan dan namanya dimasukkan ke dalam senarai hitam sebagai tanda orang yang tidak boleh masuk lagi ke dalam negara ini.

Pelacur-pelacur warganegara asing yang masuk ke sini hendaklah diawasi seketat-ketatnya kerana mereka ini selalu dibekalkan dengan dadah dan mereka bersambilan menjadi pengedar-pengedar yang berkesan. Perang dadah hendaklah diteruskan dan peperangan ini hendaklah disusun dan diatur dengan rapi yang mana boleh mencukupi segenap lapisan rakyat di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin pula menyentuh soal keselamatan. Berdasarkan ketegangan di Indo-China dan supaya keadaan tersebut tidak berjangkit atau mempengaruhi negara ini adalah difikirkan penting bagi negara ini dilengkapi dengan sistem ketenteraan yang moden. Pihak

tentera kita perlu diberi latihan yang dinamis dan saintifik untuk menentang musuh-musuh ketika negara ini diserang.

Selain dari ini sudah sewajarnya pihak Kerajaan memberi perhatian yang sepenuhnya ke arah ini supaya keadaan pertahanan kita benar-benar kukuh dan kuat kiranya berlaku sebarang serangan. Untuk menghadapi serangan seumpama ini hendaklah ditambah lagi kelengkapan-kelengkapan peperangan dan senjata. Senjata-senjata moden yang up-to-date hendaklah dilengkapi di samping tentera kita diberi latihan yang memuaskan. Kita juga masih lagi kekurangan kapalterbang-kapalterbang. Adalah waras supaya tentera udara kita dibekalkan dengan kapalterbang-kapalterbang dan juga helikopter yang baru dan moden dan dilatih dengan cara lebih saintifik supaya mutu dan taraf mereka boleh mengimbangi tentera udara internasional. Pasukan polis kita juga perlu diberi perhatian. Sudah sampai masanya ditambah lagi ahli-ahlinya memandangkan jenayah-jenayah yang begitu maharajalela dalam negara kita ini pada hari ini.

Anggota-anggota Polis Marin ataupun Polis Laut perlu dilatih dengan berlipat-ganda dan dilengkapi dengan senjata-senjata dan bot-bot ronda yang up-to-date dan laju. Kelengkapan-kelengkapan yang kita sediakan nanti dapat menjamin mereka bertugas dengan lebih berhati-hati dan dedikasi. Dengan cara ini akan dapat terjaminlah keselamatan nelayan kita yang kenidupan seharian mereka semata-mata bergantung kepada mata pencarian yang diperolehi dari sumber laut. Kita sering terdengar bagaimana nelayan-nelayan kita dirompak secara kejam dan tidak berperikemanusiaan oleh lanun-lanun. Segala kelengkapan-kelengkapan menangkap ikan mereka dirampas dan ada juga di antaranya yang menemui maut.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengalu-alukan langkah Kerajaan untuk membantu nasib hidup para petani, nelayan dan mereka yang berkecimpung di sektor pertanian amnya. Sebagaimana yang kita tahu mereka ini adalah di antara golongan yang berpendapatan rendah dan sudah sewajarnya langkah-langkah diambil untuk membantu mereka meninggikan pendapatan dan taraf hidup mereka.

Gerak tani yang telah dilancarkan baharu-baharu ini adalah konsep yang positif tetapi kejayaannya adalah terletak kepada pelaksanaannya. Kenyataan saya tadi bukanlah satu kenyataan sceptical tetapi hanyalah berdasarkan kebenaran. Oleh itu adalah harapan saya supaya pelaksanaan perkara ini akan dijalankan dengan berkesan.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya ingin mengambil kesempatan untuk menyentuh mengenai perusahaan perikanan. Sebagaimana maklum kita beberapa lama dahulu di dalam Persidangan Undang-undang Laut (Law of the Sea Conference) telahpun diluluskan supaya jarak 200 batu daripada pantai sesebuah negara dijadikan daerah ekonomik khas (exclusive economic zone). Dalam hal ini nampaknya negara kita belum lagi mengisytiharkan daerah ekonomik khas ini. Di sini saya suka mengesyorkan kepada Kerajaan agar mengambil langkah-langkah untuk mengisytiharkan daerah tersebut dengan segera. Tujuannya adalah untuk menjaga kepentingan-kepentingan negara kita misalnya dalam perusahaan perikanan. Berhubung dengan perusahaan perikanan ini, saya sukacita juga mengemukakan dua syor. Pertama, saya ingin mengesyorkan supaya Kerajaan menimbang untuk mengenakan royalti yang berat kepada penangkap-penangkap ikan asing yang memasuki daerah perairan Malaysia. Ini adalah satu tambahan kepada langkah-langkah yang telah sedia ada sekarang. Langkah ini adalah perlu memandangkan bahawa ada terdapat penangkap-penangkap ikan asing seperti dari Taiwan, Thailand, Jepun dan sebagainya yang telah memasuki daerah perairan Malaysia. Langkah ini akan mempunyai dua kesan. Pertama, saya percaya ia akan merupakan satu tindakan yang akan dapat mengurangkan kemasukan penangkap-penangkap ikan asing itu ke perairan Malaysia. Kedua, ia juga mendatangkan sumber kewangan kepada Kerajaan. Patut saya sebutkan di sini bahawa langkah sedemikian bukanlah satu perkara yang asing, ia juga diamalkan oleh negara-negara lain seperti New Zealand and Indonesia.

Syor saya yang kedua ialah supaya Kerajaan menimbangkan satu usaha untuk membeli kapal-kapal besar seperti floating fleet bagi penangkap-penangkap ikan kita. Ini memandangkan bahawa pada masa sekarang penangkap-penangkap ikan kita hanya mempunyai bot-bot yang mengikut ukuran

antarabangsa adalah kecil. Ini tidak memungkinkan mereka pergi jauh ke tengah laut di mana sumber ikan adalah lebih lumayan sedangkan di daerah yang berdekatan pantai sumbernya sudah hampir kehabisan. Di samping itu bot-bot besar yang disebutkan tadi juga adalah sangat moden dan sophisticated. Serba serbi kemudahan ada padanya dari kemudahan menarik dan menangkap ikan-ikan hinggalah kepada kemudahan-kemudahan memproses ikan-ikan itu yang mana ada juga di dalam kapal itu. Sebagaimana yang kita tahu penangkap-penangkap ikan ini ialah salah satu golongan yang mempunyai pendapatan yang paling rendah dan adalah dasar Kerajaan untuk meninggikan pendapatan mereka yang tidak berada ini. Dengan pemberian bot-bot besar ini sudah tentu pendapatan mereka dapat bertambah. Dan saya harap syor-syor saya ini akan dapat pertimbangan demi membantu penangkap-penangkap ikan kita itu.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh soal pelajaran, marilah kita sama-sama meninjau ke daerah pendalaman akan kita dapati bangunan-bangunan sekolah yang sudah lama dan usang sehinggakan hampir-hampir reput hanya masa sahaja yang dapat menentukan nasibnya. Sangat sedih apabila kelihatan murid-murid kecil terpaksa diberi pelajaran dalam kelas yang bukan sahaja sempit dan kecil malahan berkurangan udara akibat kesesakan tersebut. Selagi keadaan ini tidak diperbaiki yang menjadi mangsa ialah anak-anak kita yang kurang bernasib baik. Salah satu cara untuk menjadikan murid-murid itu cergas dan sihat ialah penglibatan diri mereka dalam bidang kesukanan dan permainan. Bagaimana mereka boleh bermain dengan sempurna sedangkan sekolah-sekolah seperti ini tidak disediakan padang-padang permainan, gelanggang-gelanggang sepaktakraw, badminton, bola tampar dan seumpamanya. Dalam dunia yang serba moden ini seharusnya murid-murid diberi galakan mendekati buku-buku bacaan seberapa boleh, malangnya jiwa murid-murid tidak dapat disemaikan dengan bibit-bibit menikmati bacaan lantaran sekolah-sekolah seperti ini tidak disediakan dengan kutub-khanah ataupun perpustakaan yang lengkap. Saya mencadangkan supaya apabila ada rancangan mendirikan sesebuah sekolah hendaklah terlebih dahulu dilengkapi dengan pagar, padang bola dan

gelanggang-gelanggang tertentu. Apa yang saya suarakan ini berdasarkan apa yang saya alami di kawasan saya sendiri. Kenyataan ini mungkin dialami juga oleh rakan-rakan saya Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain di kawasan mereka. Selain dari itu saya berpendapat sekolah-sekolah perlu juga dibekalkan dengan bilik-bilik sembahyang atau surau supaya memudahkan murid-murid sembahyang bersendirian atau berjemaah. Sekiranya ada pejabat yang sanggup menyediakan bilik-bilik sembahyang kepada pekerja-pekerjanya maka tidak ada sebab sekolah-sekolah seperti ini tidak boleh mencontohinya.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih dan saya mohon menyokong sekali lagi.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Kota Melaka.

5.28 ptg.

Tuan Chan Teck Chan (Kota Melaka): Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya memasuki perbahasan atas Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, maka dua perkara yang mustahak perlu saya jelas dan tekankan di sini sekali lagi. Sungguhpun dalam Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia ada menyentuh masalah mengenai perkauman dan sikap berpuak-puak, tadi ucapan Ahli Yang Berhormat dari Pasir Puteh juga ada menuduh DAP adalah bertanggungjawab atas perpecahan rakyat di negara kita.

Di sini saya ingin sekali bertanya Ahli Yang Berhormat dari Pasir Puteh bahawa sejak tahun 1957 hingga hari ini selama 22 tahun Malaysia merdeka, siapakah yang memerintah negara kita, bukannya Kerajaan Perikatan dahulunya dan Kerajaan Barisan Nasional sekarang? Tetapi dengan sistem pemerintahan yang terdiri daripada parti-parti komponen yang bercorak perkauman ini maka timbullah persaingan kuasa di antara parti-parti komponen Barisan Nasional yang bercorak perkauman ini, maka polarisasi kaum kian bertambah hebat di Malaysia. Kalaulah DAP dipertanggungjawab sebagai parti yang memecah-belahkan perpaduan rakyat Malaysia, saya fikir satu cara yang paling berkesan untuk mengatasi dan mencapai perpaduan negara kita ialah membubarkan DAP sekarang dan

semua pemimpin-pemimpinnya boleh ditangkap. Masalahnya ialah bolehkah perpaduan rakyat negara kita tercapai bila DAP dibubarkan pada hari ini. Tidak guna DAP selalu dijadikan sasaran dan dituduh sebagai parti menghalang perpaduan rakyat negara kita.

Di sini kalaulah tiap-tiap parti politik, setiap Wakil Rakyat dan setiap rakyat Malaysia yang mahu melihat sebuah negara yang bersatu padu maka masalah perkauman dihapuskan maka syarat utamanya ialah parti-parti politik yang perkauman seperti UMNO, MCA dan MIC harus dibubarkan dan dijadikan satu parti yang berbilang kaum, maka masalah polarisasi-kaum barulah boleh diselesaikan. Tidak guna DAP selalu dikecam, dituduh. Kalau DAP benar-benar merupakan satu parti penghalang perpaduan rakyat, di sini saya mencadangkan Kerajaan Barisan Nasional menggunakan kuasanya untuk membubarkan DAP di arena politik di Malaysia. Kita cuba lihat bolehkah masalah perpaduan rakyat boleh dicapai atau tidak dengan ketiadaan parti DAP di Malaysia, Kerajaan boleh cuba. Kalau Kerajaan boleh memberikan satu jaminan kepada rakyat Malaysia, boleh memberikan satu jaminan kepada negara kita bahawa perpaduan boleh dicapai hanya melalui DAP dibubarkan kerana DAP adalah merupakan satu penghalang perpaduan rakyat maka DAP bersedia mengorbankan politik kita demi kepentingan negara dan rakyat maka DAP akan membubarkan diri sendiri tetapi adakah ini merupakan cara penyelesaian masalah perkauman di negara kita. Tuan Speaker, saya adalah serius memandangkan perkara ini.

Kalau kita mahu jujur menyelesaikan masalah perkauman toleransi kaum ialah semua parti itu perlu bekerjasama. Pertama saya adalah mencadangkan parti-parti perkauman di dalam Barisan Nasional perlu dibubarkan dan dijadikan satu parti yang berbilang kaum barulah politik bersaing kuasa, persaingan kaum atas dasar-dasar pemerintahan boleh dikikiskan dari bumi Malaysia selama ini kalau tidak saya tidak nampak ada jalan yang paling baik. Saya sedia mendengar nasihat dan sedia menerima cadangan daripada pihak Barisan Nasional bagaimana boleh mengatasi menghapuskan toleransi kaum kalau masih adanya parti-parti perkauman yang sangat hebat bersaing kuasa demi kepentingan kaum. Itu

sebabnya selama ini ada sebahagian pemimpin-pemimpin negara kita khususnya daripada Barisan Nasional menyalah-angap bahawa kepentingan kaum ini adalah kepentingan nasional, itu sebabnya berlakunya masalah perkauman di Malaysia kian bertambah hebat. Di sini saya berharap bila kita membincang sesuatu perkara lebih baik kita berbincang dengan secara rational, jangan tuduh-menuduh tanpa memberikan alasan atau memberikan fakta-fakta yang boleh diterima dan disokong oleh mana-mana satu pihak pun.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

Tuan Speaker, mengenai masalah inflasi sepertimana yang ditekankan dalam Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong ini saya memang bersetuju bahawa rakyat Malaysia perlulah bersikap dan bekerjasama dengan Kerajaan tetapi masalahnya apakah tanggungjawab Kerajaan untuk memerangi inflasi yang sedang masuk ke pintu Malaysia hari ini. Kita lihat manakah satu jenis barang yang digunakan oleh rakyat Malaysia tidak naik harganya. Orang hidup pun susah, orang mati pun susah, umpamanya coffin pun akan naik harga, barang-barang yang digunakan untuk upacara pengkebumian pun naik harga, hendak hidup pun susah, mati pun susah bagaimana pula kita hendak hidup?

Tuan Yang di-Pertua: Mana orang mati tahu susah? (*Ketawa*).

Tuan Chan Teck Chan: Ya, kerana coffin naik harga. Di sini tidak gunanya bagi Kerajaan hanya menyeru rakyat mengikat tali pinggangnya jangan makan, makan sedikit tetapi adakah Kerajaan menggunakan kuasanya untuk mengawal kenaikan harga barang-barang keperluan sehari-hari.

Di sini saya hendak minta satu pandangan daripada Yang Berhormat Menteri Perdagangan dan Perindustrian atau Menteri Kewangan apakah dasar anti atau memerangi inflasi ini telah diambil, ini adalah mustahak untuk menjamin kestabilan ekonomi negara kita. Kalau Kerajaan masih bersikap lemah dan tunduk kepada tekanan syarikat-syarikat yang monopoli ekonomi negara kita seperti syarikat minyak ini kalaulah minyak sekali lagi dinaikkan harga saya yakin Malaysia tidak boleh dilepaskan daripada mengalami

satu lagi kemerosotan ekonomi khususnya inflasi yang kian hebat pada tahun 80an ini. Kerajaan perlu bertanggungjawab terhadap masalah inflasi itu.

Duli Yang Maha Mulia juga dalam Titah Ucapannya adalah menyentuh mengenai penggunaan kekayaan sumber alam semula jadi negara kita. Tuan Speaker, di sini saya hendak bertanya apakah dasar-dasar yang berjangka panjang telah diambil oleh Kerajaan untuk melindungi sumber-sumber kekayaan alam semula jadi negara kita akan digunakan dengan sewajarnya digunakan dan dibuka, dibangun demi kepentingan rakyat dan negara kita, khususnya minyak yang merupakan satu sumber yang sangat-sangat diharapkan oleh negara kita. Kita tidak boleh meramalkan bahawa prospektif atau masa depan ekonomi Malaysia adalah baik. Kalaulah harga komoditi Malaysia sudah turun apakah kesannya akan tertimpa kepada negara kita. Di sini saya adalah mendesak Kerajaan perlu mengadakan satu dasar pembukaan dan penggunaan tenaga dan sumber kekayaan semula jadi negara kita.

Tuan Speaker, dari segi ekonomi dan perniagaan saya perlu menyeru Kerajaan bersikap rational dan berpandangan jauh terhadap masalah di rantau ini. Saya adalah mencadangkan bahawa Malaysia boleh berinisiatif untuk memperkuatkan dan memperkukuhkan perhubungan Malaysia dengan Negara China. Ini adalah demi kepentingan kestabilan politik dan ekonomi di rantau ini khususnya untuk Malaysia. Cadangan ini sebenarnya telah diutarakan oleh Naib President Indonesia, Tun Adam Malik, kata beliau bahawa negara-negara ASEAN perlu memperkukuhkan hubungannya dengan Negara China ini ialah demi kepentingan kestabilan politik di rantau ini. Dari segi itu saya harap Kerajaan boleh mengikis segala prasangkaannya terhadap Negara China.

Saya tidak berkata masalah ini tidak ada terlibat masalah keselamatan negara kita, memang perkara ini sangat sensitif. Cadangan yang saya buat ini hanya semata-mata berasas kepada kepentingan negara kita pada masa depan Malaysia di Asia Tenggara. Memang saya tidak menafikan ada ancaman komunis di Malaysia, keselamatan negara perlu dijaga tetapi menurut Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia bahawa ancaman

komunis sudah terkawal maka sekarang kita perlu memberikan satu pandangan yang lebih berat kepada pembangunan ekonomi dengan Negara China.

Tuan Speaker, di sini saya perlu menegaskan supaya DAP tidak disalah tuduhkan atau disalah takrifkan apa yang saya cakapkan di sini ialah dasar dan pendirian DAP ialah menentang segala bentuk perjuangan untuk memperolehi kekuasaan melalui cara kekerasan dan keganasan. DAP adalah menentang cara perjuangan politik mencapai kekuasaan melalui keganasan yang berdarah, DAP adalah menentang, tidak kira sama ada komunis, MCP atau apa-apa parti pun, DAP adalah menentang. DAP hanya mempercayai satu perjuangan politik yang berasaskan kepada sistem demokrasi yang berparlimen di sisi Perlembagaan Negara kita. Saya harap dasar dan pendirian DAP ini tidaklah disalah takrifkan nanti bila saya mencadangkan bahawa Malaysia perlu memperkukuhkan perhubungannya dengan Negara China.

Tuan Speaker, di sini saya perlu meminta Menteri Perdagangan dan Perindustrian supaya boleh membebaskan peniaga-peniaga Malaysia dapat berniaga secara bebas dengan Negara China (Tiongkok) khususnya dalam Canton Trade Fair. Saya harap segala sekatan bolehlah dihapuskan, jangan hanya berasaskan kepada pertimbangan politik, berasaskan pada alasan keselamatan negara maka peniaga-peniaga dan pedagang-pedagang Malaysia selalu disekat-sekat dan diberikan segala gangguan bila mereka cuba memperlibatkan peniagaan mereka dengan negeri China.

Tuan Speaker, di sini saya perlu menyentuh satu masalah mengenai pembinaan negara kita. DAP langsung tidak percaya Teori Domino. Bangun runtuh, maju mundur, hidup mati Malaysia adalah semata-mata bergantung pada tangan rakyat Malaysia sendiri khususnya pada Kerajaan yang memerintah Malaysia sendiri. Kalaulah dasar nation buildingnya, dasar pembinaan negaranya adalah adil dan saksama yang boleh diterima oleh semua kaum, semua masyarakat dan segenap lapisan masyarakat kita, saya yakin Malaysia tidak mungkin terjerumus ke tangan komunis atau mana-mana satu parti yang hanya mempercayai keganasan dan dictatorship untuk memerintah negara kita. Saya yakin, saya percaya rakyat Malaysia

memang suka hidup dalam suasana yang ada sekarang, secara bebas, hendak dapat kerja—ada kerja, mendapat tempat belajar, ada tempat belajar, inilah dasar yang boleh menjamin Malaysia dijadikan sebuah negara komunis atau sebuah negara yang tidak disukai oleh sesiapa pun.

Teori Domino ini sebenarnya adalah merupakan satu teori politik dari permainan power oleh kuasa-kuasa besar. DAP langsung tidak percaya, kalau satu hari Malaysia terjatuh ke tangan kuasa ketiga atau komunis, ini bukan kerana komunis sangat kuat, ini kerana dasar pembinaan negara kita yang lemah. Mungkin kerana disebabkan pemimpin-pemimpin negara kita yang corrupt, yang tidak boleh membela nasib rakyat kita.

Saya di sini perlu memberikan satu amaran kepada Kerajaan Barisan Nasional bahawa peristiwa tunjuk perasaan di Kedah ini jangan dianggap sebagai satu isu yang ringan. Ini adalah satu amaran yang serius terhadap Kerajaan Barisan Nasional dalam usahanya untuk membasmi kemiskinan khususnya di masyarakat pertanian.

Memang Kerajaan boleh menjadikan berbagai alasan untuk memesongkan pernyataan rakyat, untuk memberi tahu rakyat bahawa kerana ada segolongan rakyat tidak bertanggungjawab untuk menghasut-hasutkan kaum petani berdemonstrasi, tanyalah diri kita, adakah semua kaum petani khususnya di Kedah merupakan satu golongan yang bodoh, yang tidak ada otak, senang dihasut. Kalaulah kaum petani sudah kenyang perutnya, membolehkan anaknya bersekolah, dapat satu rumah sendiri, pendapatannya mencukupi menanggung perbelanjaan kehidupan mereka sendiri, siapa mahu buat tunjuk perasaan, siapa mahu ditangkap dan dihadapkan ke mahkamah.

Memang ini satu perkara yang perlu dikaji, jangan anggap kaum petani kita di Kedah semuanya bodoh, senang dihasut, sehingga 19,000 orang ikut tunjuk perasaan. Adakah kita menganggap mereka bodoh? Tidak. Saya mahu menegaskan di sini kaum petani tahu apakah masalah mereka. Mereka sungguh-sungguh merasai apakah penderitaan mereka dalam kehidupan mereka.

Sekarang Kerajaan katanya hendak menukar sistem kupon. Ini satu cara yang negatif. Cara yang positif untuk mengatasi

masalah kemiskinan di masyarakat petani ialah perlu mengadakan satu dasar reform tanah yang radikal itu yang paling mustahak untuk menjamin kehidupan rakyat khususnya kaum petani. Kalau kaum petani dapat bertani di tanahnya sendiri mereka akan merasa, dengan izin, sense of belonging, mereka akan merasa bangga, mereka akan bertungkus lumus untuk memperkayakan sumber pendapatan mereka. Tetapi peristiwa tunjuk perasaan di Kedah ini sudah disalah takrifkan.

Memang ini demi kepentingan politik Barisan Nasional, tetapi bagaimana caranya Barisan Nasional mahu memesonkan penglihatan rakyat atau orang ramai terhadap latar belakang peristiwa ini. Ini adalah kerja Kerajaan tetapi dari segi kepentingan negara kita, DAP adalah bertanggungjawab untuk memberitahukan Dewan yang mulia ini, untuk mengingatkan Kerajaan Barisan Nasional perlu menubuhkan satu jawatan-kuasa, kalau boleh Suruhanjaya Di Raja untuk mengkaji apakah masalah-masalah yang sebenarnya yang dihadapi oleh masyarakat luar bandar, masyarakat pertanian yang sehingga hari ini tidak boleh membasmi kemiskinan mereka.

Kalau kita mahu menjadi scapegoat—senang, tetapi bolehkah kita mengatasi masalah itu. Berapa lamakah kaum petani, kaum nelayan, rakyat di luar bandar khususnya bumiputra mahu melihat mereka masih hidup dalam keadaan yang seperti tahun permulaan tujuh puluhan di mana sebelum Dasar Ekonomi Baru dilaksanakan.

Kalau sampai masanya tahun 1990 Dasar Ekonomi Baru telah sampai tempohnya, kaum petani, kaum nelayan, rakyat di luar bandar khususnya bumiputra, sebab majoritinya masih merasa mereka tidak berubah, nasibnya seperti dahulu, saya kata satu malapetaka, satu kecelakaan, satu kekacauan akan berlaku di negara kita. Mungkin satu power struggle, dengan izin, class struggle akan berlaku di masyarakat luar bandar sendiri.

Di sini saya bukan untuk menakut-nakutkan pihak Barisan Nasional. Inilah pandangan DAP, DAP perlu berterus terang memberitahu Kerajaan Barisan Nasional mengenai apakah consequence yang kita akan hadapi pada tahun 1990 bila sudah tamatnya tempoh Dasar Ekonomi Baru.

Kita semua mestilah beringat-ingat, bila sampai masanya itu kalaulah rakyat sudah mendapati kedudukan ekonomi sosial mereka, quality kehidupan mereka tidak berubah, mungkin tunjuk perasaan yang lebih raksaksa, yang lebih dahsyat yang mungkin akan menumbangkan Kerajaan akan berlaku.

Sekarang masih masa. Kalaulah Kerajaan boleh menerima nasihat DAP untuk membetulkan cara pelaksanaan Dasar Ekonomi Barunya, saya sudah mengatakan di sini berkali-kali DAP menyokong sepenuhnya Dasar Ekonomi Baru tetapi cara perlaksanaannya adalah menyelewang. Kalau nasihat ini tidak mahu diterima tetapi bila berlakunya satu consequence yang saya sebutkan tadi, DAP tidak boleh dijadikan scapegoat lagi atau dituduh kerana DAPlah menghalang Dasar Ekonomi Baru. Maka gagallah Dasar Ekonomi Baru, maka gagalah kaum bumiputra mencapai matlamat ekonominya. Kalau ini caranya mahu mengatasi masalah, saya yakin apakah bezanya masa hadapan dan nasib Malaysia, dengan negara-negara yang sedang membangun seumpama yang berlaku di Afrika dan seluruh dunia ini. Runtuhnya Kerajaan, runtuhnya negara bukan kerana sesiapa tetapi kerana pemimpin-pemimpin yang memerintah tidak mahu mendengar nasihat rakyat, tidak mahu menerima rayuan rakyat sendiri, rakyat sendiri akan menjatuhkan pemerintahan yang ada sekarang. Di sini adalah tanggungjawab DAP memberitahu perkara yang serius ini.

Tadi Ahli Yang Berhormat dari Pasir Putih sudah melemparkan satu tuduhan yang paling tidak bertanggungjawab mengenai Dasar Ekonomi Baru itu. Sebab itu saya mengambil peluang ini untuk memberitahu Dewan yang mulia ini mengenai pendirian DAP, apakah consequencenya kalau Kerajaan masih berdegil, masih menganggap apa yang dijalankannya itu adalah benar, maka biarlah apa yang saya cakapkan di sini direkodkan dalam sejarah Malaysia. Apabila berlaku peristiwa pada masa akan datang, marilah kita bersama-sama duduk untuk membaca balik rekod apa yang DAP cakapkan di sini.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai dasar pelajaran kebangsaan dan Laporan Kabinetnya, saya adalah merayu kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri supaya dapat mengatur satu persidangan khas di Dewan

yang mulia ini untuk membincangkan dengan secara mendalam dan menyeluruh tentang masalah-masalah, cadangan-cadangan dan perakuan-perakuan yang dibuat dalam Laporan Jawatankuasa Pelajaran yang mengenai pelaksanaan Dasar Pelajaran Kebangsaan itu. DAP adalah menganggap serius dan juga menganggap mustahak maka saya harap apabila menggulung perbahasan ini, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bolehlah memberikan satu jaminan bahawa Dewan ini akan diperuntukkan satu masa untuk membahaskan Laporan itu.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai peristiwa 13 Mei, dua hari yang lepas dan tadi juga DAP selalu dituduh adalah satu parti yang bertanggungjawab di atas teretusnya peristiwa 13 Mei itu. Tuan Yang di-Pertua, siapakah sebenarnya yang membawakan malapetaka di negara kita yang dinamakan peristiwa 13 Mei itu. Kalaulah DAP kerana mempermain-mainkan isu perkauman, mengapi-apikan isu sensitif sehingga teretusnya peristiwa 13 Mei itu, maka DAP akan mencabar Barisan Nasional, khususnya Kerajaan Barisan Nasional, untuk menubuhkan satu Suruhanjaya Di Raja untuk menyiasat latarbelakang sebab-musabab yang berlakunya peristiwa 13 Mei itu supaya rakyat boleh mengetahui siapakah yang mencetuskan peristiwa 13 Mei itu. Apakah motifnya peristiwa 13 Mei itu dilancarkan supaya satu post-mortem boleh diadakan supaya mereka yang bertanggungjawab itu boleh dihadapkan ke mahkamah, boleh dihadapkan untuk dihukum oleh rakyat sendiri. Janganlah menggunakan peristiwa 13 Mei setiap kali pilihanraya umum atau pilihanraya kecil. Ah! Jangan undi DAP, kalau undi DAP ingat peristiwa 13 Mei. Di mana-mana pun saya fikir

Tuan Yusof bin Malim Kuning: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Hendak apa? Memberi penjelasan? Hendak beri jalan untuk penjelasan?

Tuan Chan Teck Chan: Adakah masanya akan dipotong?

Tuan Yang di-Pertua: Tidak dipotong.

Tuan Chan Teck Chan: Minta maaf, kerana masa sangat mustahak.

Tuan Yang di-Pertua: Baik, teruskan. Ahli Yang Berhormat ada 3 minit lagi. Bila tidak benar, itu tidak boleh—duduklah!

Tuan Chan Teck Chan: Peristiwa 13 Mei ini, saya harap Kerajaan boleh bersikap adil dengan mengadakan Suruhanjaya Di Raja untuk menyiasat perkara ini supaya keseluruhan latarbelakang sebab-musabab berlakunya peristiwa 13 Mei itu bolehlah diberitahu kepada rakyat supaya rakyat boleh mempelajari pengajaran itu supaya peristiwa 13 Mei itu tidak akan belaku lagi. Baik DAP atau Barisan Nasional boleh bersama-sama mengingati faktor-faktor yang mengakibatkan peristiwa 13 Mei itu. Janganlah hanya DAP dituduh yang tidak berdosa dan tidak bersalah dipertanggungjawabkan. Ah! DAPlah mencetuskan 13 Mei. Kalau DAP begitu kuat boleh mencetuskan 13 Mei itu DAP sudah menjadi Kerajaan, tidak akan duduk di sini menjadi parti Pembangkang.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya, saya mahu meminta Ketua Pemuda UMNO, Tuan Haji Suhaimi

Tuan Yang di-Pertua: Nama tidak boleh sebut.

Tuan Chan Teck Chan: Minta maaf boleh menyatakan pendiriannya secara terbuka baik di Dewan yang mulia ini atau di luar Dewan yang mulia ini mengenai pendirian Pemuda UMNO khususnya Ketua Pemuda UMNO tentang pencerobohan secara ketenteraan Soviet Union terhadap Afghanistan sebagai sebuah negara yang ketiga, sebagai sebuah negara yang beragama Islam, sebagai negara yang berkecuali. Selama ini rakyat Malaysia merasa terperanjat sehingga Pemuda UMNO langsung tidak menyuarakan atau memberitahu kepada rakyat apakah pendirian Pemuda UMNO mengenai peristiwa Pencerobohan Soviet Union terhadap Afghanistan.

Apakah sebabnya Ketua Pemuda UMNO mendiamkan diri tak pernah mengutuk, tak pernah menentang tindakan Soviet Union itu? Rakyat adalah berhak dan rakyat mahu mengetahui apakah sebab Ketua Pemuda UMNO mendiamkan diri. Kalau lain-lain isu menjadi hero di mana-mana

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup. Ahli Yang Berhormat dari Dungun.

5.58 ptg.

Tuan Awang bin Jabar (Dungun): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun bagi turut serta mengambil bahagian bersama-sama Ahli Yang Berhormat yang lain untuk menyokong ucapan junjung kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang telah melafazkan Titah Ucapan Baginda sewaktu pembukaan mesyuarat Pertama Penggal Kedua Parlimen kelima hari Isnin baru-baru ini.

Sesungguhnya, Tuan Yang di-Pertua, Titah Baginda yang dilafazkan dengan bilangan kata yang pendek dan di dalam ruang waktu yang terbatas adalah mencakup semua aspek kehidupan rakyat di negara ini. Ternyata sekali dari sebuah Titah yang bertemakan ke arah menjaga ketahanan negara dan perpaduan rakyat itu menunjukkan minat dan perhatian Baginda kepada kebajikan rakyat dan kesejahteraan negara yang telah diamanahkan kepada Baginda sebagai tonggak pemerintahan negara ini. Kesimpulannya, Tuan Yang di-Pertua, selain aspek ekonomi, pelajaran, pertahanan dan keselamatan Baginda juga memekankan soal-soal Islam yang menjadi Ugama Rasmi negara.

Tuan Yang di-Pertua, melihat Islam dari sudut aktiviti lahiriah dan external appearance, orang-orang Islam tentu berbangga dengan kejayaan Kerajaan Barisan Nasional yang telah berjaya menerapkan cara hidup Islam ke dalam masyarakat Islam yang mencakup bidang ibadah, munakahat, muamalah dan jenayah.

Dalam bidang ibadah, Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan mengeluarkan peruntukan yang banyak untuk mendirikan masjid, surau, menyampaikan pelajaran Islam, menubuhkan Lembaga Urusan dan Tabung Haji dan lain-lain bagi kesenangan dan kemudahan orang Islam beramal dan beribadat. Begitu juga dalam bidang munakahat, Kerajaan menetapkan peraturan-peraturan Islam dalam menjalankan nikah-kahwin orang-orang Islam di negara ini. Manakala dalam bidang muamalah pula Kerajaan Barisan Nasional juga berjaya menyediakan kemudahan kepada orang Islam untuk mempertingkatkan taraf kehidupan mereka menerusi beberapa Rancangan Malaysia daripada Rancangan Malaysia Pertama, Kedua dan Ketiga dan insya Allah tahun depan akan dilancarkan pula Rancangan Malaysia yang Keempat

sama ada dalam sektor pertanian, perdagangan dan perindustrian dan lain-lain sektor.

Saya tidak menafikan, Tuan Yang di-Pertua, bahawa dalam bidang muamalah ini ada perkara yang berjalan tidak selaras dan selari dengan saranan Islam, umpamanya, muamalah, ribawiyah yang bersangkutan dengan banking system dan lain-lain institusi kewangan. Bagi mengatasi masalah ini saya menyeru Kerajaan supaya mengambil langkah positif ke arah menubuhkan Bank Islam dengan secepat mungkin.

Dalam bidang jenayah pula, Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan telah menjalankan lebih daripada separuh hukum-hukum mengikut hukum Islam di mana hukuman dikenakan secara takzir ataupun hukuman hudud yang berjalan hanya satu sahaja sekarang iaitu kisas, adapun had ataupun hudud kepada penjenayah zina yang menuduh zina, mencuri dan murtad tidak dilaksanakan sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, lebih jauh lagi selain dari Kerajaan Barisan Nasional berusaha menerapkan penghayatan dan cara hidup Islam ke dalam masyarakat Islam di negara ini menerusi aspek-aspek yang saya sebutkan sekejap, Kerajaan Barisan Nasional juga telah cuba menerapkan idealisme Islam menerusi perpaduan di mana Kerajaan melalui rencana-rencana perpaduan yang begitu teliti telah berjaya sekurang-kurangnya menyatukan tiga kaum yang terbesar di negara ini iaitu Melayu, Cina dan India.

Natijah dari usaha suci Kerajaan Barisan Nasional dalam melaksanakan dan menegakan Islam di negara ini, Tuan Yang di-Pertua, timbul pula dua kesan positif dan negatif. Kesan positifnya, kesedaran Islam telah timbul khususnya di kalangan belia di negara ini, di kalangan pegawai dan di kalangan semua lapisan masyarakat. Hasilnya walaupun tempat-tempat maksiat masih ada tetapi bilangan yang mengunjungi dari orang-orang Islam ternyata telah berkurangan.

Kesan negatif pula dari wujudnya kesedaran Islam yang mendalam itu timbul pula rasa tidak puas hati di kalangan sebahagian masyarakat Islam, khususnya masyarakat penuntut Islam di luar negeri terhadap dasar pemerintahan Kerajaan sekarang. Pertanyaan yang lumrah dan rata-rata timbul ialah benarkah Malaysia sebuah

negara Islam. Tuan Yang di-Pertua, pada himat saya pertanyaan sebegini timbul apabila kajian yang mendalam mengenai sejarah perundangan di negara ini dibuat sebab bentuk dan corak satu-satu pemerintahan itu adalah amat bergantung kepada sistem perundangan yang menjadi asas pentadbiran sesebuah negara itu.

Tuan Yang di-Pertua, sejarah perundangan di negara kita ini bermula di zaman pemerintahan Kesultanan Melaka sewaktu Sultan Iskandar Shah memerintah. Waktu itu legal digest atau legal text yang digunakan ialah undang-undang Melaka dan text ini telah diedar ke negeri-negeri Melayu yang lain melainkan Negeri Sembilan. Beras kepada text undang-undang Melaka ini kita dapati bahawa undang-undang yang dikuatkuasakan pada zaman pemerintahan Raja-raja Melaka sebelum kedatangan penjajah British ialah undang-undang Islam berserta dengan undang-undang adat Melayu.

Secara ilmiah, Tuan Yang di-Pertua, dapat dibuktikan bahawa undang-undang Islam telah dilaksanakan secara beransur-ansur bermula dengan perkara-perkara amal ibadat dan disusuli pula dengan hal-hal nikah-kahwin, harta pusaka dan seterusnya kepada soal-soal sivil dan jenayah. Text undang-undang Melaka ini telah juga digunakan di Pahang yang dikenali Pahang Legal Digest di mana sebanyak 42 seksyen daripada digest tersebut adalah merupakan terjemahan undang-undang Islam bermezahab Shafie. Selain daripada itu, di Kelantan misalnya pada zaman itu mereka yang didapati melanggar undang-undang Islam ditangkap dan dihukum menurut hukum Islam. Di Kedah pula, Tuan Yang di-Pertua, di dalam Criminal Procedure Code ada menyatakan orang yang mencedera orang lain apabila sabit ia dikehendaki membayar Diah dan begitu juga di Trengganu pada zaman pemerintahan Baginda Omar hukum seumpama itu juga dijalankan. Sistem perundangan di negara kita ini mula bertukar corak apabila British menduduki Pulau Pinang, khasnya apabila Kerajaan British mengisytiharkan "The First Charter of Justice" yang disusuli dengan dua Charter of Justice yang terkemudian daripadanya. Dan dari sejak itu undang-undang British mula mengambil tempat di negara ini sehinggalah ke saat sekarang yang pula diterima oleh masyarakat setempat di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, bagi pengkaji sejarah perundangan di negara kita tentunya akan bertanya kenapakah undang-undang British sekarang diterima oleh masyarakat dan bolehkah undang-undang Islam dilaksanakan di negara kita ini. Pada himat saya penerimaan undang-undang sekarang oleh masyarakat ialah kerana adanya kepercayaan dan keyakinan seluruh masyarakat terhadap jentera keadilan yang dipimpin oleh Yang Amat Arif Ketua Hakim Negara.

Tuan Yang di-Pertua, masalah pelaksanaan undang-undang Islam di negara ini menjadi masalah kontroversi yang hangat diperkatakan banyak yang pro ada juga yang kontra dan tidak kurang pula yang menjadikan isu ini untuk kepentingan politik masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua, pada himat saya yang kontra dalam masalah ini adalah berpunca daripada dua sebab. Sebab yang pertama kerana ada golongan ini barangkali jahil mengenai undang-undang Islam. Kedua, lahirnya daripada anasir-anasir yang sentiasa hendak menyekat kemajuan Islam di Malaysia ini. Menginsafi dan menyedari bahawa menegakkan Islam dan perundangannya adalah menjadi kewajipan kita yang diamanahkan oleh Allah maka usaha-usaha positif ke arahnya hendaklah diambil dan sebagai langkah asal ke arah itu saya menerusi Dewan yang mulia ini menyeru Kerajaan agar dapat menjadi dan mengisytiharkan Islam sebagai teras pemerintahan dan pentadbiran negara ini. Dan sebagai langkah susulannya, Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan:

Pertama, persediaan kakitangan yang ccekap dan cukup hendaklah dibuat oleh Kerajaan menerusi semua Kementerian khususnya Kementerian Pelajaran dan Kementerian Undang-undang.

Yang kedua, penerangan mengenai keung-ugulan dan ketinggian Islam hendaklah disebarkan dengan seluas-luasnya kepada seluruh rakyat negeri ini tanpa mengira kaum.

Ketiga, agensi-agensi yang menjalankan aktiviti keislaman sekarang hendaklah diberi priority dengan menambahkan pegawai-pegawai dan lain-lain keperluan yang diperlukan.

Keempat, Tuan Yang di-Pertua, rencana-rencana pembangunan spiritual hendaklah diperhentikan menerusi semua agensi dan kalau ini dapat dilakukan kita bukan sahaja dapat menyediakan masyarakat yang akan menerima undang-undang Islam nanti malahan juga dalam waktu yang sama kita telah menyediakan beberapa Yang Amat Arif di dalam bidang perundangan Islam yang akan menjalankan jentera keadilan undang-undang Islam di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, pada himat saya syor dan cadangan yang saya kemukakan dalam Dewan yang mulia ini amat berbetulan dengan kenyataan yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sebagaimana yang dilaporkan oleh akhbar tempatan *The Star* keluaran 22-4-79 muka surat 14, dengan izin :

“The Government intended to thoroughly enforce Islamic law at a gradual rate and according to the prevailing condition.”

dan dengan kata-kata itu, Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong usul tersebut.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Kepong.

6.10 ptg.

Dr Tan Tiong Hong (Kepong): Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong usul mengucapkan berbilang-banyak syukur dan menjunjung kasih Kebawah Duli kerana Titah Ucapan Kebawah Duli pada masa membuka Penggal Kedua Parlimen Yang Kelima.

Tuan Yang di-Pertua, jangka masa 1979/1980 adalah satu jangka masa yang amat penting. Negara kita telah berjaya mencapai satu rekod pertumbuhan ekonomi yang melebihi kadar pertumbuhan purata. Kadar pertumbuhan yang cemerlang ini harus berterusan pada tahun-tahun lapan puluhan dengan penilaian semula Kerajaan tentang dasar-dasar, keutamaan serta pendapat Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, sikap sedemikian menjadi lebih penting lagi dengan sampainya kita pada satu titik sejarah dengan masuknya Hijrah kelimabelas dan tahun 80an di mana Rancangan Malaysia Ketiga akan berakhir tahun ini. Memandangkan halangan-halangan yang wujud dalam pelaksanaan program gergasi Kerajaan, kemajuan yang

tercapai amatlah terpuji. Kejayaan sebuah negara yang sedang membangun bergantung kepada jenis dasar-dasar ekonomi serta matlamat-matlamat yang ditetapkan untuk pertumbuhan ekonomi negara. Dengan pertumbuhan stabil, masalah sosial dan politik masih wujud apatah lagi dalam keadaan ekonomi yang kurang stabil.

Dalam negara kita, perkara-perkara ekonomi yang mendapat perhatian yang besar kerana semua matlamat-matlamat termasuk matlamat-matlamat Dasar Ekonomi Baru hanya tercapai dengan adanya pertumbuhan ekonomi. Bagaimanapun saya gembira dengan kenyataan sekarang di mana Kerajaan amat sadar tentang kesan-kesan sosio-ekonomi akibat pertumbuhan ekonomi dan kemodenan.

Dalam Titah Ucapan Baginda kepada Parlimen iaitu satu ucapan yang amat menyeluruh sekali pernah disampaikan di dalam Dewan yang mulia ini, Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong telah merayu kepada rakyat supaya berfikir dan bertindak kemalaysiaan.

Saya memerhati dengan bangga perhatian yang diberikan terhadap keperluan untuk mempelajari daripada kesilapan-kesilapan yang berlaku di negara-negara lain dalam konteks kemajuan ekonomi beserta dengan masalah-masalahnya.

Begitu juga, Duli Yang Maha Mulia telah menjelaskan bahawa Kerajaan tidak akan membiarkan sentimen-sentimen yang melampau (extremist) serta bertentangan dengan usaha-usaha kemajuan. Pendekatan yang paling sesuai bagi masyarakat kita yang berbilang bangsa haruslah satu pendekatan yang seimbang. Masyarakat Malaysia dengan sendirinya adalah sangat yunik.

Malaysia terletak di titik strategik dalam kawasan perdagangan Asia Tenggara juga satu rantau yang agak sensitif dalam pergolakan politik. Negara Malaysia merupakan satu kawasan yang begitu tenang dan tenteram walaupun dikelilingi oleh rantau-rantau yang begitu penuh dengan pergolakan dan konflik berserta dengan rantau-rantau yang berasingan.

Rantau-rantau konflik termasuk kawasan Vietnam Indo-Cina dan Laos. Kawasan-kawasan berasingan termasuklah Australia, New Zealand dan Pulau-pulau Pasifik. Tuan

Yang di-Pertua, di tengah-tengah kedua-dua kedudukan yang bertentangan ini, Malaysia terus berkembang dalam kestabilan politik, identiti sosial dan sumber-sumber alam. Rumah kepada pelbagai kumpulan sosial dan kebudayaan, Malaysia juga adalah titik perengahan bagi perjalanan laut dan utara.

Tadi Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka telah memberitahu Dewan ini bahawa Malaysia mempunyai satu suasana yang sesuai kepada rakyat kita tetapi Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka sudah lupa mengakui suasana yang sesuai dan suasana yang maju ini ialah oleh kerana Kerajaan Barisan Nasional telah mencapai melalui beberapa rancangan-rancangan Barisan Nasional untuk mencapai suasana sedemikian. Apabila kita menentang Kerajaan, jikalau ada apa-apa tindakan Kerajaan yang memberi faedah kepada negara kita, kita juga harus memberi pujian.

Tuan Yang di-Pertua, tadi saya telah sebutkan iaitu Malaysia adalah unik dan unik dari segi identiti yang terbentuk dari satu masyarakat berbilang bangsa, Malaysia faham dan sedar tentang bahaya-bahaya terikut-ikuk dengan kebudayaan atau gejala-gejala masyarakat asing. Masyarakat kita sentiasa mempelajari kesilapan-kesilapan yang dilakukan oleh negara-negara lain dalam percubaan mereka untuk mencapai kemajuan yang pesat.

Negara Iran adalah satu contoh yang baik di mana satu masyarakat sedang dalam proses menolak segala nilai-nilai dan ketutamaan-keutamaan yang diagung-agungkan dahulu. Malaysia tidak seharusnya mengikut jejak langkah negara Iran. Sebaliknya, kita harus memperteguhkan lagi nilai-nilai hidup melalui kekuatan ekonomi dan kemajuan sosial untuk membina satu masyarakat yang berasaskan satu struktur sosial yang kuat dan teguh.

Tuan Yang di-Pertua, kini, saya suka mengingatkan Kerajaan supaya jangan memberi tekanan melampau terhadap kebendaan serta nilai-nilainya tetapi sebaliknya memperkembangkan tatatertib dan kestabilan. Masalah-masalah sosial yang kita hadapi hari ini adalah akibat tekanan-tekanan berterusan terhadap ekonomi dan kebendaan. Nyata sekali terdapat tindakbalas dan ke-sungguhan yang melebihi batasan!

Tuan Yang di-Pertua, perkara-perkara tersebut di atas memberi lebih makna kalau kita pertimbangkan masalah dadah di negara kita. Mengikut laporan-laporan yang tersiar, kita mempunyai lebih kurang 300,000 hingga 400,000 penagih dadah di negara kita. Saya ingin menyeru pihak-pihak berkuasa berkenaan melepaskan jumlah sebenarnya demi kesedaran semua rakyat. Selain dari fakta bahawa 60 peratus dari mangsa-mangsa dadah adalah dalam kumpulan umur 19 hingga 30 tahun, tiada perangkaan untuk mempertunjukkan sekiranya masalah ini dapat dicegah ataupun bertambah buruk.

Tuan Yang di-Pertua, negara kita harus sedar peratus tersebut adalah sebahagian dari generasi baru kita dan sekiranya Malaysia bergantung kepada belia untuk pimpinan masa depan serta kemajuan ekonomi, maka masyarakat Malaysia nescaya akan berpecah lalu runtuh dalam masa beberapa dekad saja dari sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, masalah dadah seharusnya dihapuskan tanpa mengira kos supaya masa depan kita akan penuh dengan belia-belia yang sihat serta cerdik. Kita harus mengadakan satu rancangan untuk mendapat butir-butir berikut:

- (i) jumlah sebenarnya penagih dadah;
- (ii) rancangan pemulihan penagih dadah; dan
- (iii) sebab-sebab penggunaan dadah.

Masalah dadah adalah berasaskan frustrasi belia-belia dalam kehidupan bandar. Kegagalan mereka untuk memenuhi kehendak-kehendak kebendaan bandar membuat mereka hilang kepercayaan diri sendiri lalu menggunakan dadah sebagai alat melarikan diri dari frustrasi hidup. Masalah ini lebih teruk di Kuala Lumpur kerana cara hidup bandarnya begitu sukar bertambah pula masalah penghijrahan luar bandar ke bandar. Gejala penghijrahan ini bukanlah satu perkara baru di dunia ini; hanya kita segan mempelajari dari kesilapan negara asing.

Untuk menyelesaikan masalah dadah, saya ingin menyeru Kerajaan mendirikan lebih Pusat-pusat Belia di mana belia-belia boleh mendapat bimbingan. Juga, bimbingan yang sama harus diberi kepada beliawanis-beliawanis yang berhijrah ke bandar untuk bersesuaian dengan hidup bandar. Lebih-lebih

lagi kita semua harus sedar dan faham bahawa belia-belia yang terlepas dari ancaman dadah boleh pula memberontak sebagai pelampau agama yang akan berakar menjadi perselisihan sosial.

Tuan Yang di-Pertua, dalam tahun terakhir Rancangan Malaysia Ketiga ini, Kerajaan telah melipatgandakan tenaga dalam segala percubaan untuk membasmi kemiskinan. Kerajaan sedang melancarkan pelbagai rancangan demi mempertingkatkan taraf hidup petani dan nelayan di luar bandar. Petani-petani telah menerima subsidi besar bagi komoditi-komoditi terutama beras dan gula. Dan tadi Ahli dari Kota Melaka tidak memberi satu gambaran yang benar apabila dia mengatakan Kerajaan Barisan Nasional tidak mengambil langkah yang sesuai dan berkesan untuk mengatasi masalah-masalah kemiskinan di kalangan petani dan penduduk-penduduk di luar bandar. Saya yakin jikalau Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka hendak melihat dia boleh melawat rancangan-rancangan FELDA dan boleh melihat sendiri di mana langkah-langkah yang Barisan Nasional telah ambil dan berjaya menaikkan taraf hidup petani-petani dan pekebun-pekebun kecil.

Tuan Yang di-Pertua, baikpun kita sudah berjaya, kadar inflasi pada masa sekarang adalah 5%. Bagaimanapun kadar inflasi akan meningkat lagi akibat kenaikan kos import dan kekurangan beberapa barang-barang keperluan di negara kita. Sekiranya kita ingin menjamin masyarakat Malaysia yang lebih adil di mana kumpulan pendapatan tetap dapat perlindungan daripada inflasi, maka Kerajaan harus mencegah inflasi di semua peringkat. Kerajaan sepatutnya mendidik orang ramai supaya lebih bertanggungjawab dalam hal kawalan inflasi. Kerajaan harus menggalak orang ramai menyimpan lebih wang dan belanja kurang wang. Kedudukan wang simpanan luar negeri kita masih kuat lagi. Jumlah pendapatan eksport telah meningkat ke 23% pada tahun 1979 berbanding dengan 14% pada tahun 1978. Ini adalah satu faktor tambahan bagi ekonomi kita yang sedang berkembang pesat ke tahun-tahun 80an. GNP benar bagi tahun 1979 tumbuh 8%.

Malangnya, kemajuan ekonomi telah membawa masalah-masalah sosial bersama-samanya. Beberapa kumpulan yang mempunyai dugaan atau harapan tinggi telah terkecewa akibat kegagalan untuk mencapai harapan-harapan yang tinggi tadi. Tindakbalas negatif tadi akan terus melemahkan lagi usaha-usaha untuk kemajuan.

Oleh kerana adanya ketakutan terhadap Akta Koordinasi Perindustrian (ICA) dan kurang kefahaman dasar-dasar perindustrian maka timbullah polarisasi mengikut garis-garis ekonomi. Niat-niat awal Dasar Ekonomi Baru dan Rancangan Malaysia Ketiga telah mengkaburkan lagi identifikasi vokesyen dengan bangsa. Masa moderasi serta pendekatan yang waras terhadap kritik-kritik Akta Koordinasi memerlukan penyelesaian.

Tuan Yang di-Pertua, pada mulanya terdapat perasaan am bahawa dasar-dasar perindustrian adalah kurang adil. Ketidakadilan tersebut telah diperbetulkan melalui usaha tulus ikhlas Kerajaan mengubah Akta berkenaan dan usaha Dewan-dewan Perdagangan memperjuangkan hak-hak masing-masing. Kejayaan langkah ini terbukti dengan kembalinya kepercayaan sektor swasta terhadap usaha-usaha Kerajaan dalam rancangan perindustrian. Sebenarnya terdapat banyak projek yang ketinggalan ke belakang dan saya inginlah menyeru Kerajaan agar menyelaraskan dengan pihak-pihak berkuasa peringkat negeri untuk mempercepatkan lagi pelaksanaan projek-projek tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, dalam bidang pendidikan terdapat pula perasaan tak puas hati tentang Dasar Pendidikan Nasional. Laporan Kabinet berkenaan pendidikan masih tak berjaya untuk memberi penjelasan yang cukup tentang corak pendidikan pada masa depan. Perasaan ketakutan di kalangan setengah-setengah rakyat haruslah dihapuskan melalui penjelasan Kerajaan yang lebih terang dan ringkas. Jikalau tidak, DAP dan parti-parti Pembangkang boleh menggunakan kurang fahaman dalam dasar ini.

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup. Dewan ditangguhkan hingga jam 2.30 petang hari esok, Jumaat 21-3-1980.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.